DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

1.7 Hipotesis Kajian

Dua hipotesis telah dibina seperti berikut:

i. $H_0$1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pentadbiran daripada segi perancangan, pengawalan dan penilaian dengan pencapaian kokurikulum murid.

ii. $H_0$2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kepimpinan guru daripada segi kesediaan, pengetahuan dan komitmen terhadap pencapaian kokurikulum murid.

1.8 Kerangka Teoritikal Kajian


Kajian ini berpusatkan Teori Sistem seperti yang disampaikan oleh Daft (2008a). Pendekatan Sistem melihat organisasi sekolah sebagai suatu sistem yang bersatu, bertujuan dan terdiri daripada bahagian-bahagian yang saling berkaitan. Walau bagaimanapun, pengkaji telah mengubahsuai kerangka teori ini mengikut kesesuaian kajian ini (Rajah 1.2).

Pengurusan merupakan proses yang digunakan oleh seseorang pengurus dalam usahanya untuk mencapai matlamat organisasi dengan menghubung dan menyesuaikan fungsinya yang berlainan, pelbagai kemahiran profesional, kecekapan dan pengalaman (Daft, 2012; Tasić, Tubić, Tasić, & Mitic, 2011; Robbins & De Cenzo, 2008). Dengan itu, aktiviti dan amalan iaitu proses pentadbiran dan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

kepimpinan yang dilakukan di sekolah merupakan elemen penting dalam menentukan pencapaian dan prestasi kokurikulum murid (Olasunkanmi & Mabel, 2012).



Rajah 1.2. Kerangka Teoritikal Kajian

Untuk mengurus dan melaksanakan aktiviti kokurikulum dengan berkesan, pengurus harus menguasai pengetahuan dan kemahiran pengurusan aktiviti kokurikulum seperti merancang (Kinicki & Williams, 2013; Daft, 2012; Sabri Hussin, Raida Abu Bakar, Mohd. Radzuan Rahid, & Ruhana Busu, 2004), mengawal (Daft, 2012; Zafir Mohd. Makhbul, Mohd. Hizam Hanafiah, & Fazilah Mohamad Hasun, 2009; Koontz & Wiehrich, 2007) dan menilai. Konsep penilaian yang dikemukakan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

(Daft & Marcic, 2011; Nitko, 2004; Rossi, Lipsey, & Freeman, 2004) mengaitkan matlamat, input dan proses dengan hasil program untuk memperbaiki sesuatu program dalam membantu pencapaian matlamat dan objektif program.

Oleh sebab guru-guru penasihat merupakan sumber utama dalam sistem pengurusan kokurikulum sekolah, dan tingkah laku mereka mempengaruhi keberkesanan pencapaian kokurikulum, maka penglibatan mereka di dalam penetapan matlamat kokurikulum haruslah menyeluruh (Ubben, Hughes & Norris, 2010). Pengetahuan dan pengalaman yang sedia ada pada seseorang guru mengikut Model Wallace saling bergantung antara satu sama lain membolehkan guru lebih bersedia untuk melaksanakan tugas profesionalnya (Jamaliah Mohd Jamal, 2013). Kesediaan merupakan suatu tahap yang mesti dicapai oleh seseorang guru untuk melaksanakan pekerjaan atau tugas dengan berkesan (Amin Senin, 2008).

Selain itu, guru yang berpengetahuan mampu melahirkan individu yang berkemampuan dalam konteks pendidikan kebangsaan (Gregson, 2003). Namun kekurangannya akan mempengaruhi kecekapan dan keberkesanan amalan pengurusan kokurikulum sekolah (Mohamad Kamaludin Taib, 2008; Mani Man Singh Rajbhandari, 2007). Cohen (2011) serta Bogler dan Somech (2004) menegaskan bahawa komitmen adalah penting sebagai satu penghubung antara matlamat dengan misi personal, misi sekolah, serta kepercayaan peribadi individu tentang misi, sikap dan kesetiaan terhadap sekolah serta hasil yang hendak dicapai. Oleh itu, komitmen terhadap proses mencapai matlamat sekolah hendaklah berlaku di setiap tahap (Ubben, Hughes, & Norris, 2010).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Pencapaian adalah pengetahuan, pemahaman dan ketrampilan yang dikuasai murid sebagai hasil pengalaman kokurikulum (Aripin Yuddin, 2008). Teori pencapaian juga dirujuk sebagai Teori Keperluan Diperolehi atau Teori Keperluan Belajar. Daft (2008b) serta Lussier dan Achua (2007) mentakrifkan teori tersebut sebagai "teori McClelland" yang mencadangkan bahawa setiap murid mempunyai motivasi untuk mencapai kejayaan dengan keperluan yang berbeza.


1.9 Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1.3 merupakan model yang diinovasi daripada kerangka Teori Sistem Daft (2008a) yang berpendapat bahawa organisasi sekolah dilihat sebagai satu sistem. Berdasarkan kerangka konseptual kajian yang ditunjukkan, kajian ini menggunakan pentadbiran dan kepimpinan guru sebagai pemboleh ubah bebas iaitu faktor yang mempengaruhi pencapaian kokurikulum murid.

Dalam kajian ini, faktor pentadbiran terdiri daripada segi perancangan, pengawalan dan penilaian manakala faktor kepimpinan guru terdiri daripada segi kesediaan, pengetahuan dan komitmen. Dengan adanya pentadbiran dan kepimpinan guru, dijangka mempengaruhi peningkatan pencapaian kokurikulum murid.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F



Rajah 1.3. Kerangka Konseptual Kajian

1.10 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah penting untuk:

i. Memberi manfaat kepada Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah mengenai senario yang berlaku di sekolah dan memberi pendedahan atau menganjurkan kursus-kursus yang berkaitan dengan pengurusan kokurikulum yang secukupnya kepada para pendidik dari semasa ke semasa berdasarkan pengalaman dan ilmu yang sedia ada.

ii. Dijadikan panduan oleh pihak pentadbir sekolah untuk memahami tahap pengendalian dan kemahiran dalam merancang, mengawal dan menilai dalam mengurus aktiviti kokurikulum. Kajian ini juga boleh dijadikan rujukan bagi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

sekolah supaya kegiatan kokurikulum boleh dilaksanakan dengan lebih dinamik dan berkesan.

iii. Kajian ini dapat membantu para guru untuk mengenal pasti kelemahan dan kelebihan masing-masing dan akan lebih memahami tugas-tugas yang perlu dijalankan dalam pengurusan kokurikulum. Melalui kajian ini, guru-guru penasihat dapat mengubah sikap mereka semasa menjalankan kegiatan kokurikulum serta membangkitkan minat mereka dalam mendalami ilmu dan kepakaran secara lebih profesional.

iv. Kajian ini juga diharapkan menjadi penggalak kepada para pengkaji lain untuk menjalankan kajian seperti ini di daerah lain agar lebih banyak maklumat mengenainya dapat dikumpulkan.

v. Akhirnya hasil daripada penemuan ini diharap akan dapat memperkukuhkan sistem pengurusan kokurikulum seterusnya dapat merumuskan satu bentuk program pelaksanaan yang lebih bersistematik.

1.11 Batasan Kajian

Kajian ini hanya dibatasi kepada aspek pengurusan kokurikulum guru terhadap pencapaian kokurikulum murid di sekolah-sekolah jenis kebangsaan cina di Kinta Selatan Negeri Perak. Responden dan lokasi kajian dalam kajian ini telah dipilih kerana faktor kekangan masa yang tidak mengizinkan pengkaji membuat pilihan selain daripada di daerah Kinta Selatan, Perak.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan untuk menilai keadaan di sekolah kebangsaan dan sekolah rendah jenis kebangsaan tamil. Ini kerana budaya persekitaran dalam kegiatan kokurikulum mungkin berbeza dengan sekolah rendah jenis kebangsaan cina.

Memandangkan pengumpulan data adalah menggunakan soal selidik, maka data yang diperoleh hanyalah berasaskan maklum balas responden-responden terhadap soal selidik yang diedarkan. Kebolehpercayaan dapatan kajian ini adalah bergantung kepada kejujuran responden memberi maklum balas terhadap item-item soal selidik. Hasil kajian tidak boleh menerangkan bahawa keadaan yang sama wujud di semua sekolah di Malaysia.

1.12 Definisi Operasional

Di dalam kajian ini terdapat beberapa istilah yang digunakan oleh pengkaji. Oleh yang demikian, pengkaji perlu menyatakan definisi istilah-istilah dalam konteks kajian ini.

1.12.1 Pengurusan

Pengurusan merupakan aktiviti yang dijalankan oleh pihak pengurusan sesebuah organisasi dalam menyempurnakan sesuatu tugas dengan cekap dan berkesan. Sumber-sumber organisasi juga harus digunakan dengan cekap dan berkesan. Ini

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

adalah penting bagi mencapai matlamat organisasi yang ditetapkan (Zafir Mohd. Makhbul et al., 2009; Robbins & De Cenzo, 2008). Dalam kajian ini, pengurusan adalah satu proses sosial yang dibentuk untuk mendapatkan kerjasama, penyertaan dan penglibatan guru-guru dalam sesebuah sekolah untuk mencapai kecemerlangan kokurikulum sekolah.

1.12.2 Kokurikulum

Kokurikulum adalah salah satu saluran pembinaan nilai-nilai dalaman murid-murid dalam membantu generasi-generasi baru ini bagi menentukan hala tuju kehidupan masa depan masing-masing (KPM, 2010; Mok, 2008). Isi kandungan aktiviti-aktiviti kokurikulum dalam konteks kajian ini merujuk kepada tiga kumpulan iaitu unit beruniform, kelab atau persatuan serta permainan dan sukan.

1.12.3 Pengurusan Kokurikulum

Pengurusan kokurikulum adalah satu proses membuat sesuatu dengan bersama orang lain. Ia merujuk kepada tugas dan peranan guru dalam menguruskan kegiatan kokurikulum dengan strategi pengurusan yang sesuai bagi membantu meningkatkan tahap pencapaian kokurikulum murid (Tam, 2010; Ab. Alim Abdul Rahim, 2004). Corak pengurusan kokurikulum di sekolah dalam kajian ini hanya melibatkan tiga aspek utama iaitu proses perancangan, pengawalan dan penilaian.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

1.12.4 Perancangan

Proses merancang adalah fungsi pengurusan yang pertama yang melibatkan penentuan matlamat serta program tentang cara-cara alternatif untuk mencapai matlamat tersebut (Kinicki & Williams, 2013; Daft & Marcic, 2011). Dalam konteks kajian ini, ia bermaksud perancang kokurikulum di sekolah berperanan penting dalam menentukan matlamat aktiviti kokurikulum serta berkomunikasi secara aktif dengan guru-guru di sekolah bagi mencapai objektif kokurikulum yang ditetapkan.

1.12.5 Pengawalan

Pengawalan adalah fungsi pengurusan untuk memastikan bahawa aktiviti-aktiviti sebenar selaras dengan aktiviti-aktiviti terancang (Bateman & Snell, 2013; Koontz & Wiehrich, 2007). Dalam kajian ini, warga-warga di sekolah merupakan faktor utama dalam memastikan aktiviti yang dirancang dijalankan seperti yang dirancang supaya tidak terkeluar daripada landasan yang dibina.

1.12.6 Penilaian

Penilaian merupakan proses yang dilakukan dengan cara membandingkan pencapaian sebenar dengan pencapaian yang dijangka. Penilaian yang berterusan dapat memastikan langkah yang sewajarnya akan diambil jika murid tidak mencapai matlamat seperti yang dirancang. Sebaliknya, aktiviti pengukuhan boleh difikirkan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

sekiranya murid-murid berjaya mencapai objektif lebih awal daripada yang dirancang (Daft, 2012; Noriyati, 2006). Penilaian dalam konteks ini diadakan untuk mendapatkan data, bukti, maklumat atau keterangan dalam usaha pihak sekolah membuat justifikasi terhadap program atau aktiviti kokurikulum.

1.12.7 Kesediaan

Kesediaan bermaksud perihal sedia, kesanggupan dan kerelaan (Noresah Baharom, 2010). Kesediaan dalam kajian ini merujuk kepada kerelaan guru-guru menerima dan melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan oleh pihak pentadbiran sekolah kepada mereka berasaskan matlamat kokurikulum sekolah.

1.12.8 Pengetahuan

Pengetahuan ialah perihal mengetahui, kepandaian dan kebijaksanaan tentang fakta, kebenaran, tugasan, masa hadapan dan kognisi yang diperoleh menerusi pengalaman. (Mohamad Kamaludin Taib, 2008; Mani Man Singh Rajbhandari, 2007). Dalam kajian ini, pengkaji memberi tumpuan kepada pengetahuan guru-guru pembimbing tentang tatacara pengurusan kokurikulum, menguasai kemahiran merancang aktiviti kokurikulum serta memperoleh pengetahuan mengendalikan aktiviti kokurikulum dan alatan dalam aktiviti yang dipertanggungjawabkan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

1.12.9 Komitmen

Komitmen bermaksud sikap atau perbuatan seseorang dalam memberikan sepenuh tenaga dan perhatian dan menunjukkan sokongan dan azam yang sepenuhnya kepada sesuatu (Maume & Houston, 2006). Dalam kajian ini, komitmen merujuk kepada perasaan tanggungjawab, penglibatan, kesetiaan dan perasaan pemilikan pada seseorang guru untuk berusaha sedaya upaya terhadap matlamat kokurikulum yang hendak dicapai.

1.12.10 Pencapaian Kokurikulum

Pencapaian kokurikulum merujuk kepada hasil yang diperoleh oleh murid-murid setelah mempelajari sesuatu ilmu pengetahuan khasnya dalam kegiatan kokurikulum (Ab. Alim Abdul Rahim, 2004). Manakala maksud pencapaian dalam konteks ini adalah lebih tertumpu kepada prestasi murid semasa menjalankan aktiviti kokurikulum daripada persepsi atau pandangan guru-guru penasihat berdasarkan pemerhatian atau pengalaman mereka.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

1.13 Rumusan

Bab ini telah membincangkan latar belakang kajian daripada aspek konsep kokurikulum serta penglibatan guru-guru dalam kegiatan kokurikulum. Pernyataan masalah memperlihatkan kelemahan dan kepincangan pengurusan kokurikulum oleh pentadbir dan peranan guru dalam menjayakan kegiatan kokurikulum di konteks sekolah. Justeru, tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap pentadbiran di sekolah serta kepimpinan guru dalam pencapaian kokurikulum murid. Kepentingan kajian ini dalam bidang pendidikan juga dikenal pasti selepas hipotesis dinyatakan. Istilah-istilah penting telah diterangkan untuk mengelakkan kekeliruan pembaca. Akhir sekali, kajian ini mempunyai batasannya kerana hasil dapatan kajian ini tidak dapat mewakili semua sekolah di seluruh Malaysia. Bab seterusnya akan membincangkan tinjauan literatur yang akan dijadikan sebagai asas membentuk rangka kajian.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap pentadbiran di sekolah serta kepimpinan guru dalam pencapaian kokurikulum murid. Bab ini merupakan kesinambungan daripada perbincangan yang dicetuskan dalam bab satu. Objektif utama ulasan karya adalah untuk meningkatkan pemahaman terhadap subjek kajian melalui tinjauan mengenai fakta dan dapatan kajian lepas berkaitan isu-isu yang menjadi teras kajian ini (Hair, Money, Page, & Samouel, 2007). Bab ini menerangkan tinjauan literatur yang digunakan dalam kajian ini iaitu teori dan pendekatan pengurusan, konsep pengurusan, pengurusan dalam pendidikan, konsep kokurikulum, pengurusan kokurikulum, teori dan pencapaian kokurikulum, tahap pentadbiran dan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

kepimpinan guru serta maklumat-maklumat tentang kajian lepas. Berdasarkan itu, maklumat dalam bahagian ini akan dijadikan sebagai asas membentuk rangka kajian.

2.2 Teori Dan Pendekatan Pengurusan

Pengurusan bermula daripada tamadun manusia, ia telah wujud beribu-ribu tahun yang lalu. Antara contoh-contohnya ialah dengan pembinaan piramid di Mesir, Taj Mahal di India dan pembinaan tembok Cina, yang memerlukan ramai tenaga manusia dan cara-cara pengurusan yang tertentu. Ternyata bahawa seseorang pengurus mesti bersedia untuk merancang, memimpin, mengatur dan mengawal pekerja-pekerjanya untuk menyempurnakan projek-projek tersebut. Sumbangan tokoh-tokoh dalam bidang pengurusan yang terkenal telah membawa perubahan besar ke atas perkembangan pengurusan sehingga ke hari ini. Mereka telah mencipta sejarah mengolah dan mengadun beberapa teori pengurusan seperti teori pengurusan saintifik, teori pentadbiran am dan teori kuantitatif (Zafir et al., 2009; Koontz & Wiehrich, 2007).

Mengikut Bush (2007), amalan pengurusan yang diamalkan oleh pengurusan pada hari ini adalah hasil sumbangan daripada pemikir-pemikir pengurusan pada masa lalu. Idea, konsep dan kaedah yang diketengahkan oleh mereka dapat membantu pengurus menguruskan organisasi mereka dengan lebih cekap dan berkesan dan lebih berdaya saing.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Penyumbang awal dalam pra-klasik iaitu Robert Owen, Charles Babbage dan Henry R. Towne telah menyediakan idea awal dalam pengurusan serta telah membuka ruang dan idea yang luas kepada pembangunan empat pandangan iaitu klasik, gelagat, kuantitatif dan kontemporari (Bateman & Snell, 2013).

Pandangan klasik adalah perspektif pengurusan yang menekankan kepada usaha untuk mencari cara menguruskan kerja dan organisasi dengan lebih cekap. Ia mengandungi tiga pendekatan yang berbeza iaitu pengurusan saintifik, pengurusan birokratik dan pengurusan pentadbiran (Dubrin, 2012).

Pengurusan saintifik merupakan subbidang pengurusan klasikal yang menekankan kepada kajian saintifik tentang kaedah kerja yang bertujuan untuk meningkatkan kecekapan pekerja. Pengurusan saintifik juga mengenal pasti bahawa perubahan dalam amalan pengurusan sebagai penyelesaian untuk meningkatkan produktiviti pekerja. Terdapat beberapa tokoh yang telah memberi sumbangan dalam pengurusan saintifik iatu Frederick Winslow Taylor, Henry Gantt, Frank dan Lilian Gilbreth serta Harrington Emerson (Dubrin, 2012; Daft, 2008a).

Manakala pendekatan pengurusan yang menekankan keperluan organisasi untuk beroperasi dalam keadaan yang lebih rasional berbanding dengan mengikut kehendak hati pemilik dan pengurus organisasi. Tokoh yang terkenal dalam pendekatan pengurusan birokratik adalah Max Weber (Zafir et al., 2009).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Di samping kajian mengenai pengurusan saintifik, terdapat juga pengkaji yang mengkaji mengenai pengurusan pentadbiran, kajian bagaimana untuk membentuk satu struktur organisasi yang boleh membawa kepada kecekapan dan keberkesanan yang tinggi. Struktur organisasi merupakan satu sistem perkaitan tugas dan autoriti yang mengawal bagaimana pekerja menggunakan sumber-sumber untuk mencapai matlamat organisasi. Pelopor utama dalam pengurusan pentadbiran adalah terdiri daripada Henry Fayol dan Chester Barnard (Bateman & Snell, 2013).

Dalam pengurusan pendidikan, teori pengurusan yang sering diguna pakai ialah teori pengurusan Henry Fayol dan Max Weber (Sabri et al., 2004). Menurut Kinicki dan Williams (2013), Henri Fayol telah diberi gelaran "Bapa Teori Pengurusan Moden". Beliau lebih mementingkan kepada aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh semua pengurus, bukan di peringkat bawahan sahaja. Di samping itu, beliau percaya di dalam pengurusan, ahli-ahli organisasi memerlukan kebolehan yang spesifik yang boleh dipelajari.

Fayol telah membezakan antara kemahiran teknikal dengan kemahiran pengurusan. Aktiviti-aktiviti pengurusan telah dibahagikan kepada enam kumpulan iaitu teknik, komersial, kewangan, keselamatan, perakaunan dan pengurusan. Dalam fungsi pengurusan, Fayol telah memecahkan fungsi-fungsi pengurusan tersebut kepada lima elemen iaitu perancangan, pengorganisasian, pengarahan, penyelarasan dan kawalan. Ini merupakan pemakluman pertama tentang fungsi-fungsi seorang pengurus. Walaupun demikian, definisi tugas seorang pengurus masa ini sebagai seorang yang merancang, mengelola, memimpin dan menilai hampir tidak berubah (Daft, 2012; Jaafar Muhamad, 2003).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Dalam buku *General and Industrial Management*, Fayol telah menjelaskan 14 prinsip pengurusan yang dapat memberikan panduan kepada pengurus-pengurus tentang pengurusan sesebuah organisasi, tidak kira sama ada organisasi itu besar atau kecil, formal atau tidak formal seperti perindustrian, sosial, keagamaan, pertahanan atau kerajaan (Bateman & Snell, 2013). Empat belas prinsip pengurusan yang dikemukakan oleh Fayol (Daft, 2012) adalah:

i. Pembahagian kerja:

   Pembahagian kerja dapat meningkatkan produktiviti kerana pekerja menjalankan tugas yang khusus dan dengan demikian mengurangkan beban dan tanggungjawab pekerja.

ii. Autoriti:

   Fayol mentafsirkan autoriti sebagai hak untuk memberi arahan dan sebagai kuasa untuk menarik seseorang supaya menurut arahan itu. Dengan adanya keyakinan untuk membuat perancangan dan memberi arahan kepada ahli-ahli organisasi, maka proses-proses akan dapat berjalan dengan lancar.

iii. Disiplin:

   Asas disiplin ialah menurut arahan dan prosedur serta menghormati persetujuan yang telah dibuat di antara organisasi dan kakitangannya. Setiap ahli-ahli organisasi perlu berasa bertanggungjawab untuk memajukan syarikat mereka dan beretika apabila menjalankan tugas-tugas mereka.

iv. Satu perintah:

   Fayol percaya bahawa seseorang pekerja mesti menerima arahan-arahan daripada seorang ketua sahaja. Ini dapat mengelakkan daripada

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

berlakunya kekeliruan dan konflik di dalam penerimaan dan pemberian arahan.

v. Satu arahan:

Aktiviti yang mempunyai objektif yang sama hendaklah disatukan di dalam satu rancangan dan diurus oleh seorang ketua sahaja. Setiap ahli organisasi hendaklah menanamkan satu objektif yang sama supaya setiap individu dapat melakukan tugas ke arah matlamat yang sama.

vi. Mengutamakan kepentingan organisasi:

Kepentingan organisasi hendaklah diutamakan daripada kepentingan peribadi atau individu. Objektif-objektif organisasi adalah paling penting daripada objektif individu.

vii. Pembayaran imbuhan:

Pekerja mestilah dibayar dengan bayaran yang sewajarnya. Kerjasama, sokongan dan ketaatan dapat diperoleh daripada pekerja yang diberi bayaran sewajar dengan perkhidmatan mereka. Pengurus juga hendaklah memastikan imbuhan yang diberi adalah setimpal dengan taraf kehidupan di tempat mereka bekerja, kedudukan ekonomi dan tahap penawaran buruh pada masa itu.

viii. Pemusatan:

Walaupun pengurus bertanggungjawab sepenuhnya ke atas organisasi, kakitangan bawahan hendaklah juga diberi kuasa yang cukup untuk menjalankan tugas dengan efektif. Walau bagaimanapun, tahap atau kadar pemusatan haruslah selaras dengan objektif organisasi.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

ix. Rantai pemerintahan:

Rantai pemerintahan ini menunjukkan hierarki autoriti bermula dari peringkat atasan hingga ke peringkat bawahan. Rantai autoriti ini juga menunjukkan arah aliran komunikasi formal di dalam organisasi.

x. Susunan:

Fayol menggunakan prinsip susunan material dan sumber manusia yang mana material dan manusia itu hendaklah ditempatkan di tempat yang betul mengikut masa yang tepat. Ini adalah untuk mengelakkan daripada pembaziran sumber-sumber yang sedia ada dan mengurangkan risiko kenaikan kos.

xi. Keseimbangan:

Pekerja hendaklah diberi layanan dan keadilan yang seimbang untuk melahirkan ketaatan mereka kepada organisasi.

xii. Kestabilan personel:

Firma yang berjaya mempunyai kumpulan pengurus yang stabil. Pihak pengurusan atasan hendaklah mengimplementasikan amalan yang menggalakkan penglibatan kakitangan kepada organisasi.

xiii. Inisiatif:

Kakitangan hendaklah diberi kebebasan untuk memajukan dan mengimplementasikan rancangan. Pekerja yang diberikan tanggungjawab untuk melaksanakan perancangan akan mempunyai usaha yang tinggi.

xiv. Kekitaan:

Kerja berpasukan ditekankan untuk meningkatkan harmoni dan konsep kesatuan dalam organisasi.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Pendekatan Fayol meliputi pandangan yang lebih luas berbanding dengan pendekatan Taylor yang menekankan hanya kepada pengurusan perkilangan. Fayol percaya bahawa amalan pengurusan yang baik terbahagi kepada pola-pola tertentu yang boleh dikenal pasti dan dianalisis. Berdasarkan pengertian ini, beliau telah merencanakan suatu rangka tindakan doktrin pengurusan yang sepadu di mana sehingga hari ini masih lagi mengekalkan banyak ciri dan pengaruhnya. Fayol sentiasa mengatakan bahawa kejayaannya bukanlah berpunca daripada kebolehannya sebagai seorang pengurus tetapi kerana kaedah-kaedah yang dipraktikkannya. Pada hakikatnya, beliau percaya bahawa melalui ramalan secara saintifik, pentadbiran dan kaedah-kaedah pengurusan yang betul, hasil yang memuaskan pasti boleh capai (Dubrin, 2012; Zafir et al., 2009).

Selain daripada itu, terdapat satu lagi teori pengurusan yang popular iaitu Teori Birokrasi Weber. Teori ini diperkenalkan oleh Max Weber yang dianggap sebagai 'Bapa Teori Organisasi' pada tahun 1946. Mengikut teori ini, hierarki, autoriti dan birokrasi merupakan dasar yang menggerakkan dan mengawal perjalanan sesebuah organisasi sosial. Ia mementingkan struktur kuasa yang bercorak hierarki yang dapat menentukan disiplin dalam kalangan pekerja, perhubungan yang jelas dengan tiada pilih kasih, peraturan dan orientasi kerjaya yang dapat menjamin bahawa setiap pekerja itu akan kekal bertugas dan bersifat setia kepada organisasi. Ini termasuklah juga sistem kenaikan pangkat, penilaian prestasi oleh ketua jabatan, prosedur pelantikan dan penamatan kerja setiap kakitangan itu (Kinichi & Williams, 2013).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Walau bagaimanapun, mengikut pandangan Zafir Mohd. Makhbul, Mohd. Hizam Hanafiah dan Fazilah Mohamad Hasun (2009), Teori Birokrasi Weber ini mempunyai kelemahan yang ketara, yakni tidak mementingkan aspek kemanusiaan yang sangat berperanan dalam amalan pengurusan organisasi di abad ke-21 kini yang mana seseorang pekerja atau anggota sesuatu organisasi memerlukan perasaan dipunyai dan dihargai oleh kakitangan lain. Weber menyatakan bahawa organisasi yang ideal mempunyai 6 ciri yang penting seperti berikut:

i. Pembahagian kerja: Di mana setiap ahli organisasi dibahagikan tugas mengikut kepakaran masing-masing.

ii. Hierarki autoriti: Setiap individu mempunyai ketua masing-masing yang memberi arahan kepada mereka.

iii. Pemilihan secara formal: Pemilihan pekerja adalah daripada segi kepakaran dan pengalaman yang diperoleh oleh individu tersebut.

iv. Peraturan yang formal: Setiap prosedur di dalam organisasi telah dikenal pasti dan direkodkan agar setiap individu mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

v. Keadaan yang tidak dipengaruhi oleh perasaan: Keputusan yang dibuat oleh pengurus dan ahli-ahli yang lain hendaklah berdasarkan kepakaran dan bukannya perasaan masing-masing.

vi. Berorientasikan kerjaya: Setiap ahli organisasi digalakkan berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan kerjaya masing-masing.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Secara kesimpulannya, empat belas prinsip pengurusan yang dijelaskan oleh Fayol dijadikan asas kepada pengurusan. Prinsip-prinsip seperti pembahagian kerja, rantai pemerintahan, autoriti, disiplin, penyatuan arah, inisiatif dan sebagainya dapat diadaptasi dalam pengurusan kokurikulum. Manakala Max Weber yang menyatakan bahawa setiap ahli dibahagikan tugas mengikut kepakaran dan pengalaman masing-masing. Kesemua pandangan yang diutarakan membekalkan kerangka dalam kajian ini untuk mengkaji tahap pengurusan kokurikulum di sekolah.

2.3 Konsep Pengurusan

Proses pengurusan sangat penting tidak kira sama ada organisasi itu besar ataupun kecil dan formal atau tidak formal. Bagi mengurus sesebuah organisasi, seseorang pemimpin perlu tahu dan memahami bagaimana hendak mentadbir organisasi yang diterajuinya. Tanpa pengurusan yang cekap proses pengeluaran tidak dapat berjalan dengan lancar untuk menyempurnakan kehidupan manusia.

Pengurusan sebenarnya telah menyumbang kepada pengetahuan baru daripada bidang sains, teknik dan teknologi. Kita boleh menerangkan pengurusan dengan menghubung dan menyesuaikan fungsinya yang berlainan, pelbagai kemahiran profesional, kecekapan dan pengalaman. Semua yang dinyatakan di atas akan membantu mencapai objektif umum sesebuah organisasi (Tasić, Tubić, Tasić, & Mitic, 2011).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Menurut Zafir et al. (2009), sifat-sifat unggul organisasi yang mempunyai pengurusan yang baik ialah produktiviti yang tinggi, bermutu dan cemerlang. Semuanya dihasilkan oleh barisan pekerja yang bersemangat tinggi, bermotivasi dan mempunyai komitmen tinggi terhadap kerja. Mereka memanifestasikan etika kerja yang unggul. Dengan perkataan lain, mereka mempamerkan budaya kerja yang cemerlang.

Apabila disebut perkataan pengurusan, dua konsep yang tidak boleh dipisahkan dan sentiasa berhubung kait atau saling bertindan ialah konsep mengurus dan mentadbir. Kedua-dua konsep ini mempunyai persamaan dan perbezaannya. Mengikut Daft dan Marcic (2011), mentadbir adalah mengelola, menjalankan, dan memerintah atau mengarah. Manakala mengurus pula adalah mengendali, mengelola, dan menjaga sesuatu perkara supaya teratur, rapi, dan sempurna serta menyelenggarakan dan menyelesaikan sesuatu perkara.

Pengurusan merupakan proses yang digunakan oleh seseorang pengurus dalam usahanya untuk mencapai matlamat organisasi. Istilah pengurusan mempunyai berbagai-bagai definisi. Pada umumnya istilah pengurusan ditakrifkan sebagai unsur-unsur yang mengandungi fungsi-fungsi yang terdiri daripada perancangan, pengorganisasian dan pengawalan. Menurut Daft (2012) serta Robbins dan De Cenzo (2008), pengurusan bermaksud proses menyempurnakan sesuatu tugas dengan cekap dan berkesan melalui proses perancangan, pengorganisasian, kepemimpinan dan pengawalan sumber-sumber organisasi.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Fayol menghuraikan dengan lebih lanjut tentang fungsi-fungsi pengurusan yang mengandungi perancangan, penyusunan, pengarahan, penyelarasan dan pengawalan. Fungsi perancangan meliputi aktiviti-aktiviti berhubung dengan ramalan tindakan yang akan diambil pada masa hadapan dan penentuan arah haluan organisasi agar ia dapat berkembang dan mencapai matlamat-matlamatnya. Manakala fungsi penyusunan berhubung dengan pembentukan struktur autoriti, tanggungjawab dan tugas-tugas (Daft, 2012; Jaafar Muhamad, 2003).

Bagi fungsi pengarahan, aktiviti ini berkaitan dengan pengarahan kakitangan bawahan, aspek-aspek komunikasi, perlakuan pengurusan, pemberian ganjaran dan hukuman. Di samping itu, fungsi penyelarasan berkaitan dengan aktiviti menggabungkan bahagian-bahagian untuk mewujudkan kerjasama bagi mencapai matlamat organisasi. Akhirnya, fungsi pengawalan ke atas perjalanan aktiviti organisasi itu penting agar ia tidak terpesong atau lari daripada dasar dan perancangan organisasi. Fungsi pengawalan ini juga meliputi penilaian pencapaian bahagian-bahagian dan organisasi keseluruhannya (Bateman & Snell, 2013).

Menurut Drucker (2006) pula, pengurusan ialah satu proses sosial dibentuk untuk mendapatkan kerjasama, penyertaan dan penglibatan ahli-ahli dalam sesebuah organisasi untuk mencapai sesuatu maklumat atau objektif yang paling berkesan, maklumat ini disokong oleh pandangan yang menyatakan bahawa kecekapan pentadbiran akan menyumbang kepada matlamat organisasi (Daft & Marcic, 2011). Proses ini mengimplementasikan visi dan strategi yang dirancang oleh pemimpin, menyelaras kerja dan urusan staf, urusan kerja serta masalah harian organisasi (Abdul Rahman Abdul Majid Khan, 2010; Drucker, 2006).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Memandangkan terlalu banyak takrifan yang diberikan, kita boleh menyimpulkan bahawa pengurusan merujuk kepada proses merancang, mengorganisasikan, memimpin dan mengawal daya usaha anggota-anggota organisasi dan menggunakan sumber-sumber organisasi dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat organisasi yang ditetapkan.

Walaupun kriteria pengurusan melibatkan proses perancangan, pengelolaan dan pelaksanaan, pengawalan, penyeliaan dan penilaian. Namun pengkaji hanya membincangkan tiga aspek iaitu perancangan, pengawalan dan penilaian sahaja dalam kajian ini.

2.3.1 Perancangan Dalam Pengurusan

Menurut Kinicki dan Williams (2013), perancangan melibatkan pemilihan misi dan objektif dan tindakan untuk mencapainya. Perancangan memerlukan pembuatan, yakni memilih jalan tindakan masa hadapan daripada beberapa alternatif. Terdapat pelbagai jenis rancangan, daripada tujuan dan objektif sehinggalah kepada tindakan yang paling terperinci akan diambil.

Malah Wan Azmi Ramli (2001) memberikan pandangannya dengan mentakrifkan perancangan sebagai satu penentuan arah tujuan yang bakal dilakukan oleh sesebuah organisasi. Ini memerlukan penentuan tentang siapa yang akan membuatnya, bila masanya dan bagaimana caranya untuk melaksanakannya. Selain itu, Azman Che Omar (2001) mendefinisikan perancangan sebagai satu proses

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

menentukan objektif yang dikehendaki oleh pihak pengurusan atasan organisasi. Dengan adanya perancangan, pihak pengurusan atasan sesebuah organisasi akan dapat merangka strategi-strategi tindakan yang sesuai dan terbaik dengan mengambil kira faktor-faktor dalaman organisasi dan persekitaran luaran yang akan mempengaruhi kehidupan sesebuah organisasi untuk mencapai objektif tersebut. Menurut beliau lagi, perancangan melibatkan rangkaian aktiviti yang menyeluruh dalam mencapai pelbagai matlamat yang telah ditentukan.

Perancangan adalah satu fungsi yang penting dalam sesebuah organisasi. Sabri Hussin, Raida Abu Bakar, Mohd. Radzuan Rahid, dan Ruhana Busu (2004) pula menambah bahawa tujuan perancangan dibuat dalam pengurusan adalah memberi panduan mengenai arah yang hendak dituju, mengurangkan impak perubahan, mengurangkan pembaziran dan pertindihan kerja, menentukan piawaian ataupun objektif dalam proses kawalan serta menjadi sumber kepada motivasi dan komitmen.

2.3.2 Pengawalan Dalam Pengurusan

Pengawalan ialah proses pemantauan prestasi dan membandingkan apa yang dirancang dengan yang ditetapkan dan mengambil tindakan bagi memastikan aktiviti organisasi dilaksanakan mengikut perancangan yang telah dibuat pada peringkat awal. Rancangan tidak akan tercapai meskipun perancangan mesti mendahului pengawalan. Pengawalan melibatkan penggunaan pelbagai sumber untuk memantau aktiviti dengan merekodkan hasil yang diperoleh sebenar dengan pencapaian yang dirancang bagi mencapai matlamat khusus (Koontz & Wiehrich, 2007).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Sekiranya pengawalan tidak dilakukan dengan baik, maka hasil akhir mungkin tidak seperti yang dijangkakan. Kesannya, matlamat organisasi mungkin tidak akan tercapai. Perbezaan antara pencapaian sebenar dengan pencapaian yang dirancang akan mewujudkan sisihan. Sisihan ini menunjukkan penyelewengan telah berlaku. Setiap penyelewengan harus dikenal pasti dengan segera supaya tindakan pembetulan yang tepat boleh diambil (Jaafar Muhamad, 2003).

Pengawalan juga merupakan suatu ketepatan atau garis panduan yang penting harus dibentuk bagi mengelakkan penyelewengan daripada peringkat awal hingga peringkat akhir pelaksanaan sesuatu aktiviti. Sekiranya penyelewengan telah berlaku pada masa lalu, pengawalan dapat memastikan penyelewengan yang sama tidak berulang lagi pada masa akan datang. Kadang kala penyelewengan tidak dapat dielakkan terutamanya bagi aktiviti baru yang tidak mempunyai rekod masa lepas. Melalui pengawalan, sebarang aktiviti yang telah berlaku akan direkodkan. Maklumat yang diperoleh boleh digunakan oleh pengurus sebagai garis panduan untuk melakukan perancangan dan pengawalan pada masa akan datang (Zafir et al., 2009).

Pada umumnya aktiviti kawalan berkaitan dengan pengukuran pencapaian. Setiap kaedah pengawalan mengukur dan setiap satunya menunjukkan sama ada rancangan sedang berjalan ataupun tidak. Pengawalan adalah fungsi setiap pengurus daripada presiden hinggalah kepada penyelia. Sungguhpun skop kawalan berubah-ubah dalam kalangan pengurus, mereka di semua peringkat mempunyai tanggungjawab terhadap pelaksanaan rancangan dan kawalan dengan demikian merupakan fungsi pengurusan yang amat penting di setiap peringkat (Daft, 2012).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

2.3.3 Penilaian Dalam Pengurusan

Penilaian juga merupakan salah satu aspek penting dalam pengurusan. Dalam peringkat ini, pengurus akan mengkaji keberkesanan sesuatu program dan penilaian dapat dibuat menerusi perbandingan apa yang dicapai dengan apa yang dijangkakan. Maklumat hasil penilaian tersebut dapat digunakan bagi proses penambahbaikan (Stufflebeam & Shinkfield, 2007).

Penilaian dan penambahbaikan berperanan penting dalam proses menilai segala usaha yang telah dibuat sebelum itu, mengenal pasti kelemahan, mencari jalan mengatasi kelemahan, mengenal pasti dan mengatasi halangan, serta melakukan pembaharuan atau perubahan di mana yang perlu (Rossi, Lipsey, & Freeman, 2004).

Daft dan Marcic (2011) menggariskan tiga proses utama yang terkandung di dalam aspek penilaian ini iaitu:

i. proses pemantauan terhadap aktiviti-aktiviti yang dirancang.
ii. proses pimpinan pengurus sekolah agar berada di landasan yang betul bagi mencapai matlamat dan objektif yang dirancang.
iii. proses membuat pembetulan-pembetulan yang difikirkan perlu sekiranya didapati sesuai.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Secara kesimpulannya, aspek perancangan, pengawalan dan penilaian dalam pengurusan diadaptasi dalam kajian ini memandangkan ia sesuai dijadikan dasar untuk meninjau tahap pengurusan dalam kokurikulum di samping menyokong kerangka kajian ini. Kesemua pandangan yang diutarakan turut mencetus idea dan membuka ruang kepada pengkaji untuk menjalankan kajian ini.

2.4 Teori Pengurusan Matlamat

Pengurusan adalah suatu amalan yang dijalankan oleh pelbagai organisasi. Ia amat penting untuk dititikberatkan khususnya di dalam bidang pendidikan. Sekolah bermula daripada organisasi yang mudah iaitu dengan seorang guru, sekumpulan kanak-kanak dan ibu bapa dengan harapan yang sama. Pengurusan yang sistematik akan meningkatkan lagi tahap kualiti dan keberkesanan sesebuah organisasi sekolah tersebut.

Pada tahun 1954, Peter Drucker telah memperkenalkan Teori Pengurusan Matlamat atau 'Management by Objectives' (MBO) di dalam bukunya yang bertajuk *'The practice of Management'*. Menurut Drucker, teori ini dapat dilihat sebagai teknik pengurusan struktur oleh sesebuah sistem atau organisasi. Sistem pengurusan ini akan menjadi panduan bagi unit organisasi tersebut untuk mencapai matlamat. Kemudian, ketua sesebuah organisasi yakni pengetua atau guru besar, menyeru ahli-ahli dalam organisasi tersebut agar memberikan komitmen dan kerjasama dalam menjayakan matlamat yang ingin dicapai. Dan akhirnya hasil daripada matlamat yang telah ditetapkan akan dilihat semula melalui penilaian (Denning, 2014).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Menurut Sherrer (2010), salah satu konsep utama MBO yang telah diilhamkan oleh Peter Drucker ialah semua ahli dalam organisasi haruslah menyertai proses penyusunan matlamat yang strategik untuk meningkatkan kualiti pelan yang disusun itu. Ini bermakna semua kakitangan sokongan dan guru-guru seharusnya terlibat dalam menentukan matlamat bagi sekolah. Selain itu, ketua organisasi juga harus meletakkan alat pengukur suatu sistem tindakan, yang mana membantu organisasi itu berfungsi dengan sempurna. Maka penilaian terhadap sekolah amat penting untuk melihat sama ada organisasi tersebut berjaya mencapai matlamat atau tidak.

Manakala Ubben, Hughes dan Norris (2010) pula mengemukakan bahawa terdapat empat elemen dalam proses MBO. Elemen pertama ialah pengurusan matlamat haruslah tetap dan prestasinya boleh diukur. Matlamat haruslah ditetapkan dalam suatu jangka masa yang lama sebelum dibuat penilaian. Kedua, penglibatan ahli-ahli organisasi di dalam penetapan matlamat haruslah menyeluruh. Ini bermakna semua anggota dalam organisasi tersebut harus melibatkan diri semasa proses penyediaan matlamat sekolah. Manakala elemen ketiga ialah sesi perbincangan mengenai prestasi matlamat haruslah diadakan secara berterusan dan akhir sekali ialah komitmen terhadap proses mencapai matlamat hendaklah berlaku di setiap tahap organisasi tersebut.

Pendekatan Teori Pengurusan Matlamat mempunyai kebaikan dan kelemahan yang tersendiri. Antara kebaikan atau faedah yang diperoleh dalam teori ini ialah orang bawahan akan mengetahui sesuatu yang sepatutnya dicapai seperti yang diinginkan oleh orang atasan dengan segera, memahami tahap penilaian prestasi yang akan diukur, dan sentiasa mengetahui tentang perkembangan matlamat organisasi.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Dengan kewujudan pendekatan ini di sekolah, ahli organisasi sekolah iaitu kakitangan-kakitangan sokongan dan guru-guru khususnya dapat mencari strategi untuk mencapai sesuatu seperti yang diarahkan oleh pengetua atau guru besar (Denning, 2014; Sherrer, 2010).

Menurut Sherrer (2010), Teori Pengurusan Matlamat dapat digunakan di sekolah untuk mencapai keperluan dalam penilaian. Penilaian dalam sesebuah sekolah amat penting untuk mengetahui sama ada organisasi tersebut berjaya untuk merealisasikan matlamat atau tidak. Keperluan dalam penilaian memerlukan pengumpulan data-data daripada organisasi sekolah iaitu guru-guru dan data daripada golongan yang berkenaan. Di dalam proses untuk mendapatkan maklumat atau data, salah satu jangkaan awal ialah semua perkara yang diperlukan untuk penilaian akan dilihat dapat memudahkan lagi pengurusan matlamat.

2.5 Pengurusan Dalam Pendidikan

Pengurusan penting dalam pembangunan proses, oleh itu kepentingan pengurusan dalam pendidikan disedari. Difahamkan bahawa urusan pendidikan masyarakat lebih luas, sama ada di daerah atau di negeri (perancangan pendidikan, mewujudkan strategi dan polisi pendidikan), mengurus kerja-kerja institusi pendidikan (yang memimpin sekolah atau sesuatu institusi pendidikan tidak formal sama ada awam atau swasta), pengurusan pendidikan dan latihan pekerja di sebuah syarikat, pengurusan pendidikan serta pengurusan beberapa proses, projek atau aktiviti-aktiviti di bidang pendidikan (Andevski & Arsenijević, 2010).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Pengurusan pendidikan sebagai satu disiplin khusus banyak dibincangkan oleh Tasić et al. (2011), Andevski dan Arsenijević (2010), Bush (2007), Staničić (2006), Bolam (2004), Bush (2003), Bolam (1999) serta Glatter (1999). Bidang pengurusan pendidikan ini diterjemahkan daripada prinsip-prinsip pengurusan yang digunakan dalam industri dan bidang kewangan (Bush 2003). Pembinaan teori pengurusan pendidikan pula melibatkan aplikasi model-model di bidang industri ke bidang pendidikan.

Kerja-kerja penyumbang-penyumbang besar dalam bidang pengurusan seperti Fayol, Taylor dan Weber mempunyai pengaruh yang besar dalam pembinaan disiplin pengurusan pendidikan secara khusus. Fayol mengemukakan teori tentang prinsip-prinsip umum pengurusan, manakala Taylor pula mengemukakan teori tentang pengurusan saintifik dan Weber mengemukakan teori tentang pengurusan birokrasi (Bush 2003).

Pengurusan pendidikan mempunyai pelbagai definisi yang digunakan oleh pakar-pakar pendidikan. Tidak terdapat definisi tunggal yang dipersetujui oleh semua orang bagi pengurusan pendidikan kerana pembangunannya amat pesat dan terdapat pengaruh disiplin-disiplin bidang lain seperti sosiologi, sains politik, ekonomi dan pengurusan umum. Bush (2003) mentakrifkan pengurusan pendidikan sebagai satu bidang kajian dan amalan yang berkait dengan operasi bagi organisasi pendidikan. Manakala Bolam (2004) pula mentakrifkan pengurusan pendidikan sebagai suatu fungsi eksekutif untuk melaksanakan dasar yang telah dipersetujui. Bagi Glatter (1999) pula, pengurusan pendidikan adalah kajian yang berkaitan dengan operasi dalaman institusi pendidikan dan hubungannya dengan persekitaran.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Pengurusan pendidikan muncul agak lewat daripada beberapa bidang ekonomi yang lain. Puncanya disebabkan oleh kedudukan sosial pendidikan. Pendidikan merupakan sesuatu aktiviti yang diuruskan secara berpusat di kebanyakan negara (Tasić et al., 2011).

Pengurusan pendidikan adalah inovasi yang penting dalam sistem pendidikan pada abad ke-21. Jika terdapat hanya sebuah bilik darjah di sesebuah sekolah, maka ia dipimpin oleh seorang guru. Pada masa yang sama, dalam sesebuah sekolah yang mempunyai banyak bilik darjah sama ada di bandar yang maju atau di kawasan pedalaman, mereka perlu bekerja secara selaras. Oleh sebab itu, wujudlah seorang pengurus yang bekerja sepenuh masa dengan bertanggungjawab terhadap kewangan dan pendidikan (Staničić, 2006).

Masyarakat yang berasaskan sains dan teknologi menganggap pemerolehan pengetahuan baru, kemahiran dan kecekapan sebagai sesuatu instrumen kemampuan di semua peringkat, di mana pendidikan individu, organisasi, masyarakat dan negara secara keseluruhannya memberi kelebihan berdaya maju dalam kehidupan harian termasuknya bekerja.

Staničić (2006) juga mengatakan bahawa pengurusan kebanyakannya dikaitkan dengan fenomena kehidupan organisasi seperti merancang, menganalisis, menyusun, mengurus kewangan, menyelia dan begitu juga, apabila berhubung dengan orang, ia merujuk kepada tingkah laku, cara bekerja, komunikasi dan memotivasikan pekerjanya.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Dalam sistem pendidikan kita, bukan sahaja sekolah merupakan sebuah organisasi yang formal tetapi Jabatan Pendidikan Negeri, Kementerian Pendidikan, badan-badan tertentu dan pusat-pusat pengajian tinggi juga mempunyai organisasi yang formal dan tersusun (Zarinah Salem, 2009).

Mengikut Staničić (2006) lagi, pengurusan sekolah berlaku dalam satu konteks sosial, ekonomi dan pendidikan yang tertentu. Disebabkan persaingan ekonomi, permintaan terhadap sekolah menjadi tegas. Kerajaan mendesak dan memberi kawalan terhadap kurikulum dan penilaian serta penyeliaannya. Mereka memusatkan dan mengagih kuasa pusat sistem pendidikan kepada daerah, dengan kawalan yang lebih luas terhadap sumber, termasuk belanjawan, pengurusan guru-guru "pasar kuasi".

Dalam konteks pendidikan, pentadbiran atau pengurusan yang baik amat dihargai oleh sesuatu masyarakat atau komuniti. Jabatan pendidikan dan sekolah tidak terkecuali daripada matlamat untuk mewujudkan pentadbiran yang sihat. Pentadbir atau pengurus sekolah seharusnya mengetahui pendekatan atau teori-teori yang mampu memajukan organisasinya. Hal ini selaras dengan peranan pendidikan sebagai agen sosialisasi dan penyampai warisan budaya masyarakat (Mohd Salleh Lebar, 2000).

Laporan South African Task Team (Department of Education, 1996) menekankan bahawa pengurusan pendidikan adalah penting disebabkan ia membekalkan rangka yang menggalakkan bagi pembelajaran dan pengajaran. Pengurusan yang cekap adalah aspek asas di semua jabatan pendidikan. Ini

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

disebabkan matlamat pusatnya adalah menggalakkan keberkesanan pembelajaran dan pengajaran. Tugas pengurusan di semua tahap dalam pendidikan adalah pada akhirnya para guru dan muridnya dapat mencapai pembelajaran yang berkesan dan seterusnya menjadi kriteria di mana kualiti pengurusan dapat dikesan.

Staničić (2006) menekankan lagi bahawa pengurusan dalam pendidikan dan didikan serta latihan patut dianggap sebagai sebahagian daripada pergerakan sosial dan pendidikan yang lebih luas iaitu usaha-usaha politik yang menuju ke arah pembaharuan sekolah.

Pendidikan merupakan salah satu faktor utama kecekapan dan kepantasan pembangunan ekonomi. Ia membentangkan nilai sosial untuk dirinya sendiri, kerana penambahbaikan operasi dan mengubah perhubungan sosial bergantung pada sebahagian ilmu pengetahuan dan pendidikan rakyat. Sekolah melayakkan seseorang untuk menjadi agen perubahan ekonomi yang aktif. Pengurusan dalam sistem sekolah adalah sama sahaja seperti pihak pengurusan organisasi jenis ekonomi (Bush, 2007).

Fungsi pengurusan ditugaskan kepada pengurus. Dengan adanya pengurusan, bimbingan atau pimpinan dan perancangan, pengurus seharusnya dapat mewujudkan iklim persekitaran kerja yang positif supaya semua orang yang terlibat dalam sistem persekolahan dapat mencurahkan lebih banyak usaha dalamnya. Mereka lebih suka dimotivasikan, tidak suka dikawal dan cara pengurusan yang tidak menyenangkan (Bateman & Snell, 2013).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Walaupun terdapat sesetengah pandangan yang mengkritik bahawa pengurusan tidak boleh diaplikasikan dalam bidang sistem persekolahan, namun terdapat peluang yang sangat yakin untuknya sekiranya terdapat penglibatan kerajaan dalam sekolah mengurus perubahan. Institusi pendidikan perlu menjadi lebih bebas dalam proses membuat keputusan yang berhubung dengan sistem pengurusan mereka kerana merekalah yang paling memahaminya (Tasić et al., 2011).

Untuk tujuan di atas, adalah perlu kita membangunkan pengurusan kader khusus untuk pengurusan sekolah sebagai satu sistem yang istimewa dan mengembangkannya. Tidak dilupakan bahawa skim pendidikan yang berkualiti bergantung juga pada masa depan kita seperti juga masa depan generasi yang akan datang.

2.6 Kurikulum

Kurikulum merangkumi pengalaman kehidupan nyata dan tidak nyata yang dipilih, diorganisasikan dan disusun oleh sarjana pendidikan dan pakar pendidikan dan pakar kurikulum secara teliti dan profesional, demi menjadikan pelbagai jenis aktiviti pembelajaran nyata dan tidak nyata seperti yang dijalankan dalam dan luar bilik darjah, dalam dan luar sekolah, untuk semua peringkat persekolahan (Mok, 2008).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

2.6.1 Kokurikulum

Aktiviti kokurikulum merupakan sebahagian kurikulum formal yang merangkumi aktiviti-aktiviti persatuan atau kelab, permainan dan sukan, serta unit beruniform yang dijalankan di luar bilik darjah. Walaupun aktiviti-aktiviti kokurikulum ini tidak termasuk dalam jadual waktu mata-mata pelajaran sekolah, namun aktiviti tersebut merupakan pelbagai aktiviti pendidikan di luar Sukatan Pelajaran dan disertai oleh murid-murid mengikut minat ataupun kepandaian istimewa diri mereka.

2.7 Konsep Kokurikulum

Menurut Mok (2011), kokurikulum dikenali sebagai kurikulum tambahan (extra-curriculum) atau pendidikan untuk waktu lapang (education for leisure) atau aktiviti kelas tambahan (extra-class activities).

Berdasarkan pandangan Mohd Najib Abdul Ghafar (2007), penglibatan murid-murid dalam aktiviti kokurikulum adalah penting berdasarkan tanggapan bahawa semua murid harus mempunyai keseimbangan mental, bakat, sosial, jasmani dan rohani. Oleh itu, kokurikulum merupakan wadah pembinaan jasmani, emosi dan rohani dengan menawarkan pelbagai pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan latihan berteraskan konsep pendidikan dan pembangunan insan yang bersepadu dan menyeluruh. Pengetahuan, pengalaman dan kemahiran yang mengandungi unsur-unsur intelek, disiplin kendiri, kepimpinan, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, kecintaan kepada alam semula jadi, kewarganegaraan dan kesetiaan kepada bangsa

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

dan negara, kebudayaan, integrasi nasional dan sebagainya akan membantu murid-murid menentukan hala tuju kehidupan masa depan masing-masing (Ab. Alim Abdul Rahim, 2004; Ramlan Abdul Wahab, 2004; Wee, 1996).

Isi kandungan aktiviti-aktiviti kokurikulum merangkumi aktiviti pendidikan jasmani, seni dan rekreasi, aktiviti sains dan teknologi, serta aktiviti kumpulan dan sosial. Gerak kerja kokurikulum di atas dikategorikan dalam tiga kumpulan:


i. Pasukan Berpakaian Seragam/ unit beruniform
ii. Kelab atau Persatuan
iii. Permainan dan Sukan

Rosenstein dan Hase (1971) telah menggambarkan dasar dan pelaksanaan gerak kerja kokurikulum di sekolah menerusi Model Gerak Kerja Kokurikulum (Rajah 2.1). Menurut Shahariah Mohamed Ismail (2006) dan Wee (1996), semua murid di dalam sesebuah sekolah, selain terlibat dengan kurikulum mata pelajaran di dalam kelas mengikut jadual yang telah ditetapkan, mereka juga perlu terlibat dalam kegiatan kokurikulum. Kegiatan-kegiatan kokurikulum tersebut sebenarnya boleh dibahagikan kepada:

i. Kegiatan-kegiatan yang dijalankan di dalam sekolah (Intramurals)
ii. Kegiatan-kegiatan yang dijalankan di dalam dan di luar sekolah (Extramurals)
iii. Kegiatan-kegiatan antara sekolah

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P



Rajah 2.1. Model Gerak Kerja Kokurikulum. Sumber: Rosenstein dan Hase, 1971, hlm. 26

Hampir kesemua persatuan yang terdapat di sekolah disertai dan terbuka keahliannya kepada pelbagai bangsa dan kaum. Oleh yang demikian, Mok (2008), Siti Hajar Ismail (2000) dan Wee (1996) berpendapat bahawa tujuan utama merangkumi kokurikulum dalam kurikulum formal ialah memupuk minat, kegemaran dan kepandaian istimewa murid-murid. Hal ini juga dapat mengakomodasi dan mengembangkan keperluan intelek, kebolehan dan bakat kreatif. Tambahan lagi, murid-murid dapat meluaskan bidang ilmu pengetahuan, mempertingkatkan kesihatan jasmani dan kemahiran pemikiran, memupuk nilai moral, estetik, rohani dan sosial serta melapangkan jiwa murni mereka. Oleh itu, kokurikulum merupakan wadah paling berkesan untuk merealisasikan FPK secara holistik (Lokman Mohd Tahir & Osmayati Othman, 2010) dan murid-murid juga dapat menyemai perasaan muhibah, perpaduan dan integrasi nasional yang berlandaskan FPK.


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

2.7.1 Matlamat Kokurikulum

Merujuk kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (2010), matlamat utama pelaksanaan aktiviti kokurikulum adalah untuk merealisasikan FPK. Antara matlamat yang hendak dicapai adalah seperti yang ditunjukkan di Rajah 2.2.

Berdasarkan Rajah 2.2, kepelbagaian aktiviti di dalam kokurikulum menjamin keseronokan dan kepuasan kepada murid. Murid-murid tidak akan cepat bosan dengan tekanan kerja-kerja akademik yang berbentuk mantik dan statik. Mereka boleh menikmati kepuasan dengan menyertai aktiviti yang diminati dengan cabaran. Ini secara langsung dapat mewujudkan budaya sekolah yang menarik dan menggembirakan (Ab. Alim Abdul Rahim, 2004; Wee, 1996).



Rajah 2.2. Matlamat Kokurikulum. Diadaptasi daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Kegiatan kokurikulum mampu membentuk watak dan peribadi seseorang murid. Antara perkembangan diri individu yang diharapkan melalui kegiatan kokurikulum ini adalah seperti memupuk sifat kepimpinan (Ahmad Puad Mat Som & Alhilal Furqan, 2010), membina dan membentuk sahsiah yang sihat, meningkatkan rasa tanggungjawab (Edward & Jan, 2005) dan seterusnya membentuk sekolah yang berwatak (Marjohan Jamalis & Mohd Sofian Omar Fauzee, 2007). Sekolah berwatak adalah sekolah yang cemerlang bukan bersandarkan kepada kehebatan murid dalam bidang akademik semata-mata, tetapi juga daripada segi perkembangan personaliti dan disiplin murid, merangkumi kebolehan dalam pelbagai bidang sampingan seperti kegiatan sukan, pasukan beruniform serta penonjolan sebarang bakat lain (Nor Suhara Fadzil & Jamil Ahmad, 2010; Abu Bakar Mohd Husain, 2007). Melalui kokurikulum, diharap pihak sekolah berjaya mewujudkan imej sekolah yang sihat dan membanggakan agar menjadi contoh kepada pihak lain dan imej ini akan dapat dikekalkan oleh warganya.

Untuk membentuk insan yang berilmu pengetahuan, bertenaga mahir serta berakhlak mulia dengan sempurna, aktiviti kokurikulum harus diberi penekanan, di samping kurikulum akademik yang dilaksanakan dalam bilik darjah. Melalui program kokurikulum ini, pihak sekolah dapat melahirkan seseorang murid yang berkualiti dan seimbang daripada segi intelek, emosi, rohani dan jasmani dengan menerapkan nilai-nilai positif menggalakkan penglibatan berkomunikasi serta menghasilkan sumber manusia berkemahiran tinggi di Malaysia (Ahmad Esa & Hisham Jamaludin, 2009; E, 2007; Ahmad Esa, 2005; Saifullizam Puteh, 2004). Perkembangan potensi individu yang meliputi aspek-aspek intelek, emosi, rohani dan jasmani secara menyeluruh dan bersepadu akan menjadi insan yang seimbang dan harmonis yang merupakan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

pernyataan utama dalam kandungan FPK (Mok, 2008). Sekiranya aspek rohani, emosi dan jasmani murid gagal dibentuk dengan baik, maka timbul kepelbagaian masalah seperti pekerja tidak amanah, jurutera yang mengamalkan rasuah dan seterusnya pembentukan masyarakat yang kurang sihat (Saifullizam Puteh, 2004).

Aktiviti kokurikulum menitikberatkan soal disiplin. Kajian Mahoney, Larson, dan Eccles (2005) mendapati penglibatan murid secara aktif dalam beberapa aktiviti kokurikulum untuk jangka masa yang panjang berupaya mengurangkan penglibatan murid dalam masalah jenayah dan masalah keciciran. Dapatan ini juga turut disokong oleh beberapa kajian yang mendapati, penglibatan aktif murid dalam kokurikulum berupaya mengurangkan masalah salah laku dalam kalangan murid seperti merokok, minum arak, menghisap dadah dan melepak (Nor Suhara Fadzil & Jamil Ahmad, 2010; Leaver-Dunn, Turner, & Newman, 2007; Darling et al., 2005; Ab. Alim Abdul Rahim, 2004; Rose, 2000; Eccles & Barber, 1999). Dengan ini, kokurikulum bertindak sebagai agen utama yang membantu pembentukan dan peningkatan disiplin murid di sekolah. Secara tidak langsung masalah sosial dapat dihindarkan dan keadaan aman dapat diwujudkan (Abu Bakar Mohd Husain, 2007; Fredricks & Eccles, 2006; Feldman & Matjasko, 2005).

Dengan adanya kokurikulum, murid-murid dapat mengembangkan bakat dan kreativiti masing-masing. Ini dapat dilihat semasa menjalankan aktiviti berkumpulan seperti Pandu Puteri, Pengakap atau Persatuan Khidmat Masyarakat (Ab. Alim Abdul Rahim, 2004; Olatokunbo, 2002). Disebabkan murid-murid adalah diberi peluang untuk memilih aktiviti kokurikulum yang diminati oleh mereka, maka mereka akan lebih bersemangat untuk meneruskan aktiviti tersebut kerana mendapat kepuasan dan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

kegembiraan di hati mereka. Dengan menyertai aktiviti sebegini juga murid-murid akan didedahkan dengan pelbagai cabaran dan dugaan. Dalam keadaan sebeginilah, iaitu dalam usaha untuk mengatasi cabaran, bakat murid-murid akan diasah terutama daripada aspek kepimpinan, pengurusan, membuat keputusan dan sebagainya. Serentak dengan itu kemahiran-kemahiran seperti kemahiran untuk berfikir, ikhtiar hidup dan lain-lainya yang akan diperoleh untuk dipraktikkan pada masa depan **(**Abu Bakar Mohd Husain, 2007; Olatokunbo, 2002**)**.

Kesedaran kepada agama dan kepercayaan kepada Tuhan yang ditekankan dalam FPK dan Rukun Negara merupakan salah satu matlamat kokurikulum dalam pendidikan yang boleh disemai melalui aktiviti kokurikulum di sekolah (Nor Suhara Fadzil & Jamil Ahmad, 2010). Percaya dan patuh kepada Tuhan menjadi tuntutan kepada setiap insan, di mana penganutnya akan dididik agar berakhlak mulia dan menjauhkan diri daripada melakukan perbuatan yang negatif (Hamedah Wok Awang & Normah Teh, 2009; Ab. Alim Abdul Rahim, 2004).

Aktiviti kokurikulum juga dianggap penting menerusi elemen pembentukan perpaduan dalam kalangan murid-murid yang terdiri daripada berbilang kaum disebabkan ia dapat menyemai dan memupuk perasaan kekitaan antara murid dan juga memupuk nilai-nilai murni (Jamaludin Badusah et al., 2009; Marjohan Jamalis & Mohd Sofian Omar Fauzee, 2007). Nor Suhara Fadzil dan Jamil Ahmad (2010) serta Marjohan Jamalis dan Mohd Sofian Omar Fauzee (2007) juga bersetuju dengan fungsi kokurikulum dalam membina kemahiran bersosial dan berpendapat bahawa kegiatan kokurikulum yang mantap dapat memperkukuhkan interaksi antara murid dan sekali gus memupuk integrasi antara kaum dalam masyarakat majmuk di negara

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

kita. Interaksi dan integrasi yang baik akan mengujudkan perpaduan dan kerjasama yang baik. Melandaskan kepada Rukun Negara, Malaysia berazam untuk mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat (Mok, 2008).

Kesimpulannya bolehlah dikatakan bahawa matlamat utama kokurikulum ialah untuk membentuk personaliti murid-murid yang berkemahiran tinggi dalam komunikasi, kepimpinan, keagamaan, kesukanan dan pemikiran. Matlamat yang dinyatakan tersebut adalah bersesuaian dengan Dasar KPM yang ingin melahirkan generasi yang seimbang daripada segi intelek, emosi, rohani dan jasmani. Oleh yang demikian, kokurikulum perlu dititikberatkan di sekolah demi kepentingannya dalam pendidikan.


2.7.2 Strategi Pelaksanaan Kokurikulum

Kementerian Pendidikan mempunyai strategi pelaksanaan untuk menjayakan pengurusan kokurikulum di sekolah-sekolah di Malaysia. Berdasarkan Rajah 2.3, untuk menghasilkan satu sistem pendidikan seimbang dan sempurna, maka penekanan kepada kedua-dua aspek iaitu kurikulum dan kokurikulum perlu dititikberatkan (Mohd Najib Abdul Ghafar, 2007; Abdul Rashid Abdul Sitra & Bokkasam Sasidhar, 2005; Omardin Ashaari, 1996). Kokurikulum merupakan pelengkap ke arah pendidikan holistik (Crocco & Wakeman, 2014; Marais, 2011; Lokman Mohd Tahir & Osmayati Othman, 2010; Miller, 2007; Edward & Jan, 2005; Aminudin Abdul Rahman, 2004) bukan hanya daripada segi peningkatan dan pengembangan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

kemahiran sosial, afektif dan psikomotor sahaja malah untuk mengukuhkan lagi interaksi, toleransi dan integrasi antara kaum (Jamaludin Badusah et al., 2009).



Rajah 2.3. Strategi Pelaksanaan Kokurikulum. Diadaptasi daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010

Pergaulan dan interaksi banyak berlaku melalui aktiviti kokurikulum. Atas dasar ini, sekolah perlu mempelbagaikan aktiviti yang menjurus ke arah menanamkan sifat psikososial yang diinginkan. Melalui sukan dan permainan, berlaku pembentukan pasukan atau *team building* yang memupuk semangat menyumbang secara kolektif atau berkumpulan. Aktiviti persatuan dan kelab serta pasukan badan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

beruniform juga menekankan kepada pergaulan dan khidmat masyarakat (Nor Suhara Fadzil & Jamil Ahmad, 2010). Pemupukan semangat patriotisme yang merupakan salah satu strategi untuk merealisasikan FPK dan Wawasan 2020 dapat ditekankan melalui aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat di samping melalui penyerapan unsurnya dalam semua mata pelajaran yang diajar di dalam kelas (Mok, 2008). Interaksi sosial yang berlaku semasa pelaksanaan aktiviti kokurikulum tersebut dapat menyemai nilai-nilai murni di samping memupuk dan menanam perasaan kekitaan antara murid pelbagai kaum yang mempunyai latar belakang dan cara hidup yang berlainan. Melalui aktiviti kokurikulum, murid boleh berinteraksi antara satu sama lain dengan lebih realistik tanpa memilih darjat, kaum atau agama (Nor Suhara Fadzil & Jamil Ahmad, 2010). Pengalaman tersebut membolehkan murid-murid lebih holistik dan pemahaman dalam konteks budaya yang lebih menyeluruh (Teng & Chuah, 2013; William, 2002).

Che Aziz Jaafar dan Aminuddin Yusof (2002) merumuskan bahawa aktiviti kokurikulum di sekolah perlu memenuhi fungsi sebagai aktiviti yang memberi khidmat kepada pembangunan kemasyarakatan. Semangat berkhidmat, bekerjasama dan saling membantu antara satu sama lain perlu disemai bagi membentuk masyarakat yang harmonis. Manakala Rohanida Ab. Manaf dan Mohd. Sofian Omar Fauzee (2002) menyatakan bahawa aktiviti kokurikulum dapat memberi latihan awal daripada segi kepimpinan, sahsiah dan kemasyarakatan dalam kalangan murid.

Bagi memastikan pelaksanaan kokurikulum di sekolah tersusun dan seragam, pelbagai peraturan dan panduan digariskan dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Persatuan Sekolah) 1998. Pelaksanaan kokurikulum di sekolah perlulah berlandaskan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

akta dan peraturan yang dikuatkuasakan serta surat pekeliling ikhtisas yang diedarkan dari masa ke semasa. Bagi memastikan gerak kerja kokurikulum berjalan lancar, satu sistem pentadbiran yang teratur adalah diperlukan. Jawatankuasa Bimbingan Pelajar Sekolah (JBPS) dibentuk untuk menggembleng tenaga ibu bapa dan masyarakat tempatan supaya turut bersama guru-guru menjayakan program yang dirancang (KPM, 2010).

Kini, kokurikulum merupakan sebahagian daripada kurikulum kebangsaan. Justeru, pelaksanaan dan penyertaan murid dalam kokurikulum di sekolah adalah diwajibkan sama ada untuk sekolah kerajaan atau bukan kerajaan (Laporan Kabinet 1979; Akta Pendidikan 1996). Merujuk Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 1/1985 bertarikh 2 Januari 1985, setiap murid sama ada dari sekolah kerajaan atau bukan kerajaan diwajibkan mengambil bahagian dalam ketiga-tiga bidang gerak kerja kokurikulum, iaitu bidang badan beruniform, bidang persatuan dan kelab serta bidang sukan dan permainan dengan formulanya 1 + 1 + 1 = 3 atau jika terdapat masalah dalam penubuhan persatuan di sekolah, pihak sekolah diberi kelonggaran supaya seseorang murid menyertai dua bidang sahaja dengan jumlah penyertaan tetap sebanyak tiga, iaitu formulanya 2 + 1 atau 1 + 2. Kegagalan atau keengganan melaksanakan kokurikulum di sekolah adalah satu kesalahan yang boleh didenda.

Berdasarkan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Persatuan Sekolah) 1998, pihak sekolah boleh menubuhkan sesuatu kegiatan berdasarkan mata pelajaran yang diajar di sekolah sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan-peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997. Kegiatan juga boleh ditubuhkan daripada kategori hobi dan rekreasi, sukan dan permainan, badan beruniform atau apa-apa kegiatan lain

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

yang diluluskan oleh pendaftar. Kepelbagaian dalam penubuhan kegiatan ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada murid menyertai kegiatan kokurikulum yang diminatinya. Kegiatan kokurikulum boleh dijalankan di dalam atau di luar bilik darjah, mengikut kesesuaian sesuatu aktiviti. Di bawah rancangan kokurikulum, tumpuan diberi kepada aktiviti yang merangkumi aspek khidmat masyarakat, rekreasi dan pengayaan di mana kurikulum formal dan pengalaman amali dikukuhkan dan serta diluaskan.

Kegiatan kokurikulum yang dijalankan hendaklah merupakan apa-apa kegiatan yang dirancang lanjutan daripada proses pembelajaran dan pengajaran di dalam bilik darjah yang memberikan murid peluang untuk menambah, mengukuhi dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai yang dipelajari di bilik darjah. Merujuk KPM (2010) terdapat 45 jenis persatuan dan kelab, 43 jenis sukan dan permainan serta 19 jenis pasukan badan beruniform yang boleh dijalankan di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Sehubungan itu, sekolah perlulah menubuhkan pelbagai pasukan badan beruniform, persatuan, kelab, sukan atau permainan bagi memastikan murid berpeluang untuk mengembangkan bakat dan potensi masing-masing dalam kokurikulum sehinggalah ke peringkat antarabangsa.

Penyertaan dalam aktiviti kokurikulum di alam persekolahan bermula daripada tahun 3 di peringkat sekolah rendah hingga tingkatan 6 di peringkat menengah. Murid digalakkan terlibat secara aktif dalam kokurikulum yang diceburi bagi memperoleh faedahnya. Penglibatan murid dalam kokurikulum bermaksud keaktifan murid mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti kokurikulum di sekolah. Justeru, KPM mengambil langkah menetapkan masa minimum penglibatan murid dalam aktiviti

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

tersebut. Merujuk Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 2/2007, bagi murid tahun 3 dan tahun 4, mereka perlu terlibat dalam aktiviti kokurikulum di sekolah sekurang-kurangnya selama 60 minit seminggu manakala murid tahun 5 dan 6 perlu terlibat selama 120 minit seminggu. Bagi peringkat sekolah menengah pula, peruntukan masa penglibatan mereka lebih panjang iaitu antara 120 minit hingga 180 minit seminggu. Peruntukan masa tersebut merangkumi penglibatan murid dalam aktiviti persatuan, kelab, permainan, sukan dan pasukan badan beruniform yang disertai. Konsep pelaksanaannya adalah berasaskan prinsip penyertaan beramai-ramai tanpa unsur diskriminasi atau paksaan tetapi berfokus kepada peningkatan perpaduan dan integrasi dalam kalangan murid.

Bahagian Naziran Kementerian Pendidikan Malaysia (2010) yang mengkaji tentang pelaksanaan kegiatan kokurikulum di sekolah-sekolah mendapati bahawa kegiatan kokurikulum yang berunsurkan kelab dan persatuan kurang digemari oleh murid. Di antara faktor penyebabnya ialah ketiadaan kurikulum yang lengkap, guru kurang berinisiatif dan aktiviti yang tidak menarik dan mencabar. Dapatan ini disokong oleh hasil tinjauan yang dibuat oleh Bahagian Kokurikulum dan Kesenian (2011) ke sekolah-sekolah di seluruh negara yang melihat kegiatan kelab dan persatuan tidak popular sebagaimana kegiatan badan beruniform dan sukan atau permainan. Isu ini memerlukan penelitian yang menyeluruh terhadap pelaksanaan kegiatan kelab dan persatuan di sekolah agar suatu arah tuju yang baru selaras dengan keperluan negara di masa akan datang dapat dihasilkan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Hasil tinjauan tersebut menunjukkan proses penilaian kokurikulum memerlukan komitmen yang tinggi daripada guru dan sekolah. Kesedaran dalam kalangan murid tentang syarat-syarat untuk memperoleh skor yang tinggi perlu ada, dan kriteria penilaian yang sebenar perlu diperjelaskan dari semasa ke semasa. Pihak sekolah pula perlu sentiasa memotivasikan murid dengan memastikan segala rekod dan bukti pencapaian murid dikemas kini sepanjang masa dan bukan hanya sewaktu hendak menentukan markah murid. Cara ini boleh membantu murid yang kurang berprestasi untuk memperbaiki prestasinya. Sebaik-baiknya hasil penilaian itu mudah diakses oleh semua warga sekolah seperti melalui talian telefon atau internet. Berbanding penilaian bidang akademik, penilaian dalam kokurikulum lebih kepada membantu murid-murid untuk mencapai hasil penilaian yang lebih bagus.

Pengetua atau Guru Besar sewajarnya membina dan memperkukuh sistem pemantauan yang bukan sahaja berkesan malahan juga berterusan. Amalan ini bertujuan untuk memastikan semua kegiatan yang dijalankan menepati dasar dan peraturan yang telah ditetapkan. Hasil daripada pemantauan ini boleh menjadi sumber rujukan untuk menambah baik pelaksanaan di masa akan datang. Pemantauan juga sebagai gambaran keprihatinan pihak sekolah dengan usaha dan penyertaan murid dalam kegiatan kokurikulum. Menurut kajian yang dibuat oleh Zainal Sabu (1999) ke atas 72 orang guru untuk menilai persepsi guru-guru terhadap perlaksanaan dan penyeliaan kegiatan kokurikulum di sekolah-sekolah menengah di Negeri Sembilan, didapati pelaksanaan aktiviti kokurikulum kurang penyeliaan daripada pihak pentadbiran. Keadaan bertambah buruk lagi jika seseorang guru yang aktif, kurang menerima penghargaan daripada pihak sekolah. Selain itu, pihak sekolah juga harus memberi insentif dan penghargaan kepada murid yang aktif dalam aktiviti

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

kokurikulum supaya penglibatan dan kejayaan mereka dalam sesuatu bidang dapat dicontohi oleh murid lain dan dihargai oleh pihak sekolah (E, 2007).

2.8 Pengurusan Kokurikulum

Pengurusan kokurikulum dan sukan dilihat sebagai satu aspek penting dalam institusi sekolah dan pengajian tinggi. Kewujudan profesional dalam sukan kini mendapat perhatian yang lebih serius. Ia adalah tanggungjawab Pengarah untuk memastikan bahawa profesionalisme yang diamalkan oleh para guru semasa dalam proses pembelajaran dan pengajaran supaya semua murid akan dapat memahami dan mempraktikkan apa yang mereka telah belajar secara mendalam. Bagi tujuan ini, pihak pengurusan perlu memainkan peranan aktif dan berkesan dengan menghantar guru-guru untuk mengikuti kursus sama ada dalaman atau luaran untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang masing-masing (Melati Yaacob & Hairul Nurasyikin Haron, 2013).

Aktiviti-aktiviti kokurikulum telah diadun ke dalam sistem pendidikan di Malaysia dan ia adalah satu kemestian untuk setiap murid (Hassan Adnan & Raja Roslan Raja Abd. Rahman, 2010). Aktiviti kokurikulum membentuk satu medium pembangunan yang penting terhadap proses pembelajaran dan pengajaran, di samping dapat menambah pengalaman penting dan kemahiran kepada seseorang murid (Teng & Chuah, 2013; Reaves, Hinson, & Marchant, 2010). Keberkesanan dalam menguruskan aktiviti-aktiviti kokurikulum mungkin berbeza-beza antara sekolah-sekolah

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

disebabkan faktor sumber yang ada, sokongan pentadbiran dan kepimpinan guru (Robin, Joshua, & James, 2013).


Salah satu objektif aktiviti-aktiviti kokurikulum yang diadakan di kolej-kolej atau sekolah vokasional adalah untuk memastikan murid dapat menimba pengalaman hidup dengan sempurna. Untuk melahirkan murid yang seimbang daripada aspek rohani, fizikal dan intelektual yang berpandukan FPK, kokurikulum diperlukan. Kokurikulum adalah keperluan untuk memberi peluang kepada murid-murid untuk meningkatkan langkah-langkah dan amalan kemahiran, pengetahuan dan nilai-nilai yang mereka telah belajar semasa proses pembelajaran (Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Yusof Muthalib, Noordin Yahaya, 2002).

Setiap sekolah rendah dan menengah perlu mewujudkan sebuah jawatankuasa, iaitu Jawatankuasa Pengurusan Kokurikulum Sekolah. Dengan merujuk kepada Rajah 2.4, Jawatankuasa Bimbingan Pelajar Sekolah (JBPS) dibentuk untuk menggembleng tenaga ibu bapa dan masyarakat tempatan supaya turut bersama guru-guru menjayakan program yang dirancang. Dalam mengurus aktiviti kokurikulum di sekolah, pengetua atau guru besar sebagai Penolong Pendaftar hendaklah menubuhkan Organisasi Pengurusan Kokurikulum Sekolah untuk memantau, menilai, memperbaiki, mencemerlangkan aktiviti kokurikulum sekolah.

Beberapa perkara perlu diambil kira semasa membentuk organisasi ini agar dapat memberikan faedah kepada murid dan sekolah, antaranya: (a) fungsi dan tanggungjawab setiap ahli; (b) kekerapan mengadakan mesyuarat; (c) pembentukan jawatankuasa kecil; (d) pelaporan berkala; dan (e) dokumentasi.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F



Rajah 2.4. Carta Jawatankuasa Pengurusan Kokurikulum Sekolah. Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010, hlm. 14

Kita boleh mengambil Kolej Vokasional Batu Pahat sebagai contoh. Kolej ini telah dilantik sebagai pusat kecemerlangan untuk sukan ragbi. Guru-guru daripada sekitar kawasan kolej-kolej vokasional telah dihantar ke pusat ini untuk dilatih. Ini adalah sejajar dengan matlamat KPM untuk melahirkan murid-murid yang lebih banyak untuk mewakili negara dalam pelbagai sukan. Kewujudan pusat kecemerlangan akan memastikan bahawa guru-guru dilatih secara khusus dan bagi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

murid-murid, mereka akan dapat dilatih oleh guru-guru yang juga berpendidikan dan terlatih. Sebagai kesan riak, pertumbuhan dalam sukan akan dapat dilihat sebagai tarikan untuk melihat kenapa murid-murid perlu menyertai aktiviti-aktiviti kokurikulum dengan jelas.

Pengurusan sekolah dan kolej perlu memainkan peranan dan mengambil tanggungjawab dalam menyediakan sokongan modal insan serta menyediakan mereka dengan kursus-kursus yang sesuai. Kesungguhan guru dan murid akan memantapkan sukan di kolej vokasional dan hasilnya mereka mampu untuk menyertai dan menghantar pasukan bagi pertandingan peringkat yang lebih tinggi (Melati Yaacob & Hairul Nurasyikin Haron, 2013).

Pengurusan kokurikulum di sesebuah sekolah merupakan satu proses yang penting bagi mencapai matlamat dan hala tuju kegiatan pendidikan kokurikulum (Mohd Nor Jaafar & Kung, 2008). Menurut Ab. Alim Abdul Rahim (2004), disebabkan konsep aktiviti kokurikulum di sekolah masa kini sudah diterima sebagai sebahagian daripada kurikulum sekolah, maka corak pengurusan juga seharusnya lebih baik berbanding dengan dekad sebelumnya. Beliau juga menyatakan bahawa kemahiran mengurus terhadap pelaksanaan aktiviti kokurikulum berkait rapat dengan kemahiran merancang, mengatur strategi, menyelia, melaksana, mengarah, motivasi, perhubungan manusia dan membuat penilaian atau mendapat maklum balas. Kenyataan beliau disokong oleh Mohd Nor Jaafar dan Kung (2008), Tung (2008), Nor Azah Azman (2007) serta Siti Hajar Ismail (2000). Justeru itu, pihak pentadbir kokurikulum dan guru penasihat di sekolah perlu sentiasa meningkatkan keupayaan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

diri dan sistem dalam pengurusan kokurikulum supaya pelaksanaan sesuatu aktiviti dapat dijayakan sepenuhnya.

Berpandukan kepada Ch'ng dan Kunalan (2003), pengurusan aktiviti kokurikulum harus berpandukan kepada satu falsafah atau rangka kerja pengurusan yang sesuai. Sebagai contoh, Model Sekolah Kecemerlangan (SEM) di Singapura digunakan oleh pemimpin sekolah dalam pengurusan sekolah dan program-program mereka. Oleh itu, program aktiviti kokurikulum mesti sejajar dengan rangka kerja pengurusan keseluruhan yang diterima pakai oleh pihak sekolah. Ini akan memastikan bahawa aktiviti-aktiviti kokurikulum adalah selaras dengan visi sekolah.

Bagi menjayakan pelaksanaan dan menggalakkan penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum, aspek pengurusan menjadi intipati yang perlu dilaksanakan dengan cemerlang. Pihak pengurusan kokurikulum sekolah perlu mengambil serius dalam mengurus dan melaksanakan kegiatan kokurikulum supaya dapat meningkatkan penglibatan murid dalam kegiatan tersebut. Sehubungan dengan itu, pihak pengurusan kokurikulum perlu merancang, mengelola, melaksana dan menilai untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan dan penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum (Pui, 2011).

Kesan daripada pengurusan kokurikulum yang tidak berkesan dan cekap akan membawa impak kepada pencapaian murid yang dinilai secara holistik. Pencapaian murid bukan sahaja dinilai daripada aspek pencapaian dalam bidang kurikulum dan akademik malah pencapaian dalam bidang kokurikulum begitu ditekankan dalam proses pendidikan negara (Sulaiman Shahadan, 2008). Tambahan pula, pengurusan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

kokurikulum yang kurang berkesan menyebabkan kegiatan seperti penglibatan murid tidak menyeluruh, pencapaian kokurikulum yang rendah serta terdapat sebahagian guru yang gagal menjalankan kegiatan kokurikulum (E, 2007). Akibatnya matlamat pendidikan memerlukan masa yang lama untuk mencapai tujuan yang sebenar.

Antara beberapa tugas utama pengurus kokurikulum ialah perancangan, di mana seseorang pengurus itu dapat menentukan objektif dan matlamat aktiviti kokurikulum, membentuk AJK dan mengenal pasti peserta-peserta serta kemudahan dan tempat menjalankan aktiviti. Tugas yang kedua penting ialah pengelolaan, di mana mewujudkan struktur organisasi dan perlembagaan dengan pernyataan tugas-tugas, peranan, objektif dan matlamatnya. Tugas yang ketiga ialah pimpinan, di mana memainkan peranan sebagai penasihat, pemimpin dan fasilitator. Tugas yang keempat ialah penyeliaan, di mana bertugas sebagai memerhati, mengawal dan menilai aktiviti dan program semasa dijalankan untuk menentukan pencapaian matlamatnya dan tugas yang kelima ialah perhubungan luar, dimana berhubung dengan ibu bapa dan agensi-agensi yang boleh memberi sokongan dan bantuan untuk menjalankan aktiviti kokurikulum yang ditentukan (Yusnizam Ahmad, 2008).

Pengurusan kokurikulum adalah satu proses yang sangat penting untuk mencapai matlamat dan objektif kokurikulum. Pihak pengurusan sukan dan kokurikulum juga harus mempertimbangkan jenis aktiviti-aktiviti yang berkaitan kerana semua murid adalah tidak sama. Disarankan bahawa orang yang khusus, berkemahiran dan berkelayakan adalah faktor yang amat diperlukan untuk membangun dan melibatkan diri dalam pengurusan kokurikulum staf bukan akademik terutamanya yang benar-benar tidak dapat melaksanakan dan mempunyai

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

pengetahuan yang terhad, kurang kemahiran dan pengalaman dalam bidang ini. Kerjasama yang ketat antara pengurusan dan badan-badan berkaitan perlu dibuat bagi memastikan bahawa program-program yang memenuhi visi dan misi kolej vokasional mempunyai matlamat yang selaras dengan FPK (Mohamad Najib Abdul Ghafar & Jamaliah Jalaludin, 2011).

Pelaksanaan dan pengurusan kokurikulum perlu dilakukan secara sistematik dan mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh KPM (Ramlan Abdul Wahab, 2004). Pengurusan kokurikulum dilihat daripada segi ciri-ciri corak pengurusan kokurikulum serta strategi pelaksanaan. Strategi pengurusan yang diperlukan merujuk kepada gaya pengurusan yang diterapkan di dalam pengurusan kokurikulum. Penekanan yang diberikan terhadap sesuatu corak pengurusan adalah dititikberatkan di sini kerana corak pengurusan kokurikulum yang sesuai akan membantu meningkatkan tahap pencapaian kokurikulum murid.

Selaras dengan FPK yang mahukan perkembangan dan kemajuan murid yang seimbang dan harmonis, maka bidang kokurikulum yang merupakan salah satu komponen teras haruslah diberikan tumpuan dan pengurusan kokurikulum yang lebih cekap perlu diberi penekanan supaya kokurikulum dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan (Sulaiman Shahadan, 2008; Ab. Alim Abdul Rahim, 2004).

Walaupun kriteria ciri-ciri corak pengurusan kokurikulum di sekolah melibatkan proses perancangan, pengelolaan dan pelaksanaan, pengawalan, penyeliaan serta penilaian, namun pengkaji hanya membincangkan tiga aspek iaitu perancangan, pengawalan dan penilaian sahaja dalam kajian ini.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

2.9 Teori Pencapaian

Teori Keperluan Pencapaian yang dibentuk oleh David McClelland menyatakan bahawa setiap murid mempunyai motivasi untuk mencapai kejayaan tetapi dengan keperluan yang berbeza. Terdapat tiga keperluan yang berlatarbelakangkan motivasi seseorang. Keperluan-keperluan tersebut adalah keperluan pencapaian *(need for achievement)*, keperluan kuasa *(need for power)* dan keperluan berhubungan *(need for affiliation)* (Daft 2008b; Lussier & Achua, 2007).

Keperluan akan prestasi atau pencapaian merujuk kepada orang yang mempunyai matlamat untuk memperbaiki diri, melakukan sesuatu lebih baik dan lebih cekap berbanding sebelumnya. Individu-individu sebegini juga lebih suka menyelesaikan sesuatu tugas sendiri tanpa mengharapkan bantuan orang lain. Cabaran serta tanggungjawab bagi tugas yang dilakukan memberi dorongan serta kepuasan kepada mereka sekiranya kejayaan dicapai.

Manakala bagi keperluan kepada kuasa, ia adalah keperluan yang berkaitan dengan darjah kawalan yang diingini oleh seseorang individu ke atas situasi di mana dia berada. Keperluan ini boleh dikaitkan dengan bagaimana seseorang itu menangani kejayaan atau kegagalan. Individu yang mempunyai keperluan kuasa yang tinggi lebih suka menjadi ketua, berusaha mencari pengaruh dan memilih untuk bekerja dalam situasi yang mempunyai persaingan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Keperluan yang seterusnya adalah keperluan berhubungan yang mana ia merujuk kepada keinginan individu untuk diterima dan disukai oleh orang lain. Individu yang mempunyai keperluan berhubungan yang tinggi akan berusaha untuk menjalinkan persahabatan, berada dalam situasi berkumpulan yang bekerjasama dan tidak suka kepada suasana yang bersaing. Dalam buku *Organizational Behavior* yang ditulis oleh Robbins dan Judge (2013), disebutkan bahawa Teori Keperluan Pencapaian McClelland adalah teori yang paling banyak mendapatkan sokongan terutama kaitannya dengan pencapaian dan produktivitinya.

Teori motivasi yang seterusnya ialah Teori Motivasi Pencapaian Atkinson (Daft, 2012; Dubrin, 2012). Teori ini menyatakan bahawa motivasi pencapaian boleh berlaku disebabkan dua motif iaitu motif untuk mencapai kejayaan dan motif untuk mengelak kegagalan. Individu yang mempunyai motif mencapai kejayaan memerlukan persaingan dan keseronokan. Oleh itu, pada pendapat pengkaji, semasa aktiviti-aktiviti kokurikulum dijalankan, maka guru-guru boleh memasukkan aktiviti-aktiviti yang berunsur persaingan, ini bukan sahaja dapat menarik minat murid-murid, yang penting lagi ialah meningkatkan motivasi pencapaian individu, terutamanya bagi individu yang optimistik iaitu individu yang berorientasi pencapaian yang mengejar kejayaan dalam sebarang perkara.

Berpandukan pandangan-pandangan di atas, didapati setiap murid mempunyai keperluan yang berbeza. Murid-murid adalah orang yang dianggap bertanggungjawab, suka untuk belajar dan bermotivasi untuk menjadi lebih baik. Faktor yang mendorong murid-murid untuk mengharapkan kejayaan ialah motivasi untuk mencapai kejayaan, persepsi terhadap kemungkinan berjaya dan juga nilai insentif positif terhadap

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

kejayaan. Oleh itu, pentadbiran dalam kokurikulum dan kepimpinan guru penasihat yang tinggi adalah perlu untuk memotivasikan murid-murid terus berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam aktiviti kokurikulum. Pandangan-pandangan ini dapat menyokong kerangka kajian ini.

2.10 Pencapaian Kokurikulum

Pencapaian merujuk kepada hasil yang diperoleh oleh murid-murid setelah mempelajari sesuatu ilmu pengetahuan. Pencapaian selalu merujuk kepada skor atau gred yang dicapai oleh murid-murid dalam sesuatu ujian atau peperiksaan. Menurut Aripin Yuddin (2008), pencapaian adalah pengetahuan, pemahaman, dan ketrampilan yang dikuasai sebagai hasil pengalaman pendidikan khusus. Pengetahuan bermaksud bahagian tertentu daripada maklumat yang diperoleh. Pemahaman pula mempunyai kebolehan untuk mengembangkan pengetahuan ini ke pelbagai arena. Ketrampilan pula bermaksud cara seseorang mengembangkan pengetahuan yang diperoleh daripada proses pembelajaran.

Jika matlamat terakhir seseorang murid dalam bidang akademik adalah untuk berjaya memasuki universiti serta mendapat Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana atau Ijazah Doktor Falsafah (Phd), maka matlamat seseorang murid itu dalam bidang kokurikulum adalah untuk berjaya sehingga memenangi sesuatu kejohanan di peringkat sekolah, daerah, negeri, kebangsaan atau antarabangsa (Ab. Alim Abdul Rahim, 2004).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Menurut beliau lagi, sesetengah persatuan dalam bidang unit beruniform menyediakan kurikulum kokurikulum sehingga ke tahap tertentu. Contohnya, anugerah yang tertinggi bagi seorang ahli Pandu Puteri ialah anugerah dan Sijil Pandu Puteri Raja. Begitu juga anugerah yang tinggi sekali bagi seorang pengakap ialah anugerah dan Sijil Pengakap Raja. Sijil Pandu Puteri Raja dan Sijil Pengakap Raja merupakan anugerah yang paling tinggi dan ditandatangani oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong, raja-raja dan sultan-sultan di Malaysia.

Di Universiti Toronto, murid-murid boleh mengesan perkembangan mereka dalam aktiviti-aktiviti kokurikulum melalui Program Rekod Kokurikulum. Program ini membolehkan seseorang murid membentuk transkrip pembangunan kokurikulum mereka dengan mendaftar di sistem dalam talian dan mengesan kemajuan mereka dengan aktiviti-aktiviti yang berdaftar. Aktiviti-aktiviti yang layak untuk rekod kokurikulum merangkumi penglibatan murid yang aktif, pembelajaran hasil yang dirancang yang diiktiraf oleh pengesah universiti (Desmarais, Evers, Hazelden, Schnarr, & Whiteside, 2013).

Kita mungkin boleh membuat satu andaian bahawa pencapaian kokurikulum adalah dapatan pengetahuan dan kemahiran oleh seseorang murid melalui kegiatan kokurikulum. Selepas murid mendapat kemahiran melalui aktiviti kokurikulum, mereka dijangka akan dapat menyalurkan ilmu mereka ke arah pembinaan modal insan dan seterusnya membawa kepada kejayaan kewujudan Satu Malaysia seperti yang diutamakan oleh kerajaan Malaysia sekarang. Sikap keharmonian akan wujud antara murid semasa mereka mengambil bahagian dalam kegiatan kokurikulum. Keseimbangan daripada segi jasmani, emosi, rohani dan intelek yang dicapai

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

membolehkan murid menguruskan tugasan harian dengan berkesan pada masa hadapan.

Manakala maksud pencapaian dalam konteks ini adalah lebih tertumpu kepada prestasi murid semasa menjalankan aktiviti kokurikulum daripada persepsi atau pandangan guru-guru penasihat berdasarkan pemerhatian atau pengalaman mereka.

2.11 Pentadbiran

Kejayaan kokurikulum sesebuah sekolah berkait rapat dengan keberkesanan pentadbiran sekolah tersebut (Yasmin Othman, 2009; Siti Hajar Ismail, 2000). Pelaksanaan kokurikulum tidak berjaya dengan sepenuhnya jika tidak mendapat sokongan sepenuhnya daripada guru-guru. Abdullah Sani Yahaya (2005) berpendapat strategi utama pelaksanaan aktiviti kokurikulum ialah menggubal dan melaksanakan pelan tindakan yang bersesuaian dan tepat dengan keupayaan sekolah dan murid-murid. Manakala bagi menerangkan dimensi pengurusan sukan iaitu perancangan sukan, kepimpinan dan pengelolaan, latihan dan pemilihan sumber manusia, kemudahan dan peralatan sukan dan penyertaan murid adalah merupakan petunjuk-petunjuk yang dapat menyumbang ke arah keberkesanan pengurusan sukan di sekolah (Wan Mohd Din Wan Mohamad, 2004).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

2.11.1 Perancangan

Proses merancang merupakan fungsi pengurusan yang pertama. Tanpa perancangan, fungsian lain dalam pengurusan tidak akan dapat dilaksanakan dengan sempurna. Banyak pendapat yang dikemukakan berkaitan dengan perancangan. Antaranya Daff (2012) mendefinisikan perancangan sebagai matlamat organisasi yang akan dicapai dan bagaimana untuk mencapainya. Bagi Koontz dan Wiehrich (2007), perancangan ditakrif sebagai penentuan tentang apa yang hendak dibuat, bagaimana melaksanakannya dan siapa yang akan menjadi pelaksananya. Ia melibatkan pemilihan misi, objektif dan tindakan untuk mencapai matlamat.

Istilah perancangan dalam pengurusan ialah proses penyediaan untuk menggunakan sumber-sumber yang diperoleh dengan cara yang lebih berekonomi dan lebih cekap agar matlamat organisasi tercapai. Wee (1996) menyatakan bahawa ketiadaan perancangan yang baik dalam pengurusan kokurikulum boleh menimbulkan masalah kepada pihak yang diberi tanggungjawab untuk melaksanakan aktiviti kokurikulum di sekolah.

Merancang ialah satu proses untuk menentukan garis kasar sesuatu kerja supaya dapat dilaksanakan dalam cara yang logik dan bermakna. Kita harus menetapkan objektif supaya dapat melihat dasar-dasar strategi dan langkah-langkah yang patut digunakan untuk mencapai objektif-objektif itu. Penetapan objektif sangat penting dalam perancangan kerana ia merupakan panduan ke arah yang akan dituju. Menurut Jaafar Muhamad (2003), perancangan dilihat sebagai sesuatu usaha

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

pengurusan yang diambil untuk mengenal pasti matlamat dan menentukan tindakan yang bakal diambil. Matlamat ini perlu disokong oleh sumber-sumber yang ada.

Tambahan pula, perancangan dianggap penting kepada pentadbir atau guru-guru di sekolah dalam membuat persediaan penggunaan sumber, mengawasi perbelanjaan, menyelaraskan kerja dan menangani masalah yang bakal ditempuhi. Perancangan juga dapat mengekalkan kelancaran kerana cara yang terbaik untuk melakukan sesuatu tugas telah diketahui.

Kepentingan proses perancangan memang tidak dapat dinafikan kerana perancangan yang berwawasan akan memastikan kejayaan sesuatu program. Lazimnya dalam proses perancangan, seseorang pengurus akan merancang bagi menentukan aktiviti-aktiviti yang sesuai berdasarkan sumber-sumber yang diperoleh bagi mencapai matlamat dan objektif program seperti yang telah ditetapkan (Bateman & Snell, 2013). Tanpa perancangan yang teratur, prestasi dan operasi sesebuah organisasi sukar menepati sasarannya. Justeru, aspek perancangan dalam konteks pelaksanaan gerak kerja kokurikulum di sekolah, memainkan fungsi bagi menentukan proses pengawalan dan penilaian bagi memastikan program tersebut berjaya.

Perancangan aktiviti kokurikulum sekolah memainkan peranan yang paling penting dalam menjamin keberkesanan kegiatan kokurikulum di sekolah-sekolah (Dubrin, 2012; Zafir et al., 2009). Dalam hal ini, guru-guru dan jawatankuasa kokurikulum perlu berganding bahu bagi melaksanakan aktiviti kokurikulum di sekolah. Keberkesanan kegiatan kokurikulum dapat dipertingkatkan sekiranya pihak sekolah menyatakan tujuan dan matlamat sekolah itu dengan jelas melalui visi dan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

misi organisasi kokurikulum sekolah. Guru yang berpengalaman dan berwibawa juga akan mampu menyediakan carta organisasi kegiatan kokurikulum yang lengkap dalam mengagihkan tugas dalam kalangan guru bagi melicinkan aktiviti kegiatan kokurikulum di sekolah (Wan Mohd Din Wan Mohamad, 2004).

Rumusan daripada definisi di atas, perancangan adalah usaha pengurusan untuk mengenal pasti matlamat dan menentukan tindakan yang bakal diambil. Merancang bagi pengurusan aktiviti kokurikulum bukannya dengan sekali merancang tetapi adalah sesuatu yang berterusan.

2.11.2 Pengawalan

Menurut Koontz dan Wiehrich (2007), pengawalan adalah pengukuran dan pembetulan aktiviti yang dilaksanakan untuk memastikan hasil atau prestasi yang diperoleh itu adalah konsisten dengan rancangan. Andai kata prestasi yang diperoleh tidak memenuhi piawaian, maka tindakan pembaikan perlu diambil agar matlamat organisasi yang dirancang dapat dicapai.

Kawalan merupakan suatu proses mengawasi aktiviti-aktiviti yang dijalankan untuk memastikan semuanya berjalan dengan lancar dan teratur serta memperbaiki sebarang kesalahan. Setiap aktiviti hendaklah diselaraskan dengan piawai dan piawai akan menjadi panduan kepada kakitangan. Dengan membandingkan prestasi masa kini dengan prestasi yang ditetapkan, maka kakitangan akan dapat melihat jurang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

antara keduanya. Pengawalan yang efektif dapat menolong organisasi mencapai matlamat dengan berkesan (Sabri et al., 2004).

Kawalan bertujuan untuk menentukan mutu prestasi mengikut piawai dan pengawalan hendaklah selaras dengan perancangan agar dapat memudahkan pembahagian tugas dan menentukan tanggungjawab individu. Proses kawalan termasuklah menentukan objektif dan tugas, menentukan piawai prestasi telah tercapai dan mengambil tindakan pembetulan jika perlu. Selain daripada kemahiran proses pengawalan, semua peraturan dan pekeliling KPM yang berkaitan dengan pengurusan dan penyeliaan kokurikulum juga perlu sentiasa dipatuhi (Tung, 2008).

Berdasarkan keterangan di atas, dapatlah dirumuskan kawalan hendaklah dilakukan secara berterusan serta menilai sama ada piawaian yang ditetapkan itu realistik atau tidak untuk sesuatu tugasan dan matlamatnya. Semakan penggunaan sumber bagi mengenal pasti sama ada bertepatan dengan rancangan atau matlamat organisasi atau sebaliknya perlulah dilakukan. Jika terdapat penyimpangan, pembetulan perlu dilakukan.

2.11.2.1Pemantauan

Aspek pemantauan memainkan peranan juga dalam pengawalan. PKKK haruslah memantau penglibatan guru-guru penasihat kokurikulum dari semasa ke semasa bagi memastikan keberkesanan pengurusan kokurikulum. Pemantauan adalah sangat

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

penting dalam pengawalan bagi memastikan pengurusan dilaksanakan secara berkesan (Yasmin Othman, 2009).

Oleh itu, dalam membuat pengawalan, pengurus iaitu PKKK haruslah memastikan pemantauan dan penilaian ke atas pelaksanaan perancangan organisasi dijalankan secara berterusan. Dengan ini, pengawalan kokurikulum akan menghasilkan pencapaian matlamat kokurikulum sekolah.

2.11.2.2Penyeliaan

Penyeliaan aktiviti kokurikulum merangkumi kawalan dan penyeliaan ke atas pelaksanaan aktiviti kokurikulum yang dirancang. Mengikut Abdullah Sani Yahaya (2005), penyeliaan aktiviti kokurikulum bermaksud pengawasan aktiviti kokurikulum supaya objektif dan matlamat yang ditetapkan dapat dijalankan dengan lancar dan dicapai. Menurut beliau lagi, penyeliaan aktiviti kokurikulum oleh guru penasihat dan jawatankuasa kokurikulum lazimnya diadakan sepanjang tahun yang meliputi matlamat, kehadiran ahli, disiplin dan keselamatan, pelaksanaan rancangan, kewangan serta penyertaan. Pendapat beliau disokong oleh Norziana Ayob (2013) yang mengatakan bahawa penyeliaan bukan hanya memastikan program tersebut berjaya, yang lebih penting lagi program tersebut mesti ditambahbaikkan secara berterusan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Berdasarkan Glickman, Gordon, dan Ross-Gordon (2007), penyeliaan merupakan satu proses memerhati, membimbing dan memberi maklum balas kepada aktiviti profesional oleh penyelia ke atas stafnya. Ini antara caranya yang dapat dilaksanakan untuk memastikan keberkesanan perkhidmatan yang tinggi kualitinya.

Jelas sekali, penyeliaan bermakna memberi tumpuan utama kepada kecekapan dan keberkesanan melalui perlakuan dan penyeliaan sistematik oleh sesebuah sekolah untuk menambah baik dalam usaha memupuk pencapaian murid (Rasid Abd Rasyid Tambutu, 2009).

2.11.3 Penilaian

Sesuatu aktiviti tanpa sebarang bentuk maklum balas dan penilaian adalah dianggap sebagai tidak membawa sebarang pengertian dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan dan kegiatan itu.

Nitko (2004) mentakrifkan penilaian sebagai aplikasi bagi penghakiman atau nilai-nilai, atau kedua-duanya yang berkaitan dengan hasil pengukuran atau pemerhatian. Manakala Siti Rahayah Ariffin (2003) pula mentakrifkan penilaian sebagai proses menentukan, mendapatkan dan memberikan maklumat yang berguna untuk membuat pertimbangan mengenai tindakan selanjutnya. Sementara Fitzpatrick, Sanders, dan Worthen (2004) mentakrifkan penilaian sebagai memberi identifikasi, membuat pengesahan dan penggunaan kriteria yang boleh dipertahankan untuk menentukan nilai objek yang sedang dinilai berkaitan dengan kriteria yang ditentukan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Seterusnya Linn dan Miller (2005) pula mentakrifkan penilaian sebagai berkaitan dengan keupayaan untuk menghakimi nilai sesuatu bahan dengan tujuan yang tertentu.

Rossi et al. (2004) berpendapat bahawa penilaian mempunyai banyak tujuan seperti membantu pihak pengurusan memperbaiki program, membantu menghindarkan kritik, mengetahui tentang keberkesanan program, menyediakan input terhadap keputusan pembiayaan program, struktur atau pentadbiran; atau digunakan sebagai maklum balas terhadap tekanan politik. Pendapat mereka disokong oleh Stufflebeam dan Shinkfield (2007) yang berpendapat penilaian membolehkan pekerja memperbaiki prestasi dengan mengukur kejayaan sendiri, menyedari kejayaan yang mereka peroleh dan menyediakan mereka peluang untuk perkembangan diri.

Menurut Daft dan Marcic (2011), penilaian merujuk kepada cara pihak pengurus sekolah memantau dan menilai kemajuan pelaksanaan gerak kerja kokurikulum di sekolah serta dilakukan sepanjang masa pelaksanaan program tersebut. Menilai merupakan usaha untuk mengukur prestasi dan membetulkan penyelewengan. Penilaian boleh dilakukan melalui pemerhatian iaitu dengan menilai hasil prestasi dan memberi penekanan kepada hasil kerja yang berkualiti. Berpandukan pendapat Daft dan Marcic (2011) di atas, dapatlah dikatakan bahawa proses penilaian dilakukan sepanjang masa pelaksanaan gerak kerja kokurikulum di sekolah.

Menurut Noriyati Ismail (2006), penilaian perlu untuk mengesan kelemahan yang wujud. Semakin tinggi tahap kawalan dan penilaian dilakukan, maka semakin baiklah pengurusan kurikulum, kokurikulum dan hal ehwal murid dilaksanakan. Selain kawalan dan penilaian, faktor sikap guru, komitmen dan kesedaran tentang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

akauntabiliti juga amat penting bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan sesuatu perancangan.

Aspek penilaian juga penting kerana ia dapat menyatakan kejayaan dan keberkesanan program tersebut. Sesuatu aktiviti tanpa sebarang bentuk maklum balas dan penilaian adalah dianggap sebagai tidak membawa sebarang pengertian dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan dan kegiatan itu.

Pandangan dan maklum balas daripada pelbagai pihak, peringkat dan golongan akan membantu sesuatu aktiviti menjadi lebih berkesan lagi. Penilaian boleh dilakukan secara formal dan tidak formal. Satu bentuk penilaian formal boleh dilakukan dengan menggunakan borang soal selidik yang telah disediakan untuk mendapatkan maklum balas yang lebih tepat (Tung, 2008). Selain itu, mesyuarat *post mortem* juga perlu dijalankan untuk membuat penambahbaikan terhadap aktiviti yang dijalankan atau sebagai panduan bagi melaksanakan aktiviti yang seterusnya (Ab. Alim Abdul Rahim, 2004). Penilaian secara tidak formal seperti melalui perbualan yang tidak berstruktur dan tidak dirancang pula boleh dilakukan semasa atau selepas aktiviti dijalankan (Tung, 2008; Ab. Alim Abdul Rahim, 2004).

Sesuatu kegiatan kokurikulum hanya bermakna sekiranya ada penyertaan murid. Penyertaan murid dalam aktiviti kokurikulum akan mempengaruhi keberkesanan pengurusan sekolah. Untuk menarik ramai murid menyertai pelbagai aktiviti kokurikulum, pihak sekolah mestilah memberi penghargaan atas kecemerlangan mereka dalam aktiviti yang diceburi. Di samping itu, kedatangan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

murid mestilah dicatat dan dibuat penilaian agar mereka merasakan kehadiran mereka dalam aktiviti adalah bermakna.

2.12 Guru Penasihat Sebagai Faktor Kecemerlangan Kokurikulum

Setiap guru perlu melibatkan diri dengan kegiatan kokurikulum. Mereka perlu menjadi penasihat kepada sekurang-kurangnya persatuan atau sukan atau pasukan beruniform. Tugas seseorang penasihat merupakan tugas rasmi atau wajib dilaksanakan. Tugas dalam kegiatan kokurikulum dicatat dalam senarai tugas yang dikeluarkan oleh pihak sekolah pada setiap tahun.

Menurut KPM (2010), setiap kegiatan kokurikulum yang dijalankan di sekolah mesti mempunyai sekurang-kurangnya dua orang guru penasihat dan guru penasihat ini biasanya terdiri daripada guru-guru sekolah tersebut.

Guru penasihat merujuk kepada guru biasa yang dilantik oleh pihak sekolah untuk memimpin dan melaksanakan aktiviti sesuatu kelab dan persatuan, permainan dan badan beruniform. Struktur tugas penasihat ini boleh terdiri daripada ketua guru penasihat dan guru penasihat biasa. Ketua guru penasihat merupakan medium dan orang yang bertanggungjawab secara langsung berkaitan aspek pengurusan kokurikulum di samping jawatankuasa murid (Mok, 2011; Ab. Alim Abdul Rahim, 2004).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979 mendapati kegiatan-kegiatan kokurikulum di sekolah dapat dijayakan dengan sepenuhnya sekiranya guru-guru yang mengendalikan kegiatan-kegiatan itu mengetahui akan tugas mereka serta menjalankan tugas itu dengan penuh minat, jujur dan dedikasi. Guru-guru yang berkenaan hendaklah sentiasa sedar akan objektif-objektif yang hendak dicapai menerusi kegiatan-kegiatan kokurikulum.

Ab. Alim Abdul Rahim (2004) berpendapat bahawa pentadbiran sekolah seharusnya mengambil perhatian terhadap beberapa perkara sebelum pelantikan seseorang guru menjadi penasihat atau jurulatih kerana ianya penting bagi mendorong kejayaan dan keaktifan sesebuah persatuan kokurikulum di sekolah. Antaranya ialah:

i. Kemahiran dan kepakaran seseorang guru berkenaan
ii. Bilangan persatuan yang ditubuhkan di sekolah berkenaan
iii. Jumlah guru di sekolah berkenaan
iv. Bilangan murid yang menyertai sesebuah persatuan

2.12.1 Kesediaan

Kesediaan merujuk kepada kesediaan guru-guru menerima dan melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan oleh pihak pentadbiran sekolah kepada mereka berasaskan matlamat sekolah. Ia merupakan suatu tahap yang mesti dicapai oleh seseorang guru untuk melaksanakan sesuatu pekerjaan atau tugas yang berkesan (Amin Senin, 2008). Tahap kesediaan berkait rapat dengan pengetahuan guru dalam

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

pengurusan kokurikulum dan pengetahuan terhadap kemahiran serta pengalaman-pengalaman guru terhadap kokurikulum yang dipimpin (Jamaliah Mohd Jamal, 2013).

Keadaan ini bergantung kepada kematangan dan pengalaman. Kesediaan juga merupakan satu kaedah atau situasi yang wujud untuk memungkinkan peluang menjalankan sesuatu aktiviti atau gerak kerja dengan baik (Baharin Abu & Hasnita Ismail Nawang, 2009).

Faktor kesediaan berkait rapat dengan latar belakang guru menerima latihan dalam pengurusan kokurikulum, pengalaman mendapat latihan bidang kejurulatihan dan kepegawaian serta guru-guru mempunyai sejarah penglibatan dalam aktiviti kokurikulum. Ini disokong oleh Yusnizam Ahmad (2008), bahawa guru-guru yang mendapat latihan di maktab perguruan dan universiti lebih bersedia dalam pengurusan kokurikulum unit beruniform berbanding dengan guru-guru yang mendapat latihan perguruan hanya di universiti atau di maktab. Daripada kajian beliau, beliau dapat membuktikan bahawa guru-guru kokurikulum unit beruniform mempunyai tahap kesediaan yang baik dalam pengurusan kokurikulum yang mereka terajui.

2.12.2 Pengetahuan

Tahap kepimpinan guru daripada segi pengetahuan menguruskan aktiviti kokurikulum sekolah merupakan aspek yang turut dikaji oleh pengkaji. Hal ini kerana kelemahan pengetahuan dan kemahiran pengurusan dalam kalangan pentadbir sekolah atau guru-

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

guru penasihat di sekolah boleh merencatkan keberkesanan sistem pengurusan aktiviti kokurikulum sekolah tersebut (Mani Man Singh Rajbhandari, 2007).

Mohd Azhar, Paimah, Muhamed Fauzi, & Mohd. Nasir (2004) mentakrifkan pengetahuan sebagai peringkat kesedaran dalam bentuk kebenaran, prinsip dan maklumat. Pengetahuan berasal daripada pengalaman lampau dan pengalaman baru sama ada diketahui sendiri ataupun melalui sumber lain dan digunakan bagi mencapai matlamat yang belum terlaksana.

Pengetahuan dan kemahiran merupakan elemen utama yang boleh mempengaruhi kecekapan dan keberkesanan amalan pengurusan kokurikulum sekolah (Mohamad Kamaludin Taib, 2008). Justeru itu, seseorang guru penasihat perlu berusaha menambahkan pengetahuan mereka dalam bidang yang dipimpinnya untuk menjalankan peranan dengan lebih berkesan dan berjaya. Guru penasihat tersebut juga perlu mempunyai pengetahuan asas mengenai pengurusan dan pentadbiran yang berkaitan dengan kegiatan kokurikulum yang dipimpinnya.

Gregson (2003) menyatakan bahawa bakal guru dan guru-guru terlatih seharusnya dilengkapi dengan ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti kokurikulum supaya mereka mampu melahirkan individu yang berkemampuan dalam konteks pendidikan kebangsaan. Aktiviti-aktiviti kokurikulum adalah elemen yang sangat penting dalam latihan keguruan di mana pendidik dan murid boleh mengenal pasti dan mengaplikasikan teori yang dipelajari untuk digunakan di sekolah-sekolah (Hartley & McInnes, 2002).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Sehubungan dengan itu, guru haruslah memainkan peranan yang penting dalam menentukan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum yang mereka selaraskan. Sebagai guru, mereka haruslah mempunyai kemahiran dan minat yang mendalam dalam bidang kokurikulum. Guru juga haruslah mempunyai ciri seperti mudah didampingi dan bertolak ansur supaya dapat menarik minat murid-murid untuk menyertai aktiviti tersebut (E, 2007).

Dapatan kajian Yusnizam Ahmad (2008) membuktikan hampir separuh daripada guru-guru tidak pernah mengikuti latihan yang khusus dalam pengurusan kokurikulum unit beruniform. Dapatan beliau juga menunjukkan terdapatnya hubungan antara kesediaan dan sikap guru dalam pengurusan kokurikulum unit beruniform. Oleh itu, beliau mengharapkan pihak berkenaan dapat menganjurkan lebih banyak kursus pengurusan unit beruniform agar pengetahuan dan kemahiran guru-guru dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa ke arah pemantapan pengurusan unit beruniform.

Kesemua responden yang ditemu bual dalam laporan Ruzila Yusoff (2006) juga mengakui perlunya kursus-kursus berkaitan kokurikulum diberikan kepada mereka bagi membekalkan pengetahuan tentang bidang-bidang yang diceburi serta untuk meningkatkan keberkesanan terhadap persatuan atau kelab-kelab kokurikulum di sekolah.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Guru-guru sebagai guru pembimbing, penasihat, tenaga pengajar atau jurulatih disarankan agar diberikan latihan atau kursus-kursus yang berkaitan dalam mempertingkatkan kemahiran dan kepakaran mereka dalam bidang-bidang kokurikulum. Yusnizam Ahmad (2008), Ruzila Yusoff (2006) dan Wan Mohd Din Wan Mohamad (2004) berpendapat latihan seumpamanya adalah penting bukan saja daripada pemantapan pengurusan kokurikulum, malah juga memastikan pelaksanaan aktiviti kokurikulum dilaksanakan secara efektif di samping dapat mengelakkan daripada berlakunya kemalangan atau kecerdasan sewaktu berlangsung nanti.

2.12.3 Komitmen

Komitmen bermaksud sikap atau pendirian atau perbuatan seseorang dalam memberikan sepenuh tenaga dan perhatian dan menunjukkan sokongan dan azam yang sepenuhnya kepada sesuatu (Cohen, 2006). Bogler dan Somech (2004) menegaskan bahawa komitmen adalah satu penghubung antara matlamat dengan misi personal, misi organisasi, serta kepercayaan peribadi individu tentang misi, sikap dan kesetiaan terhadap organisasi serta hasil yang hendak dicapai.

Pencapaian matlamat organisasi bukan sahaja bergantung kepada komitmen anggota-anggota dalam organisasi kepada pelaksanaan yang tersirat dalam pernyataan misi organisasi. Justeru adalah menjadi tanggungjawab pihak pengurusan atau pentadbir sekolah untuk menjana, mensimulasikan seterusnya menghidupkan nilai komitmen pada diri, subordinat dan warga sekolah seluruhnya. Hal ini selari dengan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

pengertian komitmen guru yang bermaksud identifikasi, pembabitan dan kesetiaan guru kepada sekolah atau organisasi secara formalnya (Cohen, 2011).

Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar dan Jamaliah Jalaludin (2011), guru-guru penasihat kokurikulum perlu berperanan sebagai pembimbing murid di mana guru-guru harus membimbing murid mereka ke arah kejayaan secara berterusan. Para murid amat memerlukan guru yang baik dan cekap sebagai pembimbing yang dapat meningkatkan kualiti serta membawa kepada kejayaan mereka. Untuk menjadi pembimbing yang baik, guru perlu memiliki sifat-sifat seperti kesabaran, kesungguhan serta semangat membantu untuk memajukan murid-murid tanpa mengharapkan balasan atau ganjaran. Guru yang baik dapat memberi inspirasi, motivasi dan membimbing murid ke arah kejayaan.

Ruzila Yusoff (2006) berpendapat bahawa guru-guru pembimbing kokurikulum hendaklah melibatkan diri secara aktif serta memberi komitmen yang tinggi terhadap tanggungjawab yang diamanahkan. Sehubungan itu, mereka seharusnya berusaha untuk menimba ilmu berkaitan kokurikulum untuk meningkatkan profesionalisme dalam menjalankan tugas dengan membaca bahan bacaan yang berkaitan, membuat rujukan kepada pihak yang pakar, bekerjasama dengan agensi berminat yang berkaitan serta mengikuti program-program yang dianjurkan oleh pusat kokurikulum negeri.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Begitu juga guru perlu melaksana aktiviti-aktiviti kokurikulum yang telah dirancang. Mekanisme koordinasi dan menstrukturkan organisasi dengan membina kaedah serta membuat prosedur agar aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan teratur. Jika guru-guru penasihat kokurikulum dapat melaksanakan program kokurikulum dengan baik, tahap keyakinan diri dan komitmen mereka juga akan berada di tahap tinggi (Mohamad Najib Abdul Ghafar & Jamaliah Jalaludin, 2011).

Oleh itu, kita boleh simpulkan bahawa komitmen guru adalah sikap guru semasa bekerja untuk mewujudkan keadaan sekolah yang kondusif. Amalan penyeliaan dan ganjaran yang wujud di sekolah akan menjadi pendorong kepada guru untuk menjalankan tanggungjawab dengan sempurna (Bogler & Somech, 2004; Cohen, 2003; Somech & Bogler, 2002). Kerjasama di antara guru-guru di sekolah adalah merupakan salah satu faktor penting untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah.

2.12.3.1Sikap

Sikap adalah tingkah laku yang lahir daripada emosi seseorang. Ia adalah kumpulan keterlaluan atau perangai yang ditunjukkan oleh seseorang terhadap sesuatu perkara atau orang lain. Sikap guru bermaksud penilaian guru tentang apa yang mereka suka dan sesuai dengan diri mereka dan sebaliknya. Jika seorang guru menyukai tugasnya, dia akan berusaha dengan bersungguh-sungguh. Sebaliknya, jika seorang guru tidak berpuas hati dengan tugas yang diberikan, dia akan membuat tugas yang diberikan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

dengan sambil lewa sahaja. Dengan itu, sikap guru boleh mempengaruhi prestasi dan hasil kerjanya di sekolah (Hashim Hamad, 2000).

Sikap memberi kemungkinan besar bagi seseorang guru untuk pencapaian yang berjaya dan juga kegagalan dalam prestasi kerja di sekolah. la adalah penggerak penting pada tingkah laku dan mempengaruhi semua nilai kemanusiaan. Kecekapan timbul apabila seseorang guru didorong oleh sikapnya untuk memulai, menerus dan menyiapkan sesuatu kerja dan bukan untuk mengelakkan sesuatu tugas yang tidak menyenangkan. Sikap seseorang guru terhadap kerjanya mempengaruhi faedah yang didapati dalam gerak kerja itu.

Yusnizam Ahmad (2008) berpendapat bahawa faktor sikap guru yang sentiasa berusaha menguasai bidang unit beruniform dan sentiasa berusaha untuk menambah pengetahuan dan kemahiran dalam unit beruniform menjadikan mereka lebih bersedia dalam mengendalikan pengurusan kokurikulum.

Guru lelaki dalam kajian Jaggil Appak (2010) dan Ijaiya (2000) dikatakan lebih produktif dan berpandangan positif berbanding guru perempuan dalam memberi sumbangan terhadap aktiviti kokurikulum. Kajian mereka tidak menyokong dapatan kajian Ismail Ibrahim (2007), Abdul Halim Abdul Malek (2005) dan Roshidah Shahidan (2004) yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan mengikut jantina.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Secara ringkasnya, untuk memahami tahap pentadbiran dan kepimpinan guru dalam mempengaruhi pencapaian kokurikulum murid di sekolah, teori-teori dan konsep-konsep yang telah dibincangkan dalam bab ini membekalkan kerangka kajian ini. Pandangan-pandangan yang diutarakan oleh golongan akademik ini boleh diguna pakai dan seterusnya memudahkan kajian ini dijalankan.

2.13 Kajian Lepas Yang Berkaitan

Untuk mengurus dan melaksanakan aktiviti kokurikulum dengan berkesan, pengurus harus menguasai pengetahuan dan kemahiran pengurusan aktiviti kokurikulum serta memperoleh sikap positif. Antaranya ialah memperoleh pengetahuan tentang tatacara pengurusan organisasi kokurikulum, memperoleh pengetahuan tentang perlembagaan atau peraturan atau undang-undang terhadap aktiviti kokurikulum yang dipertanggungjawabkan, menguasai kemahiran merancang, menyelaras, melaksana, memantau dan menyelidik pelaporan tentang aktiviti kokurikulum yang dipertanggungjawabkan. Pengurus kokurikulum juga perlu menguasai kemahiran hubungan interpersonal dan kemahiran khusus tentang aktiviti kokurikulum yang dipertanggungjawabkan, serta kemahiran menilai dan membuat keputusan. Selain itu, pengurus perlu mempunyai sikap cemerlang yang dapat mengharumkan nama baik sekolah (Mok, 2008; Nor Azah Azman, 2007; Ab. Alim Abdul Rahim, 2004).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Faktor utama yang menyumbang kepada kejayaan sekolah dalam bidang kokurikulum ialah minat dan kesungguhan pengetua sejak peringkat perancangan serta keupayaannya mendapatkan kerjasama guru-guru yang terlibat dalam pelaksanaan ativikti kokurikulum (Faudzi Saad, 2008).

Melalui hasil dapatan kajian Yasmin Othman (2009), rumusan boleh dibuat bahawa PKKK telah mengurus dengan melaksanakan perancangan yang betul bagi mencapai matlamat kokurikulum sekolah. Namun begitu, dalam menetapkan jangka masa bagi pencapaian matlamat kokurikulum sekolah, haruslah ditingkatkan lagi kerana masih berada pada tahap sederhana tinggi. Beliau juga berpendapat bahawa pengurus (PKKK) haruslah mempunyai sasaran dan menetapkan jangka masa untuk mencapai sasaran tersebut semasa membuat perancangan. Dengan ini, perancangan kokurikulum yang dibuat oleh pihak sekolah akan menghasilkan pencapaian matlamat kokurikulum sekolah.

Yasmin Othman (2009) dan Siti Hajar Ismail (2000) berpendapat bahawa PKKK perlu menilai kualiti kandungan kokurikulum daripada segi pengalaman pembelajaran dan pengajaran, kemajuan pencapaian murid, pengurusan tenaga guru serta peralatan, dan perhubungan infrastruktur fizikal juga merupakan cara pengawalan bagi memastikan aktiviti kokurikulum itu berkesan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Selain itu, para pentadbir sekolah dalam kajian Rasid Abd Rasyid Tambutu (2009) kurang prihatin terhadap program kokurikulum yang dikelolakan oleh pihak sekolah. Fenomena ini adalah situasi kurang sihat kerana ia akan membantutkan pelaksanaan kokurikulum dan bertentangan dengan FPK yang ingin melahirkan modal insan yang seimbang daripada aspek rohani, jasmani, intelek dan emosi.

Dalam kajian Tung (2008), 79% responden berpendapat bahawa perancangan yang teliti merupakan titik tolak yang memastikan aktiviti kokurikulum dapat dijalankan dengan baik. Menurut beliau, terdapat lima perkara yang perlu diberi perhatian iaitu perancangan kokurikulum yang teliti, sistem fail yang tersusun, penyediaan takwim kokurikulum, mengadakan mesyuarat empat kali setahun dan perancangan kokurikulum oleh guru kokurikulum. Kelima-lima perkara di atas adalah mengenai persediaan pihak pengurusan kokurikulum sebelum aktiviti kokurikulum dijalankan. Ini dapat membuktikan bahawa persediaan sebelum bermulanya kegiatan kokurikulum merupakan kunci utama untuk menjamin pencapaian kokurikulum yang cemerlang dalam kalangan murid.

Dapatan temu bual dalam kajian Suzana Laksana Ahmad (2009) mendapati budaya perancangan *ad-hoc* serta kelemahan komunikasi antara pihak pentadbir dengan guru-guru merupakan faktor utama yang menyumbang ke arah amalan pengurusan yang tidak efisien. Laporan ilmu pengurusan merumuskan bahawa perancangan yang baik perlu menggunakan pendekatan jangka masa panjang, sederhana dan pendek (Omardin Ashaari, 1996). Pendekatan ini membolehkan pentadbir menganalisis faktor persekitaran dan keperluan sekolah sekali gus menentukan kecekapan dalam merancang aktiviti kokurikulum di sekolah. Amalan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

pengurusan kokurikulum di sekolah yang dikaji tidak mempraktikkan pendekatan tersebut dalam perancangan aktiviti kokurikulum sekolah.

Pengawalan merupakan kunci kejayaan sesuatu program. Jika sesuatu program berjaya dirancang dan dikelolakan tetapi sekiranya tidak dikawal atau diselia dengan berkesan maka program itu tidak akan mencapai matlamat sepenuhnya (Norziana Ayob, 2013; Siti Hajar Ismail, 2000). Tambahan pula, pemantauan dilihat sebagai salah satu aspek pentadbiran yang penting bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan kokurikulum di sekolah dengan mengesan kelemahan-kelemahan yang ada serta berusaha mencari alternatif penyelesaian ke atasnya. Di samping itu, pemantauan juga dapat mengawal perlakuan murid-murid dan para guru penasihat agar lebih komited terhadap tanggungjawab masing-masing. Didapati antara elemen yang dipantau oleh pihak pentadbir dalam kajian Ruzila Yusoff (2006) ialah; memantau perjalanan aktiviti kokurikulum seperti yang dirancang berdasarkan tarikh perjumpaan, masa aktiviti, tempat perjumpaan serta kehadiran guru dan murid-murid. Mereka juga memantau data-data kokurikulum dilengkapkan sepenuhnya oleh guru-guru penasihat serta memantau disiplin dan keselamatan murid-murid sewaktu aktiviti dijalankan.

Bagaimanapun, dalam kajian beliau, tiada masalah yang dihadapi dalam pemantauan ke atas perjalanan aktiviti kokurikulum kerana kebanyakannya menjalankan aktiviti seperti yang dirancang dan mengadakan perjumpaan di tempat-tempat yang telah ditetapkan oleh pihak pentadbir kokurikulum.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Kajian Rasid Abd Rasyid Tambutu (2009) melaporkan bahawa daripada segi penyeliaan, didapati para guru kerap dijemput berbincang dalam usaha merancang kegiatan kokurikulum. Pendekatan secara demokratik dalam pentadbiran dan proses membuat keputusan ini memberi peluang kepada para guru mengemukakan pandangan dan pendapat serta dapat menyesuaikan tugas berkenaan dengan minat dan kemahiran mereka.

Menurut Mohd Sofian et al. (2002), terdapat juga sebilangan guru yang tidak mahir dalam kokurikulum seperti pengakap, pandu puteri, badminton dan lain-lain. Ini menyebabkan aktiviti-aktiviti kokurikulum tersebut tidak berjalan sepenuhnya. Oleh kerana kelemahan ini juga, maka guru-guru tidak dapat menggabungjalinkan antara pembelajaran akademik dengan aktiviti kokurikulum. Manishah Atan (2003) juga berpendapat sekiranya guru penasihat tidak mendapat ilmu pengetahuan yang secukupnya, maka matlamat penubuhan sesuatu aktiviti kokurikulum tidak mencapai objektif sepenuhnya. Contohnya, didapati sebahagian besar dalam kajian beliau kemahiran aktiviti berkawat sering kali menjadi kelaziman kerana guru penasihat tidak menguasai kemahiran lain. Dapatan Mohd Sofian et al. (2002) turut disokong oleh Ruzila Yusoff (2006) yang mengatakan bahawa kebanyakan guru penasihat kokurikulum yang ditemu bual dalam kajian beliau mengakui tidak mempunyai latar belakang atau pengalaman dalam persatuan ataupun kelab permainan sewaktu mereka mengikuti pengajian di universiti atau Institut Pengajian Tinggi.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Semua responden yang ditemui didapati tidak pernah mengikuti kursus-kursus yang berkaitan kokurikulum seperti kejurulatihan, pengadilan, perkhemahan, pengurusan persatuan dan sebagainya sepanjang perkhidmatan mereka di sekolah. Guru-guru penasihat yang ditemui mengakui menghadapi masalah dalam memberi bimbingan daripada segi idea, kreativiti atau tunjuk cara kepada murid-murid untuk menggerakkan persatuan atau kelab-kelab kokurikulum yang dibimbing oleh mereka. Kajian E (2007) juga menunjukkan kebanyakan guru kokurikulum tidak mempunyai kemahiran yang diperlukan.

Hwong (2005) pula menganggap sahsiah guru boleh mempengaruhi murid-muridnya secara tidak langsung. Perlakuan positif guru penasihat boleh menjadi teladan kepada murid-murid dan sebaliknya perlakuan negatif guru boleh menjatuhkan martabat dan imej profesion perguruan. Guru merupakan *role model* kepada murid-murid, oleh itu guru perlu sentiasa berwaspada daripada segi pemikiran, pertuturan dan tingkah laku supaya memaparkan sifat mulia dan menjadi seorang guru penasihat yang berketrampilan.

Stigma guru hanya sebagai tenaga pengajar tidak lagi relevan dalam persekitaran pendidikan global kini. Perubahan peranan guru-guru di negara maju seperti Jepun dan Australia (Gamage, 2006) perlu dijadikan rujukan warga pendidik. Walau bagaimanapun, perubahan ini tidak mampu dilaksanakan tanpa program latihan dan sokongan yang efisien. Kemahiran dan pengetahuan guru-guru dalam pengurusan kokurikulum sekolah perlu ditingkatkan melalui latihan secara berkala. Hasilnya, guru-guru akan dilengkapi dengan ilmu dan maklumat semasa atau terkini berkaitan tatacara pengurusan kokurikulum (Suzana Laksana Ahmad, 2009).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Selain itu, dapatan kajian E (2007) menunjukkan guru merupakan penggalak kepada murid-murid supaya melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti kokurikulum. Oleh itu, guru memainkan peranan bukan sahaja sebagai pembimbing malah juga sebagai pendorong kepada murid-murid untuk melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum yang akan memanfaatkan murid-murid pada masa akan datang.

Dapatan kajian E (2007) disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Abu Bakar Mohd Husain (2007) yang mendapati bahawa peranan guru penasihat kokurikulum adalah salah satu faktor yang mempengaruhi tahap penglibatan murid-murid dalam aktiviti kokurikulum. Kajian ini bertujuan untuk mengumpul maklumat dan pandangan daripada guru-guru mengenai kurikulum sekolah. Beliau membuat kesimpulan bahawa penglibatan dan minat murid dalam aktiviti-aktiviti kokurikulum dipengaruhi oleh aktiviti-aktiviti yang dijalankan, kemudahan-kemudahan dan peralatan.

Guru-guru mempunyai latar belakang yang berbeza. Semuanya lahir daripada sistem pendidikan kita yang menekankan akademik dan tentunya ada dalam kalangan yang langsung tidak mempunyai latar belakang kokurikulum. Dapatan kajian Yusnizam Ahmad (2008) mendapati 35.0% guru tidak pernah mendapat latihan dalam pengurusan unit beruniform, 43.5% guru tidak pernah mengikuti kursus kejurulatihan dan 49.0% guru tidak pernah mengikuti kursus kepegawaian kokurikulum. Beliau berpendapat bahawa guru-guru lepasan maktab perguruan mempunyai keistimewaan kerana dalam tempoh latihan mereka diwajibkan mengambil bidang kokurikulum tertentu. Golongan inilah yang memainkan peranan penting dalam menghidupkan kegiatan kokurikulum dengan berkesan di sekolah. Ini adalah berbeza dengan keadaan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

guru siswazah yang hanya mempunyai sedikit pendedahan terhadap kegiatan kokurikulum dalam tempoh kursus perguruan.

Beliau juga menganggap ketiadaan kebolehan menguruskan kegiatan kokurikulum pastinya akan mempengaruhi corak pengendalian guru-guru ini terhadap kegiatan kokurikulum di bawah seliaan mereka. Tanpa kemahiran mengurus, merancang dan mengendalikan kegiatan tentunya akan menimbulkan impak kepada murid-murid yang mungkin berasa tiada kemahiran yang boleh diperoleh daripada kegiatan kokurikulum yang dikendalikan oleh guru sebegini dan tentunya akan lahir tanggapan bahawa mereka hanya membuang masa dengan kegiatan kokurikulum tersebut.

Rumusan dapatan kajian Noriyati Ismail (2006) tentang pengurusan kokurikulum menunjukkan keanggotaan murid dalam sekurang-kurangnya satu persatuan, satu unit beruniform dan satu jenis permainan, persepsi responden adalah tinggi. Kebanyakan guru melaksanakan aktiviti berdasarkan perlembagaan. Walau bagaimanapun masih ada guru yang tidak berpandukan perlembagaan. Hal ini berlaku kerana kebiasaannya guru-guru baru akan mengikut apa yang dilakukan oleh guru-guru senior. Budaya seumpama ini menyebabkan guru-guru melaksanakan sahaja aktiviti seperti kebiasaan yang telah dijalankan sebelumnya atau berdasarkan kreativiti sendiri.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Menurut Ruzila Yusoff (2006), masalah yang dihadapi oleh pihak pentadbir sekolah bestari dalam pelaksanaan gerak kerja kokurikulum ialah kekurangan tenaga pakar daripada kalangan guru-guru untuk mengendalikan kokurikulum. Sekolah tersebut juga menghadapi masalah ketidakcukupan ruangan, gelanggang dan padang bagi tujuan pelaksanaan aktiviti kokurikulum. Masalah tersebut juga dihadapi oleh sekolah-sekolah yang dikaji dalam kajian E (2007) yang menghadapi masalah kewangan, kemudahan dan peralatan yang tidak mencukupi yang menghalang kegiatan ini dijalankan dengan baik. Selain itu, sikap ibu bapa yang beranggapan kokurikulum merupakan aktiviti yang tidak penting berbanding akademik juga mempengaruhi pengurusan kokurikulum di sekolah tersebut.

Selain itu, analisis menunjukkan 70% daripada responden kajian Wan Mohd Din Wan Mohamad (2004) diberi insentif dan penghargaan terhadap tugas yang cemerlang. Pihak pentadbir telah menunjukkan kepekaan terhadap bebanan kerja dengan memberi motivasi demi menambah minat dan kesungguhan guru terhadap tugas mereka.

Guru-guru yang berpeluang mempengaruhi sesuatu keputusan pula akan lebih bermotivasi dan dengan itu mereka lebih komited terhadap tugas dan tanggungjawab mereka di sekolah (Zulkafli Kamaruddin, 2008). Ini disokong oleh beberapa kajian melaporkan bahawa terdapat kaitan antara komitmen guru terhadap organisasi sekolah dengan penglibatan mereka dalam membuat sesuatu keputusan di sekolah (Baig, Rehman, & Khan, 2012; Olorunsola & Olayemi, 2011; Zulkafli Kamaruddin, 2008; Bolger & Somech, 2004; Ong, 1999). Laporan dalam kajian-kajian ini menunjukkan bahawa penglibatan guru dalam membuat keputusan pengurusan adalah satu strategi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

yang perlu digunakan oleh pihak pengurusan sekolah untuk meningkatkan komitmen guru terhadap sekolah dan seterusnya mencapai matlamat kecemerlangan sekolah.

Kajian Norziana Ayob (2013), Hanishah Mohd. (2006) dan Zakiah Ahmad (2005) mendapati pengetua telah mengagihkan bidang tugas guru-guru penasihat berdasarkan minat dan kepakaran mereka memandangkan faktor minat guru juga telah membawa kepada permasalahan dalam pelaksanaan kokurikulum di sekolah. Guru-guru penasihat dalam kajian Teng dan Chuah (2013) telah menunjukkan minat terhadap aktiviti yang dapat memberi inspirasi kepada penyertaan pelajar. Sikap guru ini dapat mempengaruhi pencapaian murid dalam program kokurikulum.

Menurut Ruzila Yusoff (2006), didapati minat guru terhadap berpersatuan mempengaruhi komitmen mereka terhadap tugas-tugas yang diberikan. Persoalan minat guru terhadap aktiviti kokurikulum juga dikaitkan dengan pendapat mereka bahawa tugas seseorang guru adalah lebih kepada aktiviti pengajaran di bilik darjah malahan ada yang beranggapan tugas-tugas kokurikulum adalah menambahkan bebanan tugas.

Minat murid dan pilihan mereka terhadap kegiatan kokurikulum merupakan sebahagian daripada aspek-aspek yang perlu diberi penekanan jika pihak sekolah berhasrat meningkatkan pencapaian aktiviti-aktiviti kokurikulum (Yasmin Othman, 2009; Manishah Atan, 2003). Walaupun demikian, hasil tinjauan Amrie Armani dan Ibrahim Subhan (2008) mendapati antara punca murid tidak berminat dalam aktiviti kokurikulum ialah sikap segelintir guru penasihat yang tidak menunaikan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

tanggungjawab. Terdapat juga guru yang menganggap kokurikulum adalah kegiatan tambahan yang membebankan serta membuang masa (Azizi et al., 2002).

Sikap guru juga dikaitkan dengan pelbagai alasan seperti ketiadaan masa, kekurangan peralatan atau kemudahan, cuaca panas, ketiadaan sumber kewangan dan tidak mahir (Adam Mohammad & Mahmad Amir Radzali, 2009; Mohd Nordin Abu Bakar, 2002). Perkara ini membuktikan sikap guru terhadap aktiviti kokurikulum lebih cenderung negatif (Adam Mohammad & Mahmad Amir Radzali, 2009).

Daripada segi komitmen guru-guru terhadap tugas dalam kokurikulum, iaitu guru menepati masa, kesanggupan guru bekerja melebihi masa dan guru-guru yang kreatif dan inovatif. Dapatan kajian Noriyati Ismail (2006) menunjukkan bahawa komitmen guru tidak begitu membanggakan. Guru-guru perlulah mengubah sikap kerana guru yang dedikasi, kreatif dan inovatif adalah penting sebagai pendorong kepada murid-murid untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti kokurikulum di peringkat sekolah, daerah dan negeri.

Komitmen guru-guru seperti ini amat diperlukan jika FPK yang mahukan individu dikembangkan secara bersepadu dalam melahirkan insan yang seimbang dan harmonis supaya mereka berilmu, berpengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara di realisasikan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

2.14 Rumusan

Berdasarkan tinjauan literatur, terdapat pelbagai kajian yang telah dijalankan mengenai ciri-ciri pengurusan kokurikulum serta strategi pengurusannya. Daripada kajian-kajian yang telah dibentangkan jelaslah menunjukkan aspek perancangan, pengawalan dan penilaian amat penting dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum. Selain itu, kepimpinan guru penasihat daripada segi kesediaan, pengetahuan dan komitmen juga adalah amat penting dalam meningkatkan pencapaian kegiatan kokurikulum. Kedua-dua aspek ini perlu diberi perhatian oleh pihak pentadbir, guru yang merupakan sasaran seharusnya dilibatkan dalam setiap peringkat program tersebut, kerana mereka lebih mengetahui apa sebenarnya mereka perlukan. Penyelidikan yang berterusan dalam bidang ini berdasarkan kajian-kajian lepas penting sebagai satu aset dalam menentukan kejayaan pencapaian kokurikulum di sekolah yang seterusnya menyalurkan tenaga kerja yang berwawasan dan berdisiplin pada masa hadapan. Bab seterusnya akan membincangkan kaedah kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah pemprosesan data yang membawa ke dapatan kajian.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap pentadbiran di sekolah serta kepimpinan guru dalam pencapaian kokurikulum murid. Oleh itu, aspek-aspek yang terdiri daripada reka bentuk kajian, populasi dan sampel kajian, instrumen kajian, kesahan dan kebolehpercayaan kajian, kajian rintis, prosedur pengumpulan data serta teknik analisis data akan dijelaskan. Secara keseluruhan, kajian ini telah dilaksanakan berdasarkan objektif:

i. Mengenal pasti tahap pentadbiran daripada segi perancangan, pengawalan dan penilaian dalam pencapaian kokurikulum murid.

ii. Menilai tahap kepimpinan guru daripada segi kesediaan, pengetahuan dan komitmen dalam pencapaian kokurikulum murid.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

iii. Melihat hubungan antara pentadbiran daripada segi perancangan, pengawalan dan penilaian dengan pencapaian kokurikulum murid.

iv. Meninjau hubungan antara kepimpinan guru daripada segi kesediaan, pengetahuan dan komitmen dengan pencapaian kokurikulum murid.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Menurut Bryman (2008), reka bentuk kajian adalah kerangka yang diguna oleh sesebuah kajian bagi mengutip dan menganalisis data. Bagi Robson (2011) pula, reka bentuk kajian berfungsi untuk membantu pengkaji dalam usaha mendapatkan maklumat dan perincian data-data supaya ia memenuhi tujuan atau menepati objektif kajian yang telah dibincangkan dalam bab pengenalan. Sementara itu, Creswell (2009) berpandangan bahawa reka bentuk kajian adalah rancangan atau cadangan bagi menjalankan kajian yang melibatkan interaksi antara falsafah kajian, strategi penyelidikan dan kaedah kajian.

Kajian ini merupakan kaedah tinjauan yang berbentuk deskriptif dengan menggunakan teknik soal selidik bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan pengurusan kokurikulum di sekolah dan pencapaian kokurikulum murid. Mengikut Mohd Majid Konting (2005), bagi mendapatkan maklumat mengenai sesuatu peristiwa yang sedang berlaku, kaedah penyelidikan deskriptif adalah sesuai digunakan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Kajian ini merupakan kajian bukan eksperimental kerana ia bertujuan untuk mengkaji hubungan antara variabel bebas iaitu pentadbiran dan kepimpinan guru di sekolah dan variabel bersandar iaitu pencapaian kokurikulum murid tanpa memanipulasi variabel bebas.

3.3 Populasi Dan Sampel Kajian

Persampelan adalah satu proses memilih sebilangan subjek daripada sesuatu populasi untuk dijadikan sebagai responden kajian. Aspek ini penting kerana penggunaan sampel yang tidak sesuai akan mengurangkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian (Gay, Mills, & Airasian, 2009; Polit & Beck, 2004). Oleh sebab itu, populasi kajian telah diambil kira memandangkan ia sesuai dan membolehkan pengkaji dapat membuat liputan kajian yang lebih luas dalam masa yang singkat.

Kajian ini dijalankan dalam kalangan guru-guru penasihat kokurikulum di sekolah-sekolah jenis kebangsaan cina di Kinta Selatan Perak. Jumlah populasi di keseluruhan sekolah jenis kebangsaan cina di daerah Kinta Selatan ialah sebanyak 461 orang guru (Portal Pejabat Pendidikan Daerah Kinta Selatan, 2013). Menurut jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970), sekiranya populasi responden 461 maka saiz sampelnya 240 (LAMPIRAN A).

Sampel dipilih secara rawak mudah daripada populasi. Guru-guru yang dipilih adalah guru penasihat unit beruniform, persatuan dan kelab atau sukan dan permainan. Teknik persampelan jenis ini digunakan kerana setiap individu dalam populasi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

tersebut mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai sampel dalam kajian ini (Fraenkel & Wallen, 2009; Mohd Majid Konting, 2005). Guru penasihat kokurikulum dipilih kerana mereka dapat memberikan maklumat yang diperlukan berdasarkan pengalaman mereka menerajui badan kokurikulum di sekolah.

Bagi pemilihan responden untuk kajian, senarai nama keseluruhan populasi ditulis di atas kertas, dilipat dan dimasukkan ke dalam balang undian. Setelah cukup, kesemua senarai nama populasi dimasukkan ke dalam balang untuk menjalankan pemilihan sampel, seterusnya senarai nama dicabut dan dicatatkan dalam borang dan dipilih sebagai sampel. Proses ini berterusan sehingga cukup responden seramai 240 orang. Pecahan sampel sebenar ditunjukkan seperi di Jadual 3.1. Kaedah pemilihan sampel ini dibuat selepas membuat rujukan Hanafiah Ayub (2009).

Jadual 3.1

Pecahan Sampel Sebenar

Nama sekolah	Bilangan guru	Jumlah
SJK (C) Pei Yuan	48	24
SJK (C) Yuk Kwan	36	18
SJK (C) Chung Huah	20	11
SJK (C) Ying Sing	43	22
SJK (C) Lawan Kuda Baru	34	18
SJK (C) Thung Hon, Tg Tualang	30	16
SJK (C) Thung Hon, Chendrong	34	18
SJK (C) New Kopisan	54	28
SJK (C) Man Ming	28	14
SJK (C) Bemban	38	19
SJK (C) Kampar Girls	22	12
SJK (C) Jeram	24	13
SJK (C) Mambang Diawan	16	9
SJK (C) Yu Ying	18	10
SJK (C) Chung Sun	16	8
Jumlah keseluruhan	461	240

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

3.4 Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan alat untuk mengukur, memerhati atau mendokumentasikan data kuantitatif (Creswell, 2008). Pengkaji menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian untuk mengumpul maklumat mengenai latar belakang sampel kajian serta menjawab item-item soalan yang berkaitan dengan kajian ini. Set soal selidik yang diguna adalah berdasarkan rujukan dan pengubahsuaian soal selidik yang pernah digunakan oleh Yasmin Othman (2009), Tung (2008) dan Yusnizam Ahmad (2008). Yasmin Othman (2009) mengkaji pengurusan kokurikulum oleh Penolong Kanan Kokurikulum. Manakala Tung (2008) menjalankan projek sarjana yang bertajuk "Hubungan pengurusan kokurikulum dengan pencapaian kokurikulum murid di sekolah-sekolah Klang Utara". Bagi Yusnizam Ahmad (2008) pula, beliau meninjau kesediaan guru kokurikulum dalam pengurusan unit beruniform sekolah menengah. Item-item itu juga terhasil setelah meneliti kajian-kajian lepas berkaitan dengan pengurusan kokurikulum serta berbincang dengan penyelia (LAMPIRAN B).

Ciri-ciri instrumen soal selidik yang baik mestilah sesuai dengan kesediaan responden, format instrumen yang sistematik, arahan yang jelas, surat dan dokumen disertakan bersama instrumen kajian serta ujian rintis perlu dijalankan sebelum instrumen digunakan (Chua, 2006).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Menurut Caffarella (2002), terdapat beberapa kelebihan apabila menggunakan soal selidik dalam sesuatu kajian, di mana ia melibatkan kos yang rendah, persampelan lebih ramai serta lebih tepat, penggunaan format yang konsisten, mudah dianalisis, mudah memasukkan data ke dalam komputer, mengelakkan berat sebelah serta menjimatkan masa. Reka bentuk kajian seperti ini digunakan bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan memberikan penerangan yang bersistematik mengenai fakta dan ciri-ciri sesuatu populasi atau bidang secara fakta dan tepat (Fraenkel & Wallen, 2009).

Pandangan Caffarella (2002) disokong oleh Chua (2006) bahawa data yang diperoleh daripada responden adalah tepat kerana mereka merasa lebih selamat untuk memberikan jawapan kepada soal selidik yang tidak memerlukan mereka menulis nama sendiri serta segala yang sulit dirahsiakan oleh seserang pengkaji.

Soal selidik dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas yang diberikan oleh sampel kerana ia tidak dipengaruhi oleh gerak laku pengkaji (Mohd Majid Konting, 2005). Drew, Hardman, dan Hosp (2008) juga mengutarakan idea yang hampir sama iaitu soal selidik digunakan untuk memperoleh maklumat mengenai fakta, kepercayaan, perasaan dan sebagainya. Dengan itu, soal selidik berasaskan skala direka bentuk menggunakan Skala Likert, responden perlu memberi pendapat terhadap pernyataan yang telah diberi dalam soal selidik seperti yang ditunjukkan di Jadual 3.2.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Kajian yang menggunakan soal selidik ini telah dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu:

i. Bahagian A: Mengandungi empat item berkaitan latar belakang responden. Butir-butir latar belakang responden bertujuan mengenal pasti taburan demografi responden.

ii. Bahagian B: Mengandungi item-item mengenai pengaruh pentadbiran dengan pencapaian kokurikulum murid yang terdiri daripada 24 soalan.

iii. Bahagian C: Mengandungi 25 soalan yang ingin mengkaji pengaruh kepimpinan guru dengan pencapaian kokurikulum murid.

iv. Bahagian D: Mengandungi item-item tentang pencapaian murid dalam badan kokurikulum yang disertai berdasarkan pandangan atau pemerhatian guru yang terdiri daripada 11 soalan.

Jadual 3.2

Nilai Skor Mengikut Skala Likert

Jawapan dipilih	Nilai
Sangat Tidak Setuju	1
Tidak Setuju	2
Kurang Setuju	3
Setuju	4
Sangat Setuju	5

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Berdasarkan Jadual 3.3, pembahagian dan taburan bilangan soal selidik dalam kajian ini adalah seperti di bawah:

i. Bahagian A: Maklumat diri responden

Bahagian ini merupakan soal selidik yang berkaitan dengan maklumat diri dan latar belakang sampel kajian. Bahagian ini mengandungi empat item soalan iaitu jantina, umur, pengalaman memegang jawatan guru penasihat dan aktiviti kokurikulum yang paling disukai.

ii. Bahagian B: Pentadbiran

Bahagian ini merupakan soal selidik yang berkaitan dengan pengaruh pentadbiran. Terdapat tiga tahap yang dikemukakan iaitu perancangan, pengawalan dan penyeliaan yang mengandungi lapan soalan item masing-masing.

iii. Bahagian C: Kepimpinan guru

Bahagian ini merupakan soal selidik yang berkaitan dengan pengaruh kepimpinan guru. Terdapat tiga elemen iaitu kesediaan dengan pencapaian kokurikulum lapan item, pengetahuan dengan pencapaian kokurikulum lapan item, komitmen dengan pencapaian kokurikulum sembilan item.

iv. Bahagian D: Pencapaian murid

Bahagian ini merupakan soal selidik yang berkaitan dengan pencapaian murid-murid dalam aktiviti kokurikulum berdasarkan pandangan atau pemerhatian guru yang mengandungi 11 item.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual 3.3

Pembahagian dan Taburan Bilangan Soal Selidik

Bahagian	Instrumen	Jumlah
A	Maklumat diri responden	4
B	Pentadbiran	
	Perancangan	8
	Pengawalan	8
	Penilaian	8
C	Kepimpinan guru	
	Kesediaan	8
	Pengetahuan	8
	Komitmen	9
D	Pencapaian murid	11

3.4.1 Kesahan Dan Kebolehpercayaan

Kesahan didefinisikan sebagai ketepatan, kebenaran, bermakna dan kebolehgunaan instrumen yang membolehkan data-data diinferenkan (Fraenkel & Wallen, 2009). Ia bermaksud sejauh manakah sesuatu instrumen berjaya mengukur perkara yang diingini diukurnya; konsep kesahan berkait dengan interpretasi data, mengkonsepsikan fenomena yang dikaji dan metodologi kajian (Lim, 2007).

Mengikut Linn dan Miller (2005), kebolehpercayaan boleh didefinisikan sebagai darjah ketekalan (konsistensi) sesuatu instrumen kajian mengukur sesuatu pemboleh ubah kajian. Lebih konsisten pengukuran maka lebih tinggi kebolehpercayaan instrumen.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Item-item yang dibina dalam soal selidik dalam kajian ini disahkan oleh seorang pensyarah di Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan Universiti Pendidikan Sultan Idris serta pembantu Penolong Pengarah Bahagian Kokurikulum dan Kesenian KPM. Manakala penggunaan bahasanya disahkan oleh Ketua Panitia Bahasa Malaysia sekolah pengkaji. Saranan-saranan seperti format instrumen yang sistematik, bahasa yang diguna, struktur ayat dan maksud yang jelas bagi setiap item diberikan. Pengkaji menerima saranan-saranan yang membina ini dengan menambahbaikkan item-item dalam kajian ini.

Bagi menentukan kebolehpercayaan item-item soal selidik, ujian *reliability* telah dijalankan ke atas semua item soalan. Analisis data dijalankan dengan menggunakan ujian *reliability* pada perisian komputer "*Statistical Packagse for the Social Sciences*" versi 19.0 (SPSS 19.0). Pekali kebolehpercayaan alfa *Cronbach* ditentukan daripada hasil kajian.

Menurut Mohd. Majid Konting (2005) dan Mohd Najib Abdul Ghafar (1999), sesuatu instrumen adalah boleh percaya dan sah digunakan jika nilai Alfa *Cronbach*nya melebihi 0.6. Manakala bagi Chua (2006), dalam statistik kebolehpercayaan instrumen kajian menggunakan pekali Alfa *Cronbach*, nilai alfa 0.65 hingga 0.95 dianggap memuaskan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

3.5 Kajian Rintis

Sebelum kajian dalam lapangan ini dilakukan, instrumen ini diuji terlebih dahulu melalui kajian rintis. Kajian rintis berupa percubaan awal (preliminary trial) sebelum item-item daripada ujian sebenar diuji pada sampel sebenar (Polit, Beck, & Hungler, 2001). Tujuannya ialah untuk memastikan kesesuaian instrumen yang digunakan daripada segi tahap kesukaran memahami dan menjawab soalan, penggunaan bahasa dan yang paling penting bagi menentukan kebolehpercayaan dan kesahan instrumen tersebut (De Vaus, 2002).

Kajian rintis juga dibuat untuk mendapatkan ketelusan data daripada ujian percubaan melalui kumpulan kecil individu (Mohd Majid Konting, 2005). Tujuan lain adalah untuk menilai ketekalan (reliability) item daripada aspek; aras item, objektif item, kefahaman item, kebolehgunaan item dan arahan item itu sendiri (Polit & Beck, 2004).

Menurut Drew et al. (2008), soal selidik yang terlalu panjang serta arahan yang tidak jelas akan menimbulkan kekeliruan kepada responden dalam menjawab soalan. Kajian rintis dijalankan untuk mengenal pasti masalah yang bakal dihadapi oleh subjek supaya dapat diperbaiki sebelum ia ditadbirkan.

Dalam kajian ini, kajian rintis yang telah disiapkan terlebih dahulu dijalankan di mana 30 borang soal selidik diedarkan ke dua buah sekolah di daerah Kinta Utara, Perak iaitu SJK (C) Yuk Choy dan SJK (C) Chong Hwa. Ia bertujuan menguji kesahan dan kebolehpercayaan item-item soal selidik.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Dengan merujuk kepada Jadual 3.4, hasil daripada kajian rintis ini, ketujuh-tujuh konstruk atau domain dalam soal selidik telah mencapai nilai Alfa *Cronbach* yang melebihi 0.6, di mana pengkaji mendapati secara keseluruhannya nilai pekali kebolehpercayaan alfa *Cronbach* adalah 0.82. Maka instrumen kajian memiliki kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh digunakan dalam kajian sebenar.

Jadual 3.4

Nilai Alfa Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik Berdasarkan Kajian Rintis dan Kajian Sebenar

	Nilai Alfa	
Konstruk / Domain	Kajian Rintis n = 29	Kajian Sebenar n = 240
Perancangan	0.821	0.783
Pengawalan	0.817	0.843
Penilaian	0.818	0.810
Kesediaan	0.819	0.893
Pengetahuan	0.830	0.824
Komitmen	0.818	0.854
Pencapaian	0.818	0.816

3.6 Prosedur Pengumpulan Data

Sebelum memulakan kajian, satu kertas cadangan penyelidikan disediakan dan dihantar kepada penyelia untuk dinilai. Selepas cadangan penyelidikan diluluskan, kebenaran untuk menjalankan kajian diperoleh daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan (LAMPIRAN C). Surat kelulusan daripada KPM dihantar ke Jabatan Pendidikan Negeri Perak untuk memaklumkan menjalankan kajian di sekolah-sekolah yang dipilih.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Kajian rintis yang telah disiapkan terlebih dahulu dijalankan ke dua buah sekolah di daerah Kinta Utara, Perak. Penambahbaikan untuk item-item soal selidik dijalankan.

Seterusnya pengkaji mendapatkan kebenaran mengedarkan soal selidik daripada guru besar sekolah berkenaan. Pengkaji berjumpa dengan Penolong-penolong Kanan Kokurikulum (PKKK) bagi sekolah yang terlibat untuk menjelaskan tatacara mentadbir soal selidik. Guru-guru penasihat kokurikulum yang dijadikan responden diminta meluangkan masa untuk menjawab soal selidik. Responden diberi masa selama seminggu untuk menjawab soal selidik tersebut agar tidak terdesak untuk menjawab dengan tergesa-gesa. Pengkaji berkunjung sekali lagi ke sekolah yang berdekatan untuk mengutip balik soal selidik yang diedarkan. Manakala untuk responden yang lebih jauh, pengkaji terlebih dahulu menyediakan sampul surat yang dilekat setem dan minta bantuan PKKK yang berkenaan mengepos kepada pengkaji. Akhirnya, data yang dikumpulkan kemudian dianalisis secara kuantitatif dengan menggunakan perisian komputer iaitu SPSS 19.0.

3.7 Analisis Data

Setelah semua responden melengkapkan borang soal selidik yang diedarkan, pengkaji mengumpulkan borang-borang soal selidik tersebut untuk membuat analisis. Sumber data yang diperoleh ini diproses menggunakan perisian komputer SPSS 19.0. Keputusan item-item Bahagian A adalah untuk mengenal pasti taburan demografi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

responden, manakala keputusan item-item Bahagian B, C dan D adalah untuk menjawab objektif kajian.

3.7.1 Statistik Deskriptif

Analisis deskriptif digunakan untuk menunjukkan jumlah skor, kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai dalam kajian ini. Penggunaannya untuk mengenal pasti taburan demografi seperti jantina, umur, aktiviti yang diterajui, pengalaman memegang jawatan dan aktiviti kegemaran. Jadual min yang berpandukan skala Roslan (2004) digunakan untuk menggambarkan tahap adalah seperti yang ditunjukkan di Jadual 3.5.

Jadual 3.5

Julat Min bagi Menjawab Soalan Kajian

Skor Min	Tahap
1.00-2.33	Rendah
2.34-3.66	Sederhana
3.67-5.00	Tinggi

3.7.2 Statistik Inferensi

Pengujian hipotesis secara ringkasnya ditunjukkan di Jadual 3.6. Pengujian secara kolerasi *Pearson* digunakan ke atas hubungan pentadbiran kokurikulum daripada segi perancangan, pengawalan dan penilaian dengan pencapaian kokurikulum. Selain itu,

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

hubungan antara kepimpinan guru daripada segi kesediaan, pengetahuan dan komitmen terhadap pencapaian kokurikulum murid juga menggunakan kaedah ini. Cara ini paling mudah untuk mengetahui sama ada wujud atau tidak perkaitan antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar (Zukarnain Zakaria & Hishamuddin Md. Som, 2001).

Jadual 3.6

Ringkasan Pengujian Hipotesis

Bil	Hipotesis	Jenis Ujian
H_o1	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pentadbiran daripada segi perancangan, pengawalan dan penilaian dengan pencapaian kokurikulum murid	Korelasi
H_o2	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kepimpinan guru daripada segi kesediaan, pengetahuan dan komitmen terhadap pencapaian kokurikulum murid.	Korelasi

Analisis korelasi ini memberi gambaran tentang kekuatan hubungan yang wujud dan juga arah hubungan yang dikaji (Chua, 2006). Analisis ini juga dapat mengenal pasti pengaruh pemboleh ubah bebas yang paling dominan dengan mengkaji nilai *r* yang dicatatkan (Ahmad Mahdzan Ayob, 2005). Hubungan yang signifikan merupakan satu hubungan yang kuat di mana perhubungan itu bukan disebabkan oleh peluang tetapi benar-benar hubungan yang wujud antara dua pemboleh ubah berkenaan (Azman Ismon, 2010). Hipotesis-hipotesis kajian akan diuji dengan menggunakan ujian dua hujung (*two-sided test*) pada paras sela keyakinan (*confident intervals*) 95% dengan $p < .05$. Menurut Field (2009), paras signifikan 95% bermakna terdapat 95% peluang bahawa taburan sampel kajian adalah sama dengan taburan populasi. Kebanyakan kajian sains sosial dan sains kemasyarakatan menggunakan aras signifikan 95%. Jadual 3.7 di bawah merupakan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

rujukan yang digunakan oleh pengkaji dalam menunjukkan interpretasi tahap korelasi mengikut skala Pekali Korelasi *Pearson* yang dikemukakan oleh Davis (1971).

Jadual 3.7

Kekuatan Korelasi antara Dua Pemboleh Ubah

Nilai Pekali (*r*)	Tahap Korelasi
0.01 – 0.09	Hubungan diabaikan
0.10 – 0.29	Hubungan rendah
0.30 – 0.49	Hubungan sederhana tinggi
0.50 – 0.69	Hubungan tinggi
0.70 – 1.00	Hubungan amat tinggi

3.8 Rumusan

Bab ini menerangkan langkah-langkah serta kaedah-kaedah untuk mendapatkan data penyelidikan bagi menjayakan kajian ini. Instrumen kajian yang telah dinyatakan di atas perlu digunakan untuk membuat kajian rintis dan diubahsuai sehingga mendapat data yang diperlukan secara tepat. Ini adalah kerana penyelidikan yang dilakukan dengan baik dan sempurna selalunya berhubung rapat dengan penggunaan kaedah dan kesahan kajian yang dijalankan. Statistik deskriptif dan inferensi akan digunakan bagi menyempurnakan kajian ini. Hasil kajian yang dibentangkan pada bab seterusnya akan menerangkan tentang bentuk pengurusan kokurikulum di sekolah serta pengaruh guru dalam menentukan pencapaian murid dalam kegiatan kokurikulum di sekolah. Dapatan kajian diharap boleh dijadikan rujukan pada masa akan datang.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Dalam bab ini pengkaji akan mengemukakan dapatan kajian ini. Tujuan utama kajian ini adalah mengenal pasti tahap pentadbiran dan kepimpinan guru dalam pencapaian kokurikulum murid. Hubungan pentadbiran daripada segi perancangan, pengawalan dan penilaian dikenal pasti. Selain itu, hubungan kepimpinan guru bagi aspek kesediaan, pengetahuan dan komitmen terhadap pencapaian kokurikulum murid juga ditinjau. Hasil analisis data tentang kajian ini akan dibentangkan mengikut aspek-aspek berkaitan. Analisis data dihuraikan mengikut objektif dan hipotesis kajian yang telah dibina.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.2 Maklumat Responden

Seramai 240 orang responden diperoleh untuk mewakili sampel dalam kajian ini. Responden terdiri daripada guru-guru penasihat unit beruniform, persatuan dan kelab atau sukan dan permainan yang mengajar di sekolah-sekolah jenis kebangsaan cina daerah Kinta Selatan, Perak yang dipilih secara rawak. Data-data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan SPSS 19.0 dan keputusan adalah seperti berikut:

4.2.1 Latar Belakang Responden Berdasarkan Jantina

Jadual 4.1 menunjukkan responden mengikut jantina. Sebahagian besar responden terdiri daripada guru penasihat perempuan iaitu seramai 193 orang atau 80.4%. Responden yang terdiri daripada guru penasihat lelaki pula seramai 47 orang iaitu 19.6%.

Jadual 4.1

Latar Belakang Responden Berdasarkan Jantina

Jantina	Frekuensi	Peratusan
Lelaki	47	19.6
Perempuan	193	80.4
Jumlah	240	100

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.2.2 Latar Belakang Responden Berdasarkan Umur

Taburan responden mengikut umur ditunjukkan dalam Jadual 4.2. Didapati majoriti responden berada di dalam lingkungan umur 30 hingga 39 tahun iaitu seramai 85 orang (35.4%). Manakala minoriti responden adalah berumur 19 tahun dan ke bawah iaitu 1 orang atau 0.4%.

Mereka yang berumur 20 hingga 29 tahun dan 40 hingga 49 tahun hampir seimbang. Bilangan responden yang berada di dalam lingkungan umur di antara 20 hingga 29 tahun adalah seramai 62 orang iaitu 25.8%, sementara yang berumur 40 hingga 49 tahun adalah seramai 63 orang (26.3%). Bagi responden yang berada di dalam lingkungan 50 tahun dan ke atas, didapati adalah seramai 29 orang iaitu 12.1%.

Jadual 4.2

Latar Belakang Responden Berdasarkan Umur

Umur	Frekuensi	Peratusan
19 dan ke bawah	1	0.4
20 – 29	62	25.8
30 – 39	85	35.4
40 – 49	63	26.3
50 dan ke atas	29	12.1
Jumlah	240	100

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.2.3 Latar Belakang Responden Berdasarkan Jenis Aktiviti Kokurikulum Yang Disertai

Berdasarkan kepada Jadual 4.3, aktiviti kokurikulum yang disertai kebanyakan responden adalah persatuan iaitu 100 orang (41.7%), diikuti sukan dan permainan iaitu 35.0% atau 84 orang dan badan beruniform iaitu 56 orang (23.3%).

Jadual 4.3

Latar Belakang Responden Berdasarkan Jenis Aktiviti Kokurikulum Yang Disertai

Aktiviti Yang Disertai	Frekuensi	Peratusan
Badan Beruniform	56	23.3
Persatuan	100	41.7
Sukan dan Permainan	84	35.0
Jumlah	240	100

4.2.4 Latar Belakang Responden Berdasarkan Pengalaman Sebagai Jawatan Guru Penasihat

Daripada aspek pengalaman memegang jawatan guru penasihat aktiviti kokurikulum yang disertai sekarang, didapati lebih separuh daripada responden mempunyai pengalaman 1 hingga 9 tahun (59.2%). Sejumlah 16 orang responden guru iaitu 6.7% mempunyai kurang daripada 1 tahun pengalaman memegang jawatan guru penasihat. Di samping itu, sebanyak 41 orang responden (17.1%) mempunyai pengalaman memegang jawatan guru penasihat selama 10 hingga 19 tahun, 13.3 % iaitu 32 orang mempunyai pengalaman memegang jawatan guru penasihat selama 20 hingga 29 tahun manakala seramai 9 orang guru iaitu 3.8% telah pun mempunyai pengalaman lebih daripada 30 tahun (rujuk jadual 4.4).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual 4.4

Latar Belakang Responden Berdasarkan Pengalaman Sebagai Jawatan Guru Penasihat

Pengalaman	Frekuensi	Peratusan
< 1 tahun	16	6.7
1 – 9 tahun	142	59.2
10 – 19 tahun	41	17.1
20 – 29 tahun	32	13.3
30 dan ke atas	9	3.8
Jumlah	240	100

4.2.5 Latar Belakang Responden Berdasarkan Aktiviti Kokurikulum Yang Paling Disukai

Data yang ditunjukkan dalam Jadual 4.5 menunjukkan bahawa aktiviti kokurikulum yang paling disukai responden ialah sukan dan permainan. Seramai 110 orang responden (45.8%) lebih meminati sukan dan permainan berbanding persatuan dan badan beruniform. Kadar ini diikuti dengan persatuan yang diminati 90 orang responden (37.5%) dan badan beruniform yang diminati oleh 40 orang responden (16.7%).

Jadual 4.5

Latar Belakang Responden Berdasarkan Aktiviti Kokurikulum Yang Paling Disukai

Aktiviti Yang Paling Disukai	Frekuensi	Peratusan
Badan Beruniform	40	16.7
Persatuan	90	37.5
Sukan dan Permainan	110	45.8
Jumlah	240	100

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.3 Maklum Balas Responden Terhadap Persoalan Kajian

Bahagian ini adalah analisis bilangan, peratusan, skor min dan sisihan piawai bagi meninjau maklum balas responden terhadap setiap item bagi aspek-aspek tahap pentadbiran serta kepimpinan guru dalam pencapaian kokurikulum murid.

4.3.1 Tahap Pentadbiran

Perbincangan seterusnya adalah berkaitan dengan tahap pentadbiran dalam kalangan guru penasihat. Hasil kajian menunjukkan bahawa pentadbiran dalam kalangan guru di sekolah pada tahap tinggi pada ketiga-tiga komponen iaitu perancangan (M = 3.96), pengawalan (M = 3.86) dan penilaian (M = 3.89). Min keseluruhan tahap pentadbiran juga berada pada tahap tinggi (M = 3.90) (Jadual 4.6).

Berdasarkan Jadual 4.6, apabila dibandingkan ketiga-tiga komponen, aspek perancangan berada pada tahap yang tertinggi, diikuti oleh penilaian dan pengawalan.

Jadual 4.6

Analisis Responden Tentang Tahap Pentadbiran

Pentadbiran	Min	Tahap
Perancangan	3.96	Tinggi
Pengawalan	3.86	Tinggi
Penilaian	3.89	Tinggi
Min Keseluruhan	3.90	Tinggi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.3.1.1 Tahap Perancangan Dalam Mempengaruhi Pencapaian Kokurikulum Murid

Bahagian perancangan dalam soal selidik dijalankan analisis deskriptif untuk menunjukkan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Daripada Jadual 4.7, didapati sejumlah 91.2% (219) responden setuju dan sangat setuju dengan kenyataan "Perancangan yang teliti dapat memastikan aktiviti kokurikulum dijalankan dengan baik". Sebelum aktiviti tahunan dijalankan, 87.5% (210) responden akan menyediakan takwim. Selain itu, 80% (192) responden bersetuju bahawa jadual kegiatan aktiviti kokurikulum di sekolah jelas dan teratur. Semasa membuat perancangan kokurikulum, 83.7% (201) daripada responden mengutamakan unit beruniform atau persatuan atau sukan yang dipimpin mereka.

Di samping itu, 78.8% (189) daripada responden bersetuju bahawa mereka dijemput berbincang dengan PK Kokurikulum untuk merancang aktiviti kokurikulum. Sejumlah 76.2% (183) daripada responden sentiasa berbincang dengan rakan-rakan tentang perancangan pengurusan aktiviti kokurikulum manakala 75.9% (182) daripada responden membuat perancangan sendiri untuk menjalankan aktiviti kokurikulum yang dibimbing. Seramai 68.3% (164) responden berpeluang berbincang dengan PK Kokurikulum untuk membeli alatan aktiviti kokurikulum.

Berdasarkan skor min di dalam jadual, semua kenyataan mempunyai skor min yang tinggi iaitu antara 3.74 hingga 4.34. Ini bererti sebahagian besar responden mempunyai tahap pentadbiran yang agak tinggi dalam membuat perancangan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual 4.7

Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Tahap Pentadbiran Daripada Segi Perancangan

Bil	Kenyataan	1 STS (%)	2 TS (%)	3 KS (%)	4 S (%)	5 SS (%)	Min	S.P.	Tahap
1	Perancangan dapat memastikan aktiviti dijalankan dengan baik	-	1 (0.4)	20 (8.3)	116 (48.3)	103 (42.9)	4.34	.646	Tinggi
2	Guru-guru dijemput berbincang untuk merancang aktiviti kokurikulum	4 (1.7)	3 (1.3)	44 (21.3)	159 (66.3)	30 (12.5)	3.87	.702	Tinggi
3	Sentiasa berbincang tentang perancangan aktiviti kokurikulum	2 (0.8)	4 (1.7)	51 (21.3)	157 (65.4)	26 (10.8)	3.84	.662	Tinggi
4	Sebelum aktiviti tahunan dijalankan, takwim akan disediakan	-	2 (0.8)	28 (11.7)	134 (55.8)	76 (31.7)	4.18	.659	Tinggi
5	Membuat perancangan sendiri untuk menjalankan aktiviti kokurikulum	1 (0.4)	11 (4.6)	46 (19.2)	159 (66.3)	23 (9.6)	3.80	.686	Tinggi
6	Unit beruniform/ persatuan/ sukan diutamakan semasa membuat perancangan kokurikulum	1 (0.4)	3 (1.3)	35 (14.6)	170 (70.8)	31 (12.9)	3.95	.601	Tinggi
7	Jadual aktiviti kokurikulum jelas dan teratur	-	5 (2.1)	43 (17.9)	143 (59.6)	49 (20.4)	3.98	.684	Tinggi
8	Berpeluang berbincang untuk membeli alatan aktiviti kokurikulum	1 (0.4)	9 (3.8)	66 (27.5)	140 (58.3)	24 (10.0)	3.74	.704	Tinggi

Nota: Nombor dalam kurungan menunjukkan frekuensi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.3.1.2 Tahap Pengawalan Dalam Mempengaruhi Pencapaian Kokurikulum Murid

Bahagian pengawalan dalam soal selidik dijalankan analisis deskriptif untuk menunjukkan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Jadual 4.8 menunjukkan 82.9% (199) responden bersetuju dan sangat bersetuju dengan kenyataan bahawa semakan fail laporan kokurikulum dilakukan terhadap aktiviti yang dijalankan. Sejumlah 81.3% (195) responden bersetuju bahawa PKKK memastikan murid mengambil bahagian dalam aktiviti kokurikulum peringkat daerah atau negeri atau kebangsaan. Selain itu, 82.5% (198) daripada responden bersetuju bahawa penyeliaan terhadap pelaksanaan kokurikulum penting kerana ia bersesuaian dengan polisi dan kehendak Kementerian Pendidikan manakala 79.6% (191) pula setuju dan sangat setuju bahawa penyeliaan terhadap pelaksanaan kokurikulum penting kerana ia dapat mendorong guru-guru melaksanakan tugas dengan gigih.

Di samping itu, 77.5% (186) responden bersetuju bahawa PKKK sentiasa mengambil tahu program kokurikulum yang laksanakan. Seramai 74.1% (178) responden berpeluang berbincang dengan PK Kokurikulum mengenai masalah yang hadapi semasa melaksanakan aktiviti. Sebanyak 71.7% (172) responden bersetuju bahawa soal jawab atau perbincangan daripada PK Kokurikulum dilakukan terhadap aktiviti yang dijalankan. Sejumlah 68.8% (165) responden mengaku semasa aktiviti dijalankan, penyeliaan sama ada pemerhatian atau pencerapan pernah dilakukan oleh PK Kokurikulum.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual 4.8

Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Tahap Pentadbiran Daripada Segi Pengawalan

Bil	Kenyataan	1 STS (%)	2 TS (%)	3 KS (%)	4 S (%)	5 SS (%)	Min	S.P.	Tahap
1	Penyeliaan pernah dilakukan oleh PKKK semasa aktiviti dijalankan	3 (1.3)	9 (3.8)	63 (26.3)	153 (63.8)	12 (5.0)	3.68	.687	Tinggi
2	Semakan fail laporan aktiviti yang dijalankan	-	-	41 (17.1)	145 (60.4)	54 (22.5)	4.05	.628	Tinggi
3	Soal jawab/ perbincangan daripada PKKK dilakukan terhadap aktiviti yang dijalankan	-	7 (2.9)	61 (25.4)	155 (64.6)	17 (7.1)	3.76	.620	Tinggi
4	Penyeliaan terhadap pelaksanaan aktiviti dapat mendorong guru melaksanakan tugas dengan gigih	1 (0.4)	10 (0.8)	38 (15.8)	155 (64.6)	36 (15.0)	3.90	.710	Tinggi
5	Penyeliaan terhadap pelaksanaan kokurikulum bersesuaian dengan polisi dan kehendak KPM	1 (0.4)	7 (2.9)	34 (14.2)	167 (69.6)	31 (12.9)	3.92	.648	Tinggi
6	Berpeluang berbincang dengan PKKK mengenai masalah yang hadapi	1 (0.4)	9 (3.8)	52 (21.7)	152 (63.3)	26 (10.8)	3.80	.690	Tinggi
7	PKKK memastikan murid mengambil bahagian dalam aktiviti kokurikulum peringkat daerah/ negeri/ kebangsaan	1 (0.4)	4 (1.7)	40 (16.7)	154 (64.2)	41 (17.1)	3.96	.665	Tinggi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual 4.8 (Sambungan)

8	PKKK sentiasa mengambil tahu program kokurikulum yang laksanakan	4 (1.7)	10 (4.2)	40 (16.7)	154 (64.2)	32 (13.3)	3.83	.769	Tinggi

Nota: Nombor dalam kurungan menunjukkan frekuensi

Berdasarkan skor min di dalam jadual, semua kenyataan mempunyai skor min yang agak tinggi iaitu antara 3.68 hingga 4.05. Ini boleh dikatakan responden mempunyai tahap pentadbiran yang tinggi daripada segi pengawalan dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum.

4.3.1.3 Tahap Penilaian Dalam Mempengaruhi Pencapaian Kokurikulum Murid

Dimensi tahap pentadbiran daripada segi penilaian juga mempunyai lapan kenyataan. Bahagian penilaian dalam soal selidik dijalankan analisis deskriptif untuk menunjukkan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Jadual 4.9 menunjukkan 89.6% (215) responden telah merekodkan kehadiran murid dalam setiap aktiviti yang dijalankan. Sejumlah 79.6% (191) daripada responden berpendapat bahawa aktiviti kokurikulum yang diadakan dapat membangunkan sahsiah murid.

Terdapat seramai 78.3% (188) responden mengakui laporan aktiviti disemak oleh PK Kokurikulum setiap kali aktiviti selesai dijalankan. Manakala 80% (192) daripada responden bersetuju bahawa semua penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum akan diberi markah. Sebahagian besar responden, iaitu 78.3% (188) berpendapat bahawa aktiviti kokurikulum yang diadakan dapat memperkembangkan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

potensi murid. Seramai 80.8% (194) daripada responden pula bersetuju bahawa murid berpeluang untuk menunjukkan bakat semasa aktiviti kokurikulum dijalankan. Di samping itu, 67.1% (161) responden berpendapat bahawa hanya guru pembimbing berhak menilai pencapaian murid dalam aktiviti kokurikulum yang disertai. Sejumlah 64.2% (154) daripada responden mempunyai kemahiran mengenai cara menilai pencapaian murid dalam kokurikulum.

Jadual 4.9

Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Tahap Pentadbiran Daripada Segi Penilaian

Bil	Kenyataan	1 STS (%)	2 TS (%)	3 KS (%)	4 S (%)	5 SS (%)	Min	S.P.	Tahap
1	Laporan aktiviti disemak oleh PK Kokurikulum setiap kali aktiviti selesai dijalankan	1 (0.4)	10 (4.2)	41 (17.1)	145 (60.4)	43 (17.9)	3.91	.741	Tinggi
2	Kehadiran murid dalam setiap aktiviti yang dijalankan telah direkodkan	-	5 (2.1)	20 (8.3)	134 (55.8)	81 (33.8)	4.21	.679	Tinggi
3	Aktiviti kokurikulum yang diadakan dapat memperkembangkan potensi murid	1 (0.4)	9 (3.8)	42 (17.5)	150 (62.5)	38 (15.8)	3.90	.716	Tinggi
4	Aktiviti kokurikulum yang diadakan dapat membangunkan sahsiah murid	-	7 (2.9)	42 (17.5)	152 (63.3)	39 (16.3)	3.93	.672	Tinggi
5	Saya mahir mengenai cara menilai pencapaian murid dalam kokurikulum	-	5 (2.1)	81 (33.8)	144 (60.0)	10 (4.2)	3.66	.592	Sederhana

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual 4.9 (Sambungan)

6	Murid berpeluang untuk menunjukkan bakat semasa aktiviti kokurikulum dijalankan	1 (0.4)	5 (2.1)	40 (16.7)	164 (68.3)	30 (12.5)	3.90	.636	Tinggi
7	Semua penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum akan diberi markah	1 (0.4)	9 (3.8)	38 (15.8)	154 (64.2)	38 (15.8)	3.91	.706	Tinggi
8	Hanya guru pembimbing berhak menilai pencapaian murid dalam aktiviti kokurikulum yang disertai	5 (2.1)	11 (4.6)	63 (26.3)	141 (58.8)	20 (8.3)	3.67	.780	Tinggi

Nota: Nombor dalam kurungan menunjukkan frekuensi

Berdasarkan skor min di dalam jadual, semua kenyataan mempunyai skor min yang agak tinggi iaitu antara 3.67 hingga 4.21 kecuali satu kenyataan yang mempunyai skor min sederhana iaitu 3.66. Ini boleh dikatakan kebanyakkan responden mempunyai tahap pentadbiran yang tinggi daripada segi penilaian dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum.

4.3.2 Tahap Kepimpinan Guru

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kepimpinan guru penasihat kokurikulum di sekolah adalah pada tahap tinggi pada ketiga-tiga komponen iaitu kesediaan (M = 3.93), pengetahuan (M = 3.74) dan komitmen (M = 3.83). Min keseluruhan kepimpinan guru juga berada pada tahap tinggi iaitu 3.83 (Jadual 4.10).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Merujuk kepada Jadual 4.10, apabila dibandingkan ketiga-tiga komponen, aspek kesediaan berada pada tahap yang tertinggi, diikuti oleh komitmen dan pengetahuan.

Jadual 4.10

Analisis Responden Tentang Kepimpinan Guru

Kepimpinan Guru	Min	Tahap
Kesediaan	3.93	Tinggi
Pengetahuan	3.74	Tinggi
Komitmen	3.83	Tinggi
Min Keseluruhan	3.83	Tinggi

4.3.2.1 Tahap Kesediaan Dalam Mempengaruhi Pencapaian Kokurikulum Murid

Bahagian kesediaan dalam soal selidik dijalankan analisis deskriptif untuk menunjukkan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Jadual 4.11 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan maklum balas responden terhadap kenyataan kepimpinan guru daripada segi kesediaan dalam pencapaian kokurikulum murid. Seramai 87.9% (211) daripada responden bersedia untuk bekerjasama dengan PK kokurikulum. Sejumlah 86.7% (208) responden bersedia untuk melaksanakan aktiviti yang telah dirancang. Selain itu, 83% (199) responden bersedia menerima cabaran untuk menjalankan tugas sebagai guru penasihat manakala 82.5% (198) responden bersedia untuk bertugas sebagai guru penasihat aktiviti kokurikulum. Di samping itu, 84.6% (203) responden bersedia untuk menguasai bidang kokurikulum yang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

dipertanggungjawabkan. Seramai 83.3% (200) responden bersedia untuk mencapai matlamat aktiviti kokurikulum yang dipimpin.

Jadual 4.11

Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Kepimpinan Guru Daripada Segi Kesediaan

Bil	Kenyataan	1 STS (%)	2 TS (%)	3 KS (%)	4 S (%)	5 SS (%)	Min	S.P.	Tahap
1	Membuat persediaan yang mencukupi untuk melaksanakan aktiviti kokurikulum semasa berlatih di maktab/ universiti	2 (0.8)	6 (2.5)	58 (24.2)	153 (63.8)	21 (8.8)	3.77	.673	Tinggi
2	Bersedia untuk bertugas sebagai guru penasihat aktiviti kokurikulum	-	4 (1.7)	38 (15.8)	166 (69.2)	32 (13.3)	3.94	.597	Tinggi
3	Bersedia untuk melaksanakan aktiviti yang telah dirancang	1 (0.4)	2 (0.8)	29 (12.1)	178 (74.2)	30 (12.5)	3.98	.563	Tinggi
4	Bersedia untuk mencapai matlamat aktiviti kokurikulum	-	2 (0.8)	38 (15.8)	175 (72.9)	25 (10.4)	3.93	.540	Tinggi
5	Bersedia untuk bekerjasama dengan PK kokurikulum	-	1 (0.4)	28 (11.7)	164 (68.3)	47 (19.6)	4.07	.571	Tinggi
6	Menyediakan strategi untuk meningkatkan kecemerlangan aktiviti kokurikulum saya	-	2 (0.8)	46 (19.2)	172 (71.7)	20 (8.3)	3.88	.542	Tinggi
7	Bersedia untuk menguasai bidang kokurikulum yang dipertanggungjawabkan	-	4 (1.7)	33 (13.8)	178 (74.2)	25 (10.4)	3.93	.552	Tinggi
8	Bersedia menerima cabaran untuk menjalankan tugas sebagai guru penasihat	-	1 (0.4)	40 (16.7)	172 (71.7)	27 (11.3)	3.94	.541	Tinggi

Nota: Nombor dalam kurungan menunjukkan frekuensi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Sejumlah 80% (192) daripada responden menyediakan strategi untuk meningkatkan kecemerlangan aktiviti kokurikulum yang dipimpin manakala 72.6% (174) responden menganggap mereka membuat persediaan yang mencukupi untuk melaksanakan aktiviti kokurikulum semasa berlatih di maktab atau di universiti.

Berdasarkan skor min di dalam jadual, semua kenyataan mempunyai skor min yang tinggi iaitu 3.77 hingga 4.07. Secara keseluruhannya boleh dikatakan responden mempunyai tahap kesediaan yang tinggi dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum.

4.3.2.2 Tahap Pengetahuan Dalam Mempengaruhi Pencapaian Kokurikulum Murid

Bahagian pengetahuan dalam soal selidik dijalankan analisis deskriptif untuk menunjukkan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Jadual 4.12 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan maklum balas responden terhadap kenyataan kepimpinan guru daripada segi pengetahuan terhadap pencapaian kokurikulum murid. Dengan pengetahuan yang ada, majoriti responden iaitu, 77.9% (187) responden percaya pengetahuan berkaitan dengan aktiviti kokurikulum yang dimiliki mampu menjadikannya seorang guru penasihat yang berkebolehan. Sebahagian besar responden, iaitu 72.1% (173) mempunyai pengetahuan am daripada segi teori untuk mengendalikan aktiviti kokurikulum. Kebanyakan mereka iaitu 68.3% (164) responden memerlukan kursus dan latihan dalam aktiviti kokurikulum yang diterajui mereka manakala 67.9% (163) responden bersetuju mereka mempunyai pengetahuan dalam aktiviti kokurikulum yang dipimpin.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Selain itu, 69.2% (166) responden menguasai aspek pengurusan pelaksanaan aktiviti kokurikulum. Seramai 68.4% (164) responden memperoleh pengetahuan asas dalam semua aktiviti kokurikulum semasa berada di maktab atau IPG. Sebahagian responden, iaitu 65.8% (158) mempunyai kemahiran merancang aktiviti dan 65.4% (157) responden mempunyai kemahiran dalam pengurusan kemudahan atau alatan aktiviti kokurikulum.

Jadual 4.12

Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Kepimpinan Guru Daripada Segi Pengetahuan

Bil	Kenyataan	1 STS (%)	2 TS (%)	3 KS (%)	4 S (%)	5 SS (%)	Min	S.P.	Tahap
1	Memiliki pengetahuan kokurikulum mampu menjadikan seorang guru penasihat yang berkebolehan	-	2 (0.8)	51 (21.3)	163 (67.9)	24 (10.0)	3.87	.575	Tinggi
2	Mempunyai pengetahuan dalam aktiviti kokurikulum yang disertai	-	4 (1.7)	73 (30.4)	146 (60.8)	17 (7.1)	3.73	.610	Tinggi
3	Mempunyai pengetahuan am untuk mengendalikan aktiviti kokurikulum	-	2 (0.8)	65 (27.1)	160 (66.7)	13 (5.4)	3.77	.552	Tinggi
4	Menguasai aspek pengurusan pelaksanaan aktiviti kokurikulum	-	3 (1.3)	71 (29.6)	156 (65.0)	10 (4.2)	3.72	.558	Tinggi
5	Mempunyai kemahiran merancang aktiviti	-	2 (0.8)	80 (33.3)	145 (60.4)	13 (5.4)	3.70	.579	Tinggi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual 4.12 (Sambungan)

6	Mempunyai kemahiran dalam pengurusan kemudahan atau alatan aktiviti kokurikulum	-	4 (1.7)	79 (32.9)	146 (60.8)	11 (4.6)	3.68	.586	Tinggi
7	Memerlukan kursus dan latihan dalam aktiviti yang saya sertai	4 (1.7)	4 (1.7)	68 (28.3)	138 (57.5)	26 (10.8)	3.74	.737	Tinggi
8	Memperoleh pengetahuan asas dalam semua aktiviti kokurikulum semasa berada di maktab atau IPG	2 (0.8)	8 (3.3)	66 (27.5)	147 (61.3)	17 (7.1)	3.70	.685	Tinggi

Nota: Nombor dalam kurungan menunjukkan frekuensi

Berdasarkan skor min di dalam jadual, semua kenyataan kepimpinan guru daripada segi pengetahuan mempunyai skor min yang tinggi iaitu antara 3.68 hingga 3.87. Secara keseluruhannya boleh dikatakan responden mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum.

4.3.2.3 Tahap Komitmen Dalam Mempengaruhi Pencapaian Kokurikulum Murid

Dimensi tahap kepimpinan guru daripada segi komitmen mengandungi sembilan kenyataan. Bahagian komitmen dalam soal selidik dijalankan analisis deskriptif untuk menunjukkan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Jadual 4.13 menunjukkan 87.6% (210) responden sentiasa bertanggungjawab dalam pengurusan aktiviti kokurikulum. Sejumlah besar iaitu 86.7% (208) responden berfikiran positif semasa

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

menguruskan aktiviti kokurikulum. Kebanyakan mereka iaitu 86.7% (208) responden sentiasa belajar untuk meningkatkan kemahiran dalam melaksanakan aktiviti. Selain itu, 82.1% (197) responden mempunyai kesungguhan melatih murid dalam menjalankan aktiviti. Manakala 75.9% (182) responden akan menerima latihan berkaitan aktiviti kokurikulum yang dipimpin dari semasa ke semasa.

Di samping itu, 70.1% (168) responden berminat kegiatan kokurikulum yang dipertanggungjawabkan. Sejumlah responden, iaitu 70.8% (170) sudi mengorbankan kepentingan diri sendiri demi kejayaan aktiviti kokurikulum yang dipimpin. Sejumlah 66.7% (160) daripada responden berasa pengurusan aktiviti kokurikulum membebankan mereka dan 65.8% (158) responden sanggup membuat apa sahaja untuk memastikan kejayaan aktiviti kokurikulum yang diterajui mereka.

Jadual 4.13

Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Kepimpinan Guru Daripada Segi Komitmen

		1	2	3	4	5			
Bil	Kenyataan	STS (%)	TS (%)	KS (%)	S (%)	SS (%)	Min	S.P.	Tahap
1	Sudi mengorbankan kepentingan diri sendiri demi kejayaan aktiviti kokurikulum yang disertai	-	9 (3.8)	61 (25.4)	152 (63.3)	18 (7.5)	3.75	.645	Tinggi
2	Sanggup membuat apa sahaja untuk memastikan kejayaan aktiviti kokurikulum yang disertai	-	8 (3.3)	74 (30.8)	145 (60.4)	13 (5.4)	3.68	.628	Tinggi
3	Berminat kegiatan kokurikulum yang dipertanggungjawab	3 (1.3)	4 (1.7)	65 (27.1)	147 (61.3)	21 (8.8)	3.75	.689	Tinggi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual 4.13 (Sambungan)

4	Berfikiran positif semasa menguruskan aktiviti kokurikulum	-	3 (1.3)	29 (12.1)	179 (74.6)	29 (12.1)	3.98	.541	Tinggi
5	Mempunyai kesungguhan melatih murid dalam menjalankan aktiviti	-	6 (2.5)	37 (15.4)	172 (71.7)	25 (10.4)	3.90	.591	Tinggi
6	Sentiasa bertanggungjawab dalam pengurusan aktiviti kokurikulum	-	-	30 (12.5)	177 (73.8)	33 (13.8)	4.01	.513	Tinggi
7	Akan menerima latihan berkaitan aktiviti kokurikulum yang dipimpin dari semasa ke semasa	3 (1.3)	8 (3.3)	47 (19.6)	160 (66.7)	22 (9.2)	3.79	.701	Tinggi
8	Berasa pengurusan aktiviti kokurikulum membebankan	-	9 (3.8)	71 (29.6)	143 (59.6)	17 (7.1)	3.70	.655	Tinggi
9	Sentiasa belajar untuk meningkatkan kemahiran dalam melaksanakan aktiviti	1 (0.4)	1 (0.4)	30 (12.5)	186 (77.5)	22 (9.2)	3.95	.519	Tinggi

Nota: Nombor dalam kurungan menunjukkan frekuensi

Berdasarkan skor min di dalam jadual, semua kenyataan mempunyai skor min yang tinggi iaitu antara 3.68 hingga 4.01. Secara keseluruhannya boleh dikatakan responden mempunyai tahap komitmen yang tinggi dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.3.3 Pencapaian Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Yang Disertai

Dalam kajian ini, pencapaian adalah lebih tertumpu kepada prestasi murid semasa menjalankan aktiviti kokurikulum daripada persepsi atau pandangan guru-guru penasihat berdasarkan pemerhatian atau pengalaman mereka. Bahagian pencapaian dalam soal selidik dijalankan analisis deskriptif untuk menunjukkan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai.

Berdasarkan Jadual 4.14, 90.4% (217) responden berpendapat pencapaian murid dalam aktiviti kokurikulum memberi keyakinan kepada murid. Manakala 91.7% (220) responden bersetuju bahawa murid yang cemerlang dalam aktiviti kokurikulum perlu diberi latihan yang berterusan untuk memastikan mereka terus aktif. Sebahagian besar responden, iaitu 82.1% (197) responden mengakui kemahiran murid dapat dipertingkatkan melalui aktiviti kokurikulum.

Selain itu, 80.1% (192) responden berpendapat bahawa ganjaran memberikan motivasi kepada murid. Seramai 80.4% (193) daripada responden pula bersetuju bahawa murid boleh dilatih untuk menjadi pembantu sewaktu sesuatu pertandingan dikendalikan. Sejumlah 75.4% (181) daripada responden mengakui ganjaran menjadikan murid lebih bersemangat.

Di samping itu, 64.5% (155) responden berpendapat murid di sekolah mereka sangat aktif dalam mewakili sekolah bagi pelbagai aktiviti kokurikulum. Sebanyak 55.9% (134) daripada responden bersetuju bahawa tumpuan yang lebih diberikan kepada unit beruniform/ persatuan/ sukan yang banyak memenangi pertandingan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Manakala 50.4% (121) responden melaporkan bahawa semua pencapaian murid yang lemah akan dilaporkan untuk tindakan susulan. Sebahagian responden, iaitu 44.2% (106) daripada responden menganggap murid yang cemerlang dalam akademik turut cemerlang dalam aktiviti kokurikulum dan 33.7% (81) responden berasa hanya murid yang berjawatan atau mewakili sekolah dianggap aktif.

Jadual 4.14

Pencapaian Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Yang Disertai

Bil	Kenyataan	1 STS (%)	2 TS (%)	3 KS (%)	4 S (%)	5 SS (%)	Min	S.P.	Tahap
1	Murid sangat aktif dalam mewakili sekolah bagi pelbagai aktiviti kokurikulum	3 (1.3)	7 (2.9)	75 (31.3)	128 (53.3)	27 (11.3)	3.70	.754	Tinggi
2	Murid boleh dilatih menjadi pembantu sewaktu pertandingan dikendalikan	1 (0.4)	8 (3.3)	38 (15.8)	164 (68.3)	29 (12.1)	3.88	.662	Tinggi
3	Hanya murid yang berjawatan atau mewakili sekolah dianggap aktif	7 (2.9)	36 (15.0)	116 (48.3)	75 (31.3)	6 (2.5)	3.15	.811	Sederhana
4	Semua pencapaian murid yang lemah akan dilaporkan untuk tindakan susulan	5 (2.1)	13 (5.4)	101 (42.1)	111 (46.3)	10 (4.2)	3.45	.753	Sederhana
5	Ganjaran menjadikan murid lebih bersemangat	6 (2.5)	6 (2.5)	47 (19.6)	150 (62.5)	31 (12.9)	3.81	.785	Tinggi
6	Ganjaran memberikan motivasi kepada murid	1 (0.4)	4 (1.7)	43 (17.9)	159 (66.3)	33 (13.8)	3.91	.644	Tinggi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual 4.14 (Sambungan)

7	Tumpuan yang lebih diberikan kepada unit beruniform/ persatuan/ sukan yang banyak memenangi pertandingan	5 (2.1)	16 (6.7)	85 (35.4)	124 (51.7)	10 (4.2)	3.49	.771	Sederhana
8	Kemahiran murid dapat dipertingkatkan melalui aktiviti kokurikulum	1 (0.4)	2 (0.8)	40 (16.7)	163 (67.9)	34 (14.2)	3.95	.615	Tinggi
9	Murid yang cemerlang dalam akademik turut cemerlang dalam aktiviti kokurikulum	11 (4.6)	25 (10.4)	98 (40.8)	93 (38.8)	13 (5.4)	3.30	.897	Sederhana
10	Murid yang cemerlang dalam aktiviti kokurikulum perlu diberi latihan yang berterusan untuk memastikan mereka terus aktif	1 (0.4)	2 (0.8)	17 (7.1)	179 (74.6)	41 (17.1)	4.07	.556	Tinggi
11	Pencapaian murid dalam aktiviti kokurikulum memberi keyakinan kepada murid	-	-	23 (9.6)	167 (69.6)	50 (20.8)	4.11	.541	Tinggi

Nota: Nombor dalam kurungan menunjukkan frekuensi

Berdasarkan skor min di dalam jadual, kebanyakkan kenyataan mempunyai skor min yang agak tinggi iaitu antara 3.70 hingga 4.11 kecuali empat kenyataan yang mempunyai skor min sederhana iaitu 3.15 hingga 3.49. Ini boleh dikatakan kebanyakkan responden mempunyai tahap pentadbiran yang tinggi daripada segi penilaian dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.4 Hubungan Pengurusan Dengan Pencapaian Kokurikulum Murid

Kajian ini juga ingin melihat hubungan antara pengurusan daripada aspek pentadbiran dan kepimpinan guru terhadap pencapaian kokurikulum murid. Jadual 4.15 menunjukkan hubungan pentadbiran daripada segi perancangan, pengawalan dan penilaian terhadap pencapaian kokurikulum murid.

Jadual 4.15

Hubungan Pentadbiran Terhadap Pencapaian Kokurikulum

Pentadbiran	Pencapaian Kokurikulum Murid
Perancangan	r = .437 p = .000
Pengawalan	r = .446 p = .000
Penilaian	r = .537 p = .000

Berdasarkan kepada Jadual 4.15, didapati aspek pentadbiran membawa kesan dalam pencapaian kokurikulum murid. Oleh itu, berdasarkan keputusan analisis statistik pekali korelasi *Pearson*, terdapat hubungan positif yang tinggi antara penilaian (r = .54, p = .00) dengan pencapaian kokurikulum murid. Manakala terdapat hubungan positif yang sederhana tinggi antara perancangan (r = .44, p = .00) dan pengawalan (r = .45, p = .00) terhadap pencapaian kokurikulum murid di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan cina di daerah Kinta Selatan Perak.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Hubungan kepimpinan guru daripada segi kesediaan, pengetahuan dan komitmen membawa kesan terhadap pencapaian kokurikulum murid ditunjukkan di Jadual 4.16. Terdapat hubungan positif yang sederhana tinggi antara kesediaan (r = .37, p = .00), pengetahuan (r = .36, p = .00) dan komitmen (r = .48, p = .00) terhadap pencapaian kokurikulum murid di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan cina di daerah Kinta Selatan Perak.

Jadual 4.16

Hubungan Kepimpinan Guru Terhadap Pencapaian Kokurikulum

Kepimpinan Guru	Pencapaian Kokurikulum Murid
Kesediaan	r = .373 p = .000
Pengetahuan	r = .363 p = .000
Komitmen	r = .482 p = .000

4.5 Dapatan Pengujian Hipotesis

Ujian korelasi *Pearson* digunakan bagi menjawab soalan-soalan kajian ketiga dan keempat. Kekuatan perhubungan di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah dalam kajian ini dianggar dengan menggunakan skala kekuatan yang telah dicadangkan oleh Davies (1971). Ujian korelasi menentukan hubungan antara pemboleh-pemboleh ubah pada paras signifikan yang ditetapkan iaitu $p < .05$ kecuali mana-mana bahagian yang dinyatakan khas pada paras signifikan yang berbeza.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.5.1 Hubungan Antara Pentadbiran Dengan Pencapaian Kokurikulum Murid

H_0 1 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pentadbiran daripada segi perancangan, pengawalan dan penilaian dengan pencapaian kokurikulum murid.

Berdasarkan kepada Jadual 4.17, keputusan ujian kolerasi menunjukkan nilai *p* (0.00) adalah lebih kecil daripada 0.01 ($p < 0.01$). Oleh itu, hipotesis H_o1 berjaya ditolak.

Jadual 4.17

Hubungan Pentadbiran Terhadap Pencapaian Kokurikulum (N = 240)

		Pentadbiran	Pencapaian
Pentadbiran	Pearson Correlation	1	.564**
	Sig. (2-tailed)		.000

***Signifikan pada aras 0.01 (2 hujung)*

Keadaan ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pentadbiran daripada segi perancangan, pengawalan dan penilaian terhadap pencapaian kokurikulum murid. Hasil analisis korelasi dalam Jadual 4.17 juga menunjukkan hubungan positif yang tinggi (0.56) di antara pentadbiran dengan pencapaian kokurikulum.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

4.5.2 Hubungan Antara Kepimpinan Guru Dengan Pencapaian Kokurikulum Murid

$H_0$2 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kepimpinan guru daripada segi kesediaan, pengetahuan dan komitmen terhadap pencapaian kokurikulum murid.

Jadual 4.18 menunjukkan dapatan kajian tentang hubungan antara kepimpinan guru dengan pencapaian kokurikulum murid. Keputusan ujian korelasi menunjukkan nilai *p* (0.00) adalah lebih kecil daripada 0.01 ($p < 0.01$). Dengan ini, hipotesis *H*o2 ditolak.

Jadual 4.18

Hubungan Kepimpinan Terhadap Pencapaian Kokurikulum (N = 240)

		Kepimpinan	Pencapaian
Kepimpinan	Pearson Correlation	1	.471**
	Sig. (2-tailed)		.000

** *Signifikan pada aras 0.01 (2 hujung)*

Dapatlah dinyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kepimpinan guru daripada segi kesediaan, pengetahuan dan komitmen dengan pencapaian kokurikulum murid pada nilai korelasi 0.47. Oleh itu, berdasarkan keputusan analisis statistik pekali korelasi *Pearson*, terdapat hubungan positif yang sederhana tinggi antara kepimpinan guru dengan pencapaian kokurikulum murid di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan cina di daerah Kinta Selatan Perak.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.6 Rumusan

Hasil analisis data kajian ini telah dibentangkan dalam bab ini mengikut aspek-aspek berkaitan. Rumusan boleh dibuat bahawa kedua-dua pemboleh ubah bebas iaitu pentadbiran dan kepimpinan guru berada pada tahap yang tinggi. Berdasarkan kepada keputusan ujian kolerasi, terdapat hubungan yang signifikan antara pentadbiran terhadap pencapaian kokurikulum murid. Selain itu, juga terdapat hubungan yang signifikan antara kepimpinan guru dengan pencapaian kokurikulum murid. Perbincangan dapatan, kesimpulan dan cadangan kajian akan dihuraikan pada bab seterusnya.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

BAB 5

PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini merupakan kesinambungan daripada Bab 4 yang akan mengemukakan perbincangan dan kesimpulan bagi analisis yang telah dijalankan berdasarkan objektif dan hipotesis kajian seperti mana yang telah dikemukakan dalam Bab 1. Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti tahap pentadbiran kokurikulum dan kepimpinan guru-guru dalam pencapaian kokurikulum murid. Faktor pengurusan yang diutamakan dalam kajian ini ialah tahap pentadbiran daripada segi perancangan, pengawalan dan penilaian dengan pencapaian kokurikulum. Selain itu, kajian ini juga melihat kepimpinan guru-guru penasihat daripada segi kesediaan, pengetahuan dan komitmen dalam melaksanakan pengurusan kokurikulum. Seterusnya, bab ini akan menghuraikan gambaran yang menyeluruh tentang kajian ini.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Di akhir bab ini juga akan diberi cadangan kajian lanjutan yang sesuai dilakukan kelak.

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian

Dalam bahagian ini, pengkaji akan membincangkan dapatan kajian dengan lebih mendalam serta membincangkan dapatan pengkaji dengan dapatan pengkaji yang lain. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap pentadbiran di sekolah serta kepimpinan guru dalam pencapaian kokurikulum murid. Perbincangan dapatan kajian dikategorikan kepada empat bahagian: (a) tahap pentadbiran; (b) tahap kepimpinan guru; (c) hubungan pentadbiran dengan pencapaian; dan (d) hubungan kepimpinan guru dengan pencapaian.

5.2.1 Tahap Pentadbiran

Berdasarkan objektif kajian pertama, kajian telah dijalankan untuk mengenal pasti tahap pentadbiran daripada segi perancangan, pengawalan dan penilaian dalam pencapaian kokurikulum murid. Dengan merujuk kepada dapatan kajian yang telah diperoleh, skor min keseluruhan tahap pentadbiran adalah pada tahap tinggi (3.90). Dapat disimpulkan bahawa majoriti guru dan pentadbir mempunyai tahap pentadbiran yang tinggi dalam pencapaian kokurikulum murid. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian yang dilaporkan oleh Wong (2008) dan Malinjah Mahshar (2007) yang juga

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

menunjukkan amalan pengurusan dalam kalangan guru berada pada tahap tinggi dengan melakukan tugas yang diberikan dengan penuh tanggungjawab dan teratur.

Dalam kajian Ismail Ibrahim (2007), guru-guru lelaki dan perempuan sama-sama mampu melaksanakan amalan pengurusan kokurikulum dalam aspek merancang, mengelola, memimpin dan mengawal. Hal ini disebabkan semua guru di sekolah tersebut boleh bekerjasama dengan baik di antara satu sama lain.

Hasil kajian Melati Yaacob dan Hairul Nurasyikin Haron (2013), Norziana Ayob (2013) serta Mohd Nor Jaafar dan Kung (2008) menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, proses pengurusan kokurikulum yang dimainkan oleh pengetua sebagai pengurus kokurikulum berada pada tahap tinggi. Sekiranya dirujuk kepada peranan pengetua dalam fungsi merancang, fungsi mengelola, dan fungsi memimpin, didapati persepsi guru penasihat kokurikulum (terdiri daripada Setiausaha Kokurikulum, Setiausaha Sukan, Penyelaras Pasukan Beruniform, Penyelaras Kelab/ Persatuan, Penyelaras Sukan/ Permainan dan Guru Penasihat/ Guru Pemimpin) terhadap ketiga-tiga fungsi berada pada tahap tinggi juga.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini didapati agak berbeza daripada segi dapatan yang diperoleh Siti Hajar Ismail (2000) iaitu aspek pengurusan yang diwakili oleh fungsi merancang, menyusun dan memimpin yang berada di tahap sederhana sahaja sedangkan fungsi merancang yang dilakukan oleh pengkaji dan kajian Mohd Nor Jaafar dan Kung (2008) berada pada tahap tinggi.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Mohd Nor Jaafar dan Kung (2008) percaya dan yakin bahawa perbezaan penambahbaikan ini berlaku kerana wujudnya jawatan khas iaitu Penolong Kanan Kokurikulum di sekolah menengah dan sekolah rendah gred A bermula sejak awal tahun 2003. Sebelum tahun 2003, kerja-kerja pengurusan kokurikulum diamanahkan sepenuh kepada pengetua sekolah yang dibantu oleh Penolong Kanan Hal Ehwal Murid yang juga beban dengan urusan hal ehwal murid. Ini disokong oleh dapatan kajian Ahmad Zabidi dan Nor Farihan (2006) yang menunjukkan proses kepimpinan PKKK daripada aspek perancangan, penyeliaan, penilaian dan komunikasi dengan keberkesanan kokurikulum adalah kerap dilaksanakan.

Tambahan pula, dapatan kajian pengkaji menunjukkan guru-guru penasihat mempunyai tahap merancang yang lebih tinggi daripada aspek mengawal dan menilai. Menurut Norziana Ayob (2013), pengetua mengutamakan perancangan kerana aspek ini menjadi penggerak kepada kegiatan kokurikulum yang dijalankan malah ia juga merupakan perkara utama yang dilihat oleh Nazir yang memantau kegiatan kokurikulum di sekolah. Dapatan beliau ini bertepatan dengan Mukhtar Mansor (2008) yang mengatakan pengetua sentiasa menekankan matlamat dan objektif yang perlu dicapai oleh sekolah dalam pembangunan aktiviti kokurikulum kepada semua pihak yang terlibat.

Selain itu, Tung (2008) dan Wong (2008) mendapati bahawa perancangan yang sistematik dan rapi adalah penting untuk memastikan segala aktiviti dan program kokurikulum dapat dijalankan dengan berkesan. Ini juga dapat dilihat dalam kajian ini di mana skor min guru-guru setuju dengan kenyataan ini mencatat nilai min setinggi 4.34. Ini disokong oleh kajian Ruzila Yusoff (2006) yang juga mendapati

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

pihak pengurusan kokurikulum tidak menghadapi sebarang masalah dalam membuat perancangan aktiviti tahunan kokurikulum di sekolah. Tambahan pula, perancangan yang teliti mampu mempengaruhi penyeliaan dan penilaian seterusnya menghasilkan output yang memberangsangkan (Ahmad Zabidi & Nor Farihan, 2006).

Kejayaan kegiatan kokurikulum memerlukan perancangan yang teliti dan teratur daripada semua pihak yang berkenaan. Oleh yang demikian, E (2007) mencadangkan supaya pihak pengurusan sekolah yang dipertanggungjawab untuk mengurus kegiatan ini dapat mengatur strategi pelaksanaan serta pengurusan yang berkesan agar kegiatan ini berjalan dengan berkesan sepanjang masa. Ini adalah kerana perancangan jangka panjang dan berterusan memainkan peranan yang penting dalam menentukan perjalanan kegiatan kokurikulum berjalan lancar dan berkesan. Di samping itu, aktiviti yang dijalankan dalam sesuatu kegiatan dapat memenuhi keperluan dan minat murid.

Namun, dapatan kajian Suzana Laksana Ahmad (2009) menunjukkan kelemahan perancangan aktiviti kokurikulum di sekolah yang menjadi subjek kajian menyebabkan agihan sumber kewangan gagal berfungsi dengan baik. Tambahan pula, kajian beliau turut mendedahkan bahawa wujud amalan pembaziran dan pengurusan yang tidak cekap lantaran kegagalan guru yang bertanggungjawab menyediakan pelan perancangan tahunan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Bagi melicinkan perancangan sukan di sekolah, didapati semua sekolah menengah di daerah Gombak mempunyai jawatankuasa sukan untuk melaksanakan aktiviti sukan (Wan Mohd Din Wan Mohamad, 2004). Ini disokong oleh Abdul Halim Abdul Malek (2005), temu bual dengan pengetua dan guru penolong kanan kokurikulum dalam kajian beliau menunjukkan bahawa mereka mengambil berat mengenai perjalanan kegiatan kokurikulum di sekolah. Pemantauan aktiviti kokurikulum persatuan dan pasukan beruniform dijalankan oleh pihak pengurusan sekolah. Perbincangan sama ada secara formal atau tidak formal telah dijalankan dari masa ke semasa oleh pengetua dan guru penolong kanan kokurikulum. Perbincangan ini membolehkan pihak pengurusan sekolah memahami aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh unit-unit kokurikulum di sekolah.

Takwim aktiviti tahunan yang teratur harus dititikberatkan untuk mencapai keberkesanan pengurusan aktiviti kokurikulum. Dapatan kajian menunjukkan responden menyediakan takwim sebelum aktiviti tahunan. Hasil dapatan ini disokong oleh Wan Mohd Din Wan Mohamad (2004). Dapatan ini juga selari dengan dapatan Tang (2011) yang menunjukkan skor min guru-guru menyediakan takwim badan beruniform berada pada tahap tinggi (*min* = 4.40). Pihak sekolah wajar mengkaji dari semasa ke semasa hal-hal yang berkaitan dengan perancangan yang dibincangkan demi kecemerlangan pengurusan kokurikulum sekolah.

Merujuk kepada Jadual 4.6, aspek pengawalan dalam kajian ini berada pada tahap tinggi iaitu mencatat *min* = 3.86. Dapatan ini selari dengan dapatan Siti Fatihah Mohamed Salleh (2010) iaitu guru-guru bersedia untuk memikul tanggungjawab dalam memantau perjalanan kegiatan kokurikulum. Dapatan kajian ini juga

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

menyokong dapatan Norziana Ayob (2013) dan Nik Zaidi Ismail (2011) yang menunjukkan bahawa pengetua memainkan peranan mengawal adalah tinggi berbanding dengan dimensi lain dalam mengurus aktiviti kokurikulum. Namun dapatan kajian ini menyangkal dengan dapatan kajian Melati Yaacob dan Hairul Nurasyikin Haron (2013), Mohd Nor Jaafar dan Kung (2008) serta Siti Hajar Ismail (2000) yang menyatakan bahawa aspek pengurusan yang diwakili oleh fungsi mengawal berada di tahap sederhana.

Secara keseluruhannya dalam kajian Nor Hisham Hashim (2012), peranan yang dimainkan oleh pentadbir kokurikulum sebagai pengawal kokurikulum oleh mereka yang mempunyai pengalaman mengajar 1-5 tahun (*min* = 4.02), 6-10 tahun (*min* = 3.84) dan lebih 10 tahun (*min* = 3.93) adalah sama, iaitu pada tahap tinggi. Bagi pentadbir kokurikulum yang telah mengikuti kursus dan yang tidak mengikuti kursus, mereka juga memainkan peranan sebagai pengawal kokurikulum (*min* = 4.02 & 3.81 masing-masing) pada tahap tinggi.

Selain itu, menurut kajian yang dibuat oleh Zainal Sabu (1999), didapati pelaksanaan aktiviti kokurikulum kurang penyeliaan daripada pihak pentadbiran. Dapatan beliau disokong oleh Manisah Atan (2003) yang mengkaji pelaksanaan aktiviti kokurikulum Kadet Remaja Sekolah juga mendapati pihak pentadbiran tidak memantau pelaksanaan aktiviti kokurikulum tersebut. Lantaran daripada itu, mereka tidak mengambil tahu sama ada guru penasihat menghadapi masalah dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti kokurikulum. Wan Mohd Din Wan Mohamad (2004) menyeru agar pengurus harus memantau untuk memastikan agar semua aktiviti

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

dilaksanakan dengan sempurna seperti yang terancang dan sekiranya berlaku kepincangan program dapat dibetulkan dengan berkesan.

Namun, PKKK dalam kajian Yasmin Othman (2009) mengurus dengan melaksanakan pengawalan yang konsisten dalam menentukan arah dan hala tuju kokurikulum sekolah menunjukkan bacaan min pada tahap tinggi. Dapatan kajian beliau juga menunjukkan PKKK memantau penglibatan guru-guru penasihat dari semasa ke semasa. Pemantauan adalah sangat penting dalam pengawalan bagi memastikan pengurusan dilaksanakan secara berkesan.

Dengan merujuk kepada dapatan kajian yang telah diperoleh, aspek penilaian berada pada tahap tinggi iaitu mencatat *min* = 3.89. Namun, pengetua dalam kajian Norziana Ayob (2013) dilihat kurang membuat penilaian perkembangan kokurikulum setiap unit dengan membandingkan pencapaian sebenar dengan sasaran yang ditetapkan. Beliau berpendapat keadaan ini berlaku mungkin disebabkan oleh kewujudan jawatan Guru Penolong Kanan Kokurikulum dan Setiausaha Kokurikulum di sekolah.

Kajian Wan Mohd Din Wan Mohamad (2004) menunjukkan pihak sekolah juga telah mengadakan penilaian ke atas proses perancangan sukan yang dijalankan untuk mengenal pasti masalah sebagai rujukan pada masa hadapan. Beliau berpendapat tujuan penilaian bagi pentadbir adalah untuk menentukan sejauh manakah objektif dan matlamat aktiviti tercapai, memberikan bukti kepada nilai dan sumbangan kepada aktiviti atau program serta mengetahui keberkesanan pelaksanaan dan tugas setiap jawatankuasa.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

KPM (2007) yang menyatakan bahawa penilaian kegiatan kokurikulum boleh merangsang murid-murid untuk bergiat lebih aktif dalam kegiatan kokurikulum. Melalui dasar ini, semua murid mempunyai peluang yang sama untuk memperoleh markah kerana penilaian yang dibuat adalah setara. Penglibatan yang cemerlang dalam aktiviti kokurikulum boleh dijadikan sandaran untuk membantu murid-murid yang ingin melanjutkan pelajaran ke IPTA.

5.2.2 Tahap Kepimpinan Guru

Kajian tentang tahap kepimpinan guru dalam melaksanakan kegiatan kokurikulum terhadap pencapaian kokurikulum murid harus mendapat perhatian yang sewajarnya. Ini adalah kerana kepimpinan guru merupakan salah satu aspek yang diperlukan untuk meningkatkan pencapaian kokurikulum murid. Berdasarkan objektif kajian yang kedua, kajian telah dijalankan untuk menilai sejauh mana tahap kepimpinan guru daripada aspek kesediaan, pengetahuan dan komitmen terhadap pencapaian kokurikulum.

Merujuk kepada dapatan kajian, skor min keseluruhan kepimpinan guru adalah pada tahap tinggi (3.83). Dapat disimpulkan bahawa majoriti guru penasihat mempunyai tahap kepimpinan yang tinggi dalam meningkatkan pencapaian kokurikulum murid. Dapatan ini turut menyokong dapatan kajian Teng dan Chuah (2013) yang menunjukkan guru-guru menyokong program kokurikulum di sekolah.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Di samping itu, dapatan kajian ini mendapati secara keseluruhannya skor min bagi kesediaan berada pada tahap tinggi iaitu 3.93 terhadap pencapaian kokurikulum murid. Dapatan ini juga bertepatan dengan dapatan kajian Teng dan Chuah (2013), Siti Fatihah Mohamed Salleh (2010), Tung (2008) dan Yusnizam Ahmad (2008) yang menyatakan secara majoritinya guru bersedia dalam pengurusan kokurikulum. Namun, dapatan kajian ini menyangkal dapatan kajian yang dibuat oleh Roshidah Shahidan (2004) yang mendapati guru-guru mempunyai kesediaan yang rendah dalam bidang kokurikulum (min pada tahap rendah 2.78).

Guru-guru penasihat unit beruniform dalam kajian Yusnizam Ahmad (2008) adalah antara yang paling banyak mengikuti kursus kepegawaian dan kejurulatihan. Mereka mengikutinya sama ada semasa di universiti, di Institut Pendidikan Guru (IPG) atau semasa dalam perkhidmatan. Maka guru-guru ini lebih bersedia dalam mengendalikan aktiviti unit beruniform.

Dalam kajian Siti Fatihah Mohamed Salleh (2010), didapati juga guru bersedia untuk menghadiri seminar atau kursus berkaitan kokurikulum yang dianjurkan oleh Kementerian. Oleh itu, jika guru sentiasa bersedia untuk meningkatkan pengetahuan mereka dalam bidang pengurusan kokurikulum, maka wajarlah guru mempunyai sikap yang positif untuk menghadiri kursus dan seminar yang dianjurkan demi mengendalikan aktiviti kokurikulum dengan lebih bersistematik. Dapatan beliau disokong oleh Jamaliah Mohd Jamal (2013) yang mendapati guru-guru yang berpengetahuan menunjukkan kesediaan yang tinggi berasaskan pencapaiannya dan kejayaan dalam sesuatu aktiviti pengajaran.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Menurut Goldrick dan Norman (2012), taklimat awal mengenai pengurusan aktiviti kokurikulum perlu dijalankan di sekolah pada awal tahun untuk memastikan guru-guru mengetahui matlamat sebenar sekolah dalam kegiatan kokurikulum di sekolah. Kesediaan ini amat penting supaya guru-guru boleh menerima sebarang tugasan dengan hati terbuka.

Berdasarkan Jadual 4.10, aspek pengetahuan dalam kajian ini berada pada tahap tinggi iaitu mencatat *min* = 3.74. Hasil dapatan ini disokong oleh kajian Fauzi et al. (2014) yang melaporkan bahawa pengetahuan guru terlatih dalam menguruskan aktiviti-aktiviti kokurikulum secara keseluruhan adalah pada tahap yang tinggi kerana mereka baru menamatkan pengajian. Ilmu yang mereka peroleh di universiti dapat membantu mereka melaksanakan tugas-tugas dalam aktiviti-aktiviti kokurikulum di sekolah-sekolah. Selain itu, usia yang muda memberi mereka kelebihan daripada segi tenaga untuk menguruskan aktiviti-aktiviti yang melibatkan murid. Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa pengetahuan guru-guru baru berubah mengikut disiplin akademik mereka. Keputusan juga menunjukkan hubungan yang positif dan signifikan antara tahap pengetahuan dalam pengurusan aktiviti kokurikulum dengan kesediaan guru terlatih dalam perancangan pengajaran dan pembelajaran aktiviti kokurikulum. Dalam kajian beliau, terdapat tiada perbezaan yang signifikan dalam tahap pengetahuan dengan mengurus aktiviti kokurikulum berdasarkan jantina guru pelatih.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Kajian ini turut menyokong dapatan Abdul Halim Abdul Malek (2005) serta Abdul Rashid Abdul Sitra dan Bokkasam Sasidhar (2005) yang mendapati guru mempunyai persepsi baik terhadap keberkesanan aktiviti kokurikulum di sekolah. Dapatan kajian Mohd Jannes Linggau (2000) menunjukkan majoriti responden mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi dalam merancang aktiviti kokurikulum. Oleh sebab itu, Ismail Ibrahim (2007) mencadangkan kepada sekolah kajiannya bahawa kursus pengurusan kokurikulum secara terancang perlu dilaksanakan oleh pihak sekolah setiap tahun untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru-guru tentang pengurusan kokurikulum. Kajian beliau dan Yusnizam Ahmad (2008) menunjukkan bahawa guru yang pernah menghadiri kursus pengurusan kokurikulum mempunyai tahap amalan pengurusan kokurikulum yang tinggi berbanding dengan guru-guru yang tidak pernah menghadirinya.

Lantaran daripada situasi ini, dapatan kajian Adam Mohammad dan Mahmad Amir Radzali (2009), Abdul Halim Abdul Malek (2005) serta Mohd Nordin Abu Bakar (2002) menunjukkan kebanyakan guru perlu diberi kursus kerana ketiadaan kemahiran dan latihan sehingga menyukarkan amalan pengurusan kokurikulum. Seiring dengan saranan Stoner dan Wankel (2012) bahawa latihan amat penting dalam meningkatkan keberkesanan pekerja, maka kajian Jaggil Appak (2010) mendapati keperluan kursus dalam kalangan ketua guru penasihat kokurikulum adalah kritikal dan harus ditangani segera. Cadangan ini disokong oleh dapatan kajian Nor Hisham Hashim (2012) yang juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan pengurusan merancang dengan peringkat kursus yang dihadiri oleh ketua guru penasihat.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Faktor komitmen juga menjadi watak penting dalam kejayaan aktiviti kokurikulum di sesebuah sekolah. Konsep komitmen terhadap kerjaya dilihat daripada sudut keinginan seseorang guru untuk kekal dengan kerjaya yang sedang disandang (Nik Mutasim Ab. Rahman & Mohd Hizam Hanafiah, 2002). Dalam konteks kajian ini, skor min bagi komitmen guru dalam pencapaian kokurikulum adalah tinggi iaitu 3.83. Walau bagaimanapun, hanya sebahagian responden dalam kajian Mohd Jannes Linggau (2000) mempunyai komitmen yang tinggi menjalankan aktiviti-aktiviti kokurikulum.

Hasil dapatan pengkaji disokong oleh kajian Teng dan Chuah (2013), Jaggil Appak (2010) serta Adam Mohammad dan Mahmad Amir Radzali (2009) yang mendapati guru memberikan perhatian yang tinggi dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum. Dapatan mereka juga menunjukkan sikap dan minat guru penasihat berada pada tahap tinggi untuk melaksanakan aktiviti kokurikulum. Kenyataan ini juga disokong oleh Abu Bakar Mohd Husain (2007) bahawa peranan guru-guru penasihat juga mempengaruhi penyertaan dan penglibatan murid dalam aktiviti-aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan. Minat bukan saja ditunjukkan oleh murid tetapi guru-guru juga perlu mempunyai kemahiran dan minat dalam aktiviti kokurikulum.

Menurut Siti Fatihah Mohamed Salleh (2010), minat dalam kegiatan kokurikulum yang ada pada seorang guru akan menjamin kejayaan kegiatan kokurikulum. Guru-guru dalam kajian beliau menunjukkan kesediaan dan minat yang tinggi untuk menguruskan kegiatan kokurikulum di sekolah. Sikap ini akan memberikan pengalaman yang lebih banyak dalam pengendalian kegiatan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

kokurikulum kerana ianya datang daripada minat guru yang semula jadi. Teng dan Chuah (2013) juga berpendapat bahawa minat pada seseorang guru dapat memberi inspirasi kepada penyertaan pelajar.

Pendapat Siti Fatihah Mohamed Salleh (2010) disokong oleh Roslee Talip (2012) bahawa aspek komitmen guru untuk melaksanakan sesuatu juga mempengaruhi sejauhmana penglibatan guru dalam aktiviti kokurikulum. Aspek komitmen ini akan mempengaruhi persepsi guru terhadap pelaksanaan kokurikulum di sekolah sendiri. Seterusnya, persepsi tersebut akan mempengaruhi pula sikap dan tingkah laku guru dalam memimpin aktiviti kokurikulum.

Walaupun responden dalam kajian Abdul Halim Abdul Malek (2005) kurang berpengalaman dalam bidang kokurikulum semasa di universiti atau di maktab perguruan, namun mereka menunjukkan sikap yang positif terhadap tugas mereka sebagai pembimbing unit-unit kokurikulum. Kebanyakan guru dapat menyesuaikan diri dengan aktiviti kokurikulum yang dikendalikan kerana mereka berpendapat bahawa unit kokurikulum yang dibimbing adalah sesuai dan kemahiran dan minat mereka.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

5.2.3 Hubungan Pentadbiran Dengan Pencapaian Kokurikulum

Bagi menentukan tahap hubungan yang signifikan antara dimensi-dimensi tahap pentadbiran yang dikaji iaitu perancangan, pengawalan dan penilaian dengan pencapaian kokurikulum, data kajian telah dianalisis dengan menggunakan korelasi *Pearson*. Hasil kajian mendapati terdapat hubungan secara positif yang tinggi pada aras signifikan 0.01 di antara ketiga-tiga dimensi dengan pencapaian kokurikulum murid. Pentadbiran daripada segi penilaian menunjukkan hubungan yang paling signifikan dengan nilai pekali korelasi 0.54 diikuti oleh pengawalan (0.45) dan perancangan (0.44).

Terdapat juga korelasi yang bersifat positif yang tinggi di antara peranan pengetua sebagai pengurus kokurikulum dengan tahap penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum dalam kajian Mohd Nor Jaafar dan Kung (2008). Ini menunjukkan bahawa sekiranya peranan pengetua sebagai pengurus kokurikulum meningkat maka tahap penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum juga akan meningkat. Dapatan ini disokong oleh kajian yang telah dilaksanakan oleh Siti Hajar Ismail (2000), beliau telah membuat penyelidikan untuk mengenal pasti amalan pengurusan kokurikulum yang berkesan yang dipraktikkan di sekolah menengah serta melihat corak penglibatan ahli jawatankuasa kokurikulum dan murid dalam perlaksanaan kokurikulum sekolah. Responden yang terlibat sebagai sampel kajian terdiri daripada 285 orang guru dari 15 buah sekolah menengah di Daerah Kerian. Beliau menyatakan bahawa sistem pengurusan kokurikulum didapati mempunyai hubungan terhadap pencapaian dalam kokurikulum. Perlu disedari oleh warga

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

pendidik bahawa sistem pengurusan kokurikulum adalah antara faktor yang mempengaruhi pencapaian kokurikulum.

Abdul Rahim Abdul Rahman (2012) juga menyokong dapatan Siti Hajar Ismail (2000) bahawa keseluruhan objektif pengurusan kokurikulum yang baik adalah bertujuan untuk melihat keberkesanan pelaksanaan, memudahkan pemantauan, keperluan membuat penilaian, mempertingkat dan memperbaiki pencapaian, mencemerlangkan dan melaksanakan aktiviti yang diwajibkan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh organisasi masing-masing.

Dapatan kajian Nor Hisham Hashim (2012) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan pengurusan merancang dengan peringkat kursus yang dihadiri oleh ketua guru penasihat. Dapatan beliau selari dengan kajian Elias (dalam Wong, 2008) yang menyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor perancangan, penyertaan murid kemudahan dan peralatan, kepimpinan dan pengelolaan serta pemilihan dan latihan sumber tenaga manusia dengan keberkesanan pengurusan kokurikulum sukan di sekolah. Selain itu, pengurusan kokurikulum yang kurang berkesan menyebabkan kegiatan seperti penglibatan murid tidak menyeluruh serta pencapaian kokurikulum yang rendah (E, 2007).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Namun, hasil kajian Yusnizam Ahmad (2008) mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan guru-guru dalam perancangan pengurusan kokurikulum unit beruniform. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru-guru memahami dan menerima tugas dan peranan mereka dalam memimpin kokurikulum unit beruniform masing-masing. Hal ini berkemungkinan berlaku disebabkan guru-guru telah didedahkan dan memahami peranan dan tanggungjawab mereka di sekolah. Peranan dan tanggungjawab guru bukan sahaja dalam bidang akademik malah mencakupi bidang bukan akademik iaitu meliputi kegiatan kokurikulum.

Untuk meningkatkan kecemerlangan murid dalam sesuatu bidang, penghargaan yang berbentuk pujian, hadiah dan sijil perlu disediakan dalam menjayakan sesuatu aktiviti sukan. Responden dalam kajian Wan Mohd Din Wan Mohamad (2004) bersetuju bahawa murid perlu diberi penghargaan atas kecemerlangan mereka. Di samping itu, untuk memastikan penyertaan murid dalam aktiviti kokurikulum, kedatangan murid dicatat dan dibuat penilaian. Penyertaan dalam aktiviti kokurikulum memberi manfaat kepada murid daripada segi fizikal dan mental. Oleh itu, berdasarkan pandangan Edward dan Jan (2005), aktiviti-aktiviti tersebut dapat melahirkan individu yang berdisiplin, mempunyai daya kepimpinan serta bertanggungjawab kepada keluarga, masyarakat dan negara. Justeru, semua sekolah diarahkan bagi menyediakan kemudahan bagi menjalankan aktiviti berkenaan dan ini memang termaktub dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran (1979).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

5.2.4 Hubungan Kepimpinan Guru Terhadap Pencapaian Kokurikulum

Berdasarkan objektif kajian yang keempat, kajian telah dijalankan untuk melihat hubungan kepimpinan guru daripada aspek kesediaan, pengetahuan dan komitmen terhadap pencapaian kokurikulum murid. Selepas menjalankan kajian, didapati terdapatnya hubungan secara positif yang sederhana tinggi pada aras signifikan 0.01 di antara ketiga-tiga dimensi dengan pencapaian kokurikulum murid. Hubungan kepimpinan guru daripada aspek komitmen menunjukkan hubungan yang paling signifikan dengan nilai pekali korelasi 0.48 diikuti oleh kesediaan (0.37) dan pengetahuan (0.36).

Dalam kajian Tang dan Chan (2009), sebanyak 85.4 peratus responden kajian tidak mempunyai kelayakan sukan seperti memiliki sijil sains sukan, sijil kejurulatihan, sijil kepegawaian teknik olahraga, sijil kepengadilan permainan, dan sebagainya. Pengetahuan asas ini amat perlu supaya perancangan dan pelaksanaan sesuatu program latihan sukan dapat dijalankan dengan lebih sistematik dan teratur. Memandangkan faktor kelayakan sukan dan pengalaman dalam bidang sukan mempunyai hubungan yang signifikan, amat kuat, dan positif terhadap pencapaian pasukan olahraga sekolah, maka kursus-kursus yang berkaitan dengan sukan harus diadakan. Kursus-kursus sedemikian bukan sahaja dapat menambahkan ilmu pengetahuan mereka dalam bidang sukan bahkan dapat membantu mereka membuat perancangan yang lebih sistematik dan meningkatkan taraf pencapaian sukan sekolahnya.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Dapatan kajian ini menyemai dapatan Teng dan Chuah (2013) yang jelas menunjukkan bahawa sikap guru daripada aspek kesediaan, pengetahuan dan komitmen mempengaruhi pencapaian murid dalam aktiviti kokurikulum. Komitmen yang ada pada guru-guru penasihat akan memberi inspirasi kepada penyertaan murid yang aktif dalam aktiviti kokurikulum. Ini disokong oleh hasil kajian Mohd Nor Jaafar dan Kung (2008) yang juga menunjukkan bahawa wujud korelasi yang bersifat positif tinggi di antara peranan guru penasihat kokurikulum dengan tahap penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum. Dapatan-dapatan ini menunjukkan bahawa peranan guru penasihat kokurikulum adalah penting untuk mewujudkan satu pencapaian tahap penglibatan kokurikulum dalam kalangan murid yang memuaskan (Edward & Jan, 2005).

Dapatan kajian Mohd Nor Jaafar dan Kung (2008) menyokong dapatan kajian yang dilakukan oleh Abu Bakar Mohd Husain (2007) yang bertajuk "Kedudukan Kokurikulum Di Sekolah: Persepsi Guru Dan Pelajar". Kajian yang dilakukan oleh beliau menyimpulkan bahawa peranan guru penasihat kokurikulum merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi tahap penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sekolah. Kajian beliau bermatlamat untuk mengumpul maklumat mengenai pandangan guru tentang kedudukan kokurikulum di sekolah. Dapatan kajian beliau dan E (2007) menyimpulkan bahawa penyertaan dan penglibatan serta minat para murid dalam aktiviti kokurikulum di sekolah-sekolah dipengaruhi oleh aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dan juga kemudahan dan peralatan yang lengkap.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Di samping itu juga, peranan guru-guru penasihat juga mempengaruhi penyertaan dan penglibatan murid dalam aktiviti yang dirancang bersama-sama. Minat bukan sahaja perlu dimiliki oleh murid-murid malah guru penasihat juga harus mempunyai minat terhadap bidang kokurikulum tersebut di samping mempunyai kemahiran dalam aktiviti kokurikulum yang diceburinya (Abu Bakar Mohd Husain, 2007). Oleh itu, E (2007) mencadangkan bahawa pemilihan guru-guru yang berkebolehan dan berminat melaksanakan dan menjadi pengurus kegiatan kokurikulum perlu dilakukan dengan teliti sebelum seorang dilantik untuk memegang jawatan penasihat dalam satu-satu aktiviti kokurikulum. Ini adalah kerana kemahiran dan kebolehan seseorang guru dalam melaksanakan kegiatan kokurikulum akan mempengaruhi minat seterusnya penglibatan murid dalam aktiviti tersebut (Teng & Chuah, 2013; Abu Bakar Mohd Husain, 2007). Ini disokong oleh kajian Norziana Ayob (2013), Hanishah Mohd. (2006) dan Zakiah Ahmad (2005) yang mendapati bahawa pengetua telah mengambil kira faktor minat dalam membuat perancangan pengagihan guru-guru penasihat yang melaksanakan kegiatan kokurikulum.

Selain itu, kepentingan kursus diberikan kepada guru-guru diperkuatkan lagi dengan kajian-kajian di negara-negara sedang membangun yang menunjukkan bahawa kursus dalam perkhidmatan yang diikuti oleh guru-guru mempunyai kesan ke atas pencapaian murid (Muhammad Faizal Ghani, Saedah Siraj, Norfariza Mohd Radzi, & Faisol Elham, 2011). Oleh itu, guru-guru digalakkan mengikut kursus atau sentiasa mengemaskinikan ilmu pengetahuan dan meningkatkan kemahiran mereka agar dapat memenuhi keperluan semasa yang semakin mencabar. Ini selaras dengan kajian oleh Tang dan Chan (2009) yang telah menunjukkan bahawa faktor

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

pengalaman berkhidmat, kelayakan sukan dan permainan PKKK dalam bidang sukan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian pasukan olahraga sekolah.

Guru-guru dalam kajian Yusnizam Ahmad (2008) juga telah didedahkan dengan pengetahuan berkaitan kokurikulum menerusi latihan-latihan semasa mengikuti kursus perguruan dan semasa perkhidmatan. Dengan itu, dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa terdapatnya hubungan yang signifikan antara kesediaan dengan sikap dalam pengurusan kokurikulum. Guru-guru yang mempunyai tahap kesediaan yang tinggi sekali gus akan mempunyai tahap sikap positif yang tinggi. Dapatan ini sejajar dengan dapatan Faulkner, Reeves, dan Chedzoy (2004) yang menyatakan sikap guru yang tinggi dalam aktiviti kokurikulum adalah berhubungan dengan persepsi yang tinggi dalam kepakaran sukan.

5.3 Ringkasan Kajian

Pengkaji telah menggunakan tiga aspek pengurusan dalam mengenal pasti tahap pentadbiran daripada segi perancangan, pengawalan dan penilaian dalam pengurusan kokurikulum. Kajian ini juga menilai tahap kepimpinan guru daripada segi kesediaan, pengetahuan dan komitmen dalam pencapaian kokurikulum murid. Selain itu, hubungan pentadbiran daripada segi perancangan, pengawalan dan penilaian dengan pencapaian kokurikulum juga ditentukan. Objektif kajian ini juga melihat hubungan kepimpinan guru-guru penasihat daripada segi kesediaan, pengetahuan dan komitmen dalam pencapaian kokurikulum murid.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Borang soal selidik telah diedarkan kepada guru-guru penasihat kokurikulum di sekolah-sekolah jenis kebangsaan cina daerah Kinta Selatan Perak yang melibatkan seramai 240 responden. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan program SPSS 19.0 yang melibatkan kaedah deskriptif dan ujian korelasi *Pearson* bagi menjawab persoalan kajian ini.

Berdasarkan hasil dapatan kajian, ringkasan kajian dapatlah dibuat berdasarkan objektif kajian. Antaranya ialah:

i. Analisis deskriptif terhadap tahap keberkesanan pentadbiran daripada segi perancangan, pengawalan dan penilaian secara keseluruhannya adalah pada tahap tinggi dengan skor min purata setinggi 3.90 di mana skor min tahap perancangan mencatat 3.96 diikuti oleh penilaian (3.88) dan pengawalan (3.86).

ii. Analisis deskriptif terhadap tahap kepimpinan guru daripada aspek kesediaan, pengetahuan dan komitmen secara keseluruhannya adalah pada tahap tinggi dengan skor min purata setinggi 3.83 di mana skor min tahap kesediaan mencatat 3.93 diikuti komitmen (3.83) dan pengetahuan (3.74).

iii. Hasil analisis korelasi menunjukkan hubungan positif yang tinggi (0.56) di antara pentadbiran dengan pencapaian kokurikulum. Analisis korelasi *Pearson* juga menunjukkan hubungan positif yang tinggi antara penilaian (r = .54) dengan pencapaian kokurikulum murid, hubungan positif yang sederhana tinggi antara perancangan (r = .44) dan pengawalan (r = .45) dengan pencapaian kokurikulum murid juga dicapai. Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

antara pentadbiran daripada tiga aspek yang dikaji dengan pencapaian kokurikulum.

iv. Terdapat hubungan yang signifikan antara kepimpinan guru dengan pencapaian kokurikulum murid pada nilai korelasi 0.47. Hasil analisis korelasi menunjukkan terdapatnya hubungan positif yang sederhana tinggi antara kesediaan (r = .37), pengetahuan (r = .36) dan komitmen (r = .48) terhadap pencapaian kokurikulum murid di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan cina di daerah Kinta Selatan Perak.

5.4 Kesimpulan Kajian

Berdasarkan hasil dapatan kajian, beberapa kesimpulan boleh dibuat. Antaranya ialah:

i. Pengurusan kegiatan kokurikulum yang lebih meluas dan fleksibel dapat memberi pulangan yang setimpal kepada murid-murid. Keberkesanan kokurikulum bergantung kepada sistem pengurusan sekolah yang berkesan. Tahap pentadbiran kokurikulum yang rapi merupakan tunjang dan tenaga penggerak dalam pelaksanaannya ke pencapaian murid ke tahap optimum.

ii. Guru-guru memberikan usaha yang bersungguh-sungguh terhadap kemajuan kokurikulum sekolah. Komitmen tinggi yang diberi oleh guru penasihat terhadap aktiviti kokurikulum yang dikendalikan juga menjamin pencapaian kokurikulum yang berkesan dalam kalangan murid. Komitmen yang ada pada seseorang guru merupakan intipati dalam profesion perguruan.

iii. Penilaian dalam pentadbiran boleh dikatakan sebagai kriteria atau peramal yang digunakan untuk mengetahui sama ada tercapai atau tidak sesuatu

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

matlamat aktiviti kokurikulum yang ditetapkan. Maklumat yang diperoleh boleh dianggap sebagai indikator kepada keberkesanan program yang dilaksanakan supaya meningkatkan pencapaian kokurikulum di sekolah.

iv. Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menitikberatkan perkembangan menyeluruh akan diperkasakan dengan pencapaian kokurikulum murid itu terjamin. Kecemerlangan murid diperlukan demi menjadikan negara Malaysia sebagai negara yang terdiri daripada para ilmuwan yang serba boleh, berpandangan luas serta memiliki sahsiah tinggi seiring jua dengan kecemerlangan dalam aktiviti kokurikulum.

Secara kesimpulan, pembentukan murid yang seimbang daripada pelbagai segi adalah wajar dilakukan memandangkan negara kita sedang menuju ke arah negara maju. Sekolah merupakan organisasi penting yang menyediakan satu suasana yang kondusif bagi melahirkan murid yang seimbang daripada segi jasmani, emosi, rohani dan intelek seperti yang dinyatakan dalam FPK. Jelas terbukti bahawa penglibatan kokurikulum dapat menjamin ke atas perkembangan individu yang menyeluruh selain daripada pencapaian akademik. Dengan itu, setiap pihak yang berkaitan dengan pendidikan bermula daripada KPM sehinggalah ke guru, ibu bapa dan murid sendiri haruslah peka terhadap perkembangan semasa mengenai aktiviti kokurikulum yang disertai supaya matlamat FPK dapat dicapai.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

5.5 Implikasi Terhadap Amali Dan Teori

Setiap kajian bermula dengan keraguan pengkaji terhadap suatu pandangan yang wujud dalam mindanya. Kajian yang dijalankan tidak semestinya sahih kepada semua kajian, tetapi ia merupakan perintis kepada kajian-kajian seumpama yang bakal dijalankan. Kajian ini tertumpu pada corak pentadbiran dan pengurusan kokurikulum di sekolah-sekolah jenis kebangsaan cina di daerah Kinta Selatan. Peranan guru-guru penasihat dalam memastikan kejayaan anak murid dalam aktiviti kokurikulum turut dikaji.

5.5.1 Implikasi Kajian Terhadap Amali

Antara sumbangan kajian ke atas polisi adalah pengurusan kokurikulum di sekolah perlu dimantapkan dalam penggubalan dasar pembangunan pendidikan untuk menjamin pencapaian kokurikulum yang wajar. Disarankan bahawa kokurikulum diberi wajaran yang sepatutnya supaya pencapaian kokurikulum boleh dipertingkatkan lagi seperti yang terdapat dalam dapatan kajian. Memandangkan pengurusan yang cekap penting terhadap pencapaian kokurikulum, maka kokurikulum perlu ditekankan melalui pengurusan sekolah. Oleh itu, perancangan, pengawalan dan penilaian terhadap aktiviti kokurikulum harus menjadi keutamaan dalam kurikulum pendidikan. Dengan itu, perkembangan individu yang menyeluruh dapat dijamin selaras dengan objektif kerajaan atau pembuat dasar di Malaysia.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Semasa kajian dijalankan, didapati bahawa hasil kajian mengenai topik yang dikaji adalah terhad. Maka, hasil kajian ini boleh dijadikan panduan dan rujukan kepada pihak pentadbir dan pengurus aktiviti kokurikulum agar mempraktikkan corak pengurusan aktiviti kokurikulum yang berkesan di sekolah serta melatih guru-guru agar bergiat dengan lebih aktif dalam aktiviti kokurikulum.

Hasil kajian ini mendedahkan langkah kerajaan menetapkan 10 peratus penglibatan murid dalam kokurikulum sebagai syarat kemasukan ke pusat pengajian tinggi adalah langkah yang wajar. Ramai bersetuju bahawa murid-murid tidak harus dinilai berasaskan pencapaian akademik semata-mata tetapi juga pada aktiviti-aktiviti kokurikulum yang dapat membantu membina individu yang serba boleh (Leung, Ng, & Chan, 2011).

Penegasan tentang kepentingan aktiviti kokurikulum di sekolah perlu dititikberatkan memandangkan pelaksanaannya menghasilkan sumbangan yang positif terhadap perkembangan jasmani, rohani, emosi dan mental murid. Dapatan kajian memberi ruang kepada pihak-pihak tertentu terutamanya KPM untuk menambahbaikkan pelaksanaannya agar ia seiring dengan matlamat asal pendidikan negara yang mengiktiraf kedudukan kokurikulum sebagai agenda pelengkap kepada visi kurikulum di sekolah. Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) yang baru dilaksanakan dalam sistem pengiraan markah baharu merupakan salah satu langkah wajar yang telah diambil oleh KPM bagi menggalakkan murid-murid agar menggapai markah yang baik dalam aktiviti kokurikulum.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Dengan menerima aktiviti-aktiviti kokurikulum sebagai sebahagian daripada program akademik, pihak-pihak yang berkaitan seperti Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan pihak pentadbir menyedari bahawa mereka perlu memperbaiki struktur dan kandungan program kokurikulum daripada segi sistem pembelajaran program kokurikulum, penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum, dan juga minat mereka.

Kesedaran guru terhadap tanggungjawab mereka dalam bidang kokurikulum akan melicinkan pelaksanaan gerak kerja ini di sekolah. Dengan memahami matlamat-matlamat kokurikulum yang hendak dicapai, mereka akan berkomitmen tinggi untuk melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum bersama murid-murid. Guru-guru juga akan berusaha menambahkan pengetahuan dan lebih bersedia dalam menguruskan aktiviti kokurikulum yang dipertanggungjawabkan dengan penuh dedikasi.

Penglibatan murid-murid dalam aktiviti kokurikulum yang lebih aktif secara langsung dapat memberikan impak positif kepada murid-murid untuk menambahkan, mengukuhkan dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari melalui aktiviti kokurikulum. Dengan itu, ia dapat menjamin murid-murid terus belajar melalui pelbagai cara seperti penyesuaian sosial mereka dapat diperkukuhkan, penglibatan komuniti yang lebih baik dan lebih digalakkan dan bersedia untuk memimpin apabila menyambungkan pelajaran di institusi pengajian tinggi.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Aktiviti yang tidak dapat mengembangkan kemahiran murid akan mengakibatkan kekurangan penglibatan pelajar. Oleh itu, segala aspek perancangan, pengawalan dan penilaian oleh pengurus kokurikulum amat penting dan mesti dititikberatkan dalam melicinkan dan seterusnya menjayakan pelaksanaan kegiatan kokurikulum di sekolah (Nor Hisham Hashim, 2012).

Aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan seperti program sukan, kelab, persatuan, badan beruniform dan sebagainya sentiasa dipergiatkan lagi dalam kalangan murid pelbagai kaum untuk meningkatkan perasaan patriotisme. Aktiviti-aktiviti di peringkat zon atau daerah, negeri dan negara seperti ini patut diamalkan. Contohnya Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP). KPM telah melancarkan RIMUP sejak tahun 1986 di peringkat sekolah rendah dan kini diperluaskan ke semua sekolah rendah dan menengah pada tahun 2005. KPM memandang berat akan pentingnya dijalin hubungan yang rapat antara murid pelbagai kaum sejak di bangku sekolah supaya wujud kesefahaman dan perpaduan antara mereka.

RIMUP merupakan program yang menggalakkan penglibatan murid, guru dan masyarakat setempat dalam pelbagai aktiviti yang dirancang di sekolah. Program ini memberi penekanan kepada bidang kokurikulum, sukan dan khidmat masyarakat. Ia bermatlamat melahirkan generasi Malaysia yang berilmu, memiliki jiwa dan peribadi unggul, bersemangat muhibah serta mampu menghadapi cabaran secara kolektif dan bersepadu.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

5.5.2 Implikasi Kajian Terhadap Teori

Pengurusan adalah satu elemen penting di dalam mengendalikan mana-mana organisasi baik sebuah organisasi perniagaan atau bukan perniagaan seperti di sesebuah sekolah. Kesemuanya mempunyai elemen-elemen penting yang hendak diuruskan iaitu manusia, organisasi dan matlamat organisasi tersebut.

Daft (2012) serta Robbins dan De Cenzo (2008) menyatakan pengurusan bermaksud proses menyempurnakan sesuatu tugas dengan cekap dan berkesan melalui proses perancangan, pengorganisasian, kepemimpinan dan pengawalan sumber-sumber organisasi. Hasil kajian ini menyokong teori-teori mereka di mana pengurusan yang cekap dapat menyumbang kepada peningkatan pencapaian kokurikulum. Pada masa yang sama, dapatan kajian juga menyokong konsep Drucker (2006) di mana pengurusan kokurikulum adalah satu proses sosial dibentuk untuk mendapatkan kerjasama, penyertaan dan penglibatan guru-guru dan murid-murid dalam sesebuah sekolah untuk mencapai sesuatu maklumat atau objektif yang dikehendaki.

Amalan pengurusan yang dipraktikkan dengan berkesan akan menjadi sesebuah organisasi itu menjadi lebih berdaya saing. Seseorang pengurus kokurikulum mesti memahami bahawa pengurusan sebagai satu proses menempatkan input organisasi melalui perancangan, pengawalan dan penilaian bagi menghasilkan output supaya mencapai matlamat organisasi (Jaafar Muhamad, 2003; Thierauf & Hoctor, 2002).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Untuk mencapai penyelarasan dalam kalangan unit kecil dalam sesebuah organisasi kokurikulum, perancangan diperlukan agar rancangan unit-unit kecil tidak bertindih. Keselarasan perlu wujud di antara setiap sukan atau permainan, kelab atau persatuan serta unit beruniform supaya pertembungan masa untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kokurikulum tidak berlaku.

Penolong Kanan Kokurikulum (PKKK) harus merancang aktiviti kokurikulum dengan berbincang dengan guru-guru penasihat tentang rancangan yang boleh dijalankan untuk memastikan murid-murid cemerlang dalam aktiviti kokurikulum. Langkah ini adalah penting sebagai permulaan pelancaran aktiviti kokurikulum seperti yang diutarakan oleh Bateman dan Snell, (2013), Dubrin (2012) serta Zafir et al. (2009).

Perancangan yang rapi dengan memasukkan ke dalam takwim akan membolehkan setiap aktiviti yang dirancang akan dapat disempurnakan dengan jayanya. Walaupun penyertaan murid dalam kokurikulum di sekolah adalah diwajibkan sama ada untuk sekolah kerajaan atau bukan kerajaan (Laporan Kabinet 1979; Akta Pendidikan 1996), namun minat murid dan pilihan mereka terhadap kegiatan kokurikulum yang ingin diceburi perlu diambil perhatian kerana ia akan mempengaruhi pencapaian kokurikulum murid-murid.

Pengawalan yang efektif dapat menolong organisasi kokurikulum mencapai matlamat dengan berkesan. Hasil kajian ini menyokong kepada konsep Koontz dan Wiehrich (2007) serta Sabri et al. (2004). Pengawalan dapat mengawasi aktiviti-aktiviti yang dijalankan untuk memastikan semuanya berjalan dengan lancar dan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

teratur serta memperbaiki sebarang kesalahan. Ini dapat memastikan aktiviti-aktiviti akur dengan matlamat dan rancangan yang ditetapkan.

Oleh itu guru-guru penasihat perlu memainkan peranannya dengan berdedikasi dan bertanggungjawab dalam menguruskan kegiatan kokurikulum di sekolah. Kehadiran guru dan murid yang memuaskan merupakan salah satu aspek yang penting dalam pengawalan kegiatan kokurikulum. Kadar kehadiran yang memuaskan akan membantu murid menguasai setiap teknik atau ilmu yang disampaikan oleh guru penasihat. Alat bantu mengajar yang sesuai dan mencukupi juga amat penting untuk menjamin kelancaran kegiatan kokurikulum.

Selain itu, pemantauan dan penyeliaan adalah penting dalam memastikan pengurusan dilaksanakan secara berkesan dengan memberi tumpuan utama kepada kecekapan dan keberkesanan. Ini secara langsung dapat menambah baik usaha pihak sekolah dalam memupuk kecemerlangan pencapaian kokurikulum murid. Dapatan kajian ini mengukuhkan pandangan Rasid Abd Rasyid Tambutu (2009), Glickman et al. (2007) dan Abdullah Sani Yahaya (2005).

Aspek penilaian juga penting kerana ia dapat menyatakan kejayaan dan keberkesanan program kokurikulum. Sesuatu aktiviti adalah dianggap sebagai tidak membawa sebarang pengertian dalam melaksanakan kegiatan itu jika tanpa sebarang bentuk maklum balas dan penilaian. Hasil kajian ini dapat menyumbang kepada pandangan Daff dan Marcic (2011) serta Abdullah Mohamad (2011). Bentuk penilaian secara formal atau tidak formal (Tung, 2008; Ab. Alim Abdul Rahim, 2004)

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

boleh dilakukan untuk menambahbaikkan sesuatu aktiviti yang dijalankan atau sebagai panduan untuk aktiviti yang seterusnya.

Guru-guru penasihat lebih bersedia menerima dan melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan oleh pihak pentadbiran sekolah kepada mereka berasaskan matlamat kokurikulum sekolah. Hasil dapatan mampu membuktikan pandangan Yusnizam Ahmad (2008), Abu Bakar Mohd Husain (2007) dan E (2007) bahawa guru memainkan peranan bukan sahaja sebagai pembimbing malah juga merupakan penggalak kepada murid supaya melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti kokurikulum.

Hasil dapatan pengkaji menyumbang kepada kajian Adam Mohammad dan Mahmad Amir Radzali (2009), Jaggil Appak (2010) serta Jane dan Chuah (2013) yang mendapati guru memberikan perhatian yang tinggi dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum. Dapatan kajian juga menyokong pandangan Abu Bakar Mohd Husain (2007) bahawa minat bukan saja ditunjukkan oleh murid tetapi guru-guru juga perlu mempunyai kemahiran dan minat dalam aktiviti kokurikulum. Namun, hasil dapatan ini menyangkal dapatan kajian Roshidah Shahidan (2004) yang mendapati guru-guru mempunyai kesediaan yang rendah dalam bidang kokurikulum.

Secara keseluruhan, dengan memahami implikasi-implikasi terhadap amali dan teori, maka para pentadbir dan para guru boleh menggunakan pendekatan yang sesuai untuk menerajui aktiviti kokurikulum yang diamanahkan. Murid-murid juga dapat belajar dengan seronok dengan adanya sumber tenaga pengajar yang selalu bersedia untuk membantu dan membimbing mereka ke arah yang betul. Ini dapat

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

membantu meningkatkan pencapaian kokurikulum mereka memandang aktiviti kokurikulum bukan lagi aktiviti tambahan, tetapi sebagai pelengkap kepada kurikulum dalam sistem pendidikan negara.

5.6 Cadangan

Memandangkan kepentingan aktiviti kokurikulum dalam melahirkan murid yang seimbang daripada aspek intelek dan kemahiran sosial, maka perancangan, pengawalan dan penilaian aktiviti kokurikulum perlu dilaksanakan dengan berkesan bagi memastikan objektif kementerian untuk memantapkan pelaksanaan aktiviti kokurikulum mampu direalisasikan. Hal ini penting kerana murid yang terdedah dengan tekanan peperiksaan di sekolah mendorong mereka lebih tertumpu pada teknik untuk mendapatkan markah yang cemerlang dalam peperiksaan dan telah mengetepikan cara berhubung dengan orang di sekeliling mereka. Jika norma ini diteruskan, lama-kelamaan, interaksi antara manusia akan semakin berkurang sehingga tidak berinteraksi langsung. Selaras dengan keadaan ini, guru boleh memerhatikan kebolehan murid berinteraksi dengan murid, guru dan warga sekolah yang lain, penilaian seumpama ini akan menjadi lebih adil berbanding dengan sistem yang hanya mementingkan pencapaian akademik.

Salah satu faktor terpenting dalam menjayakan pengurusan kokurikulum adalah kerjasama pihak pentadbir dengan para guru penasihat. Guru penasihat seharusnya peka terhadap keperluan asas dan tambahan dalam pengurusan kokurikulum. Antara keperluan asas ialah memahami garis panduan dan pekeliling-

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

pekeliling pengurusan kokurikulum KPM secara tepat dan telus. Keperluan tambahan pula ialah kemahiran untuk menilai mekanisme sistem pengurusan yang diamalkan serta menggunakan sistem tersebut dengan cekap dan berkesan. Selain itu, pemantauan atau penyeliaan aktiviti kokurikulum perlu dilakukan dengan lebih kerap memandangkan skor min bagi aspek pengawalan hanya mencatat 3.86. Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab pentadbir untuk memastikan bahawa kegiatan kokurikulum yang dilaksanakan di sekolah dapat dilangsungkan dengan berjaya dan berkesan. Untuk itu, pihak pentadbir perlu melaksanakan tugas menyelia atau memantau serta menilai kegiatan tersebut dengan lebih kerap untuk memastikan pelaksanaan memenuhi matlamat dan objektif yang ditetapkan.

Semua pencapaian perlu dicatat dalam bentuk laporan dan bertujuan untuk mendapat maklum balas tentang keberkesanan program atau aktiviti kokurikulum dalam usaha untuk menambahbaikkan lagi program-program yang akan datang. Melalui proses pengawalan dan penilaian, pentadbir dapat memastikan para guru mendapat arah dan hala tuju yang betul dalam melaksanakan tugas berkenaan. Alternatif untuk mengadakan *post-moterm* selepas melihat pencapaian murid boleh dipertimbangkan supaya idea-idea yang dicadangkan untuk meningkatkan pencapaian murid adalah lebih bernas.

Kemahiran, kepakaran ataupun pengetahuan yang mendalam mengenai aktiviti kokurikulum yang dijalankan adalah penting bagi guru-guru penasihat, khasnya bagi aktiviti yang melibatkan sukan dan permainan. Ini kerana kepimpinan yang sempurna dan tunjuk ajar yang betul dapat diberikan sewaktu gerak kerja kokurikulum dijalankan. Lebih penting lagi, penguasaan kemahiran yang betul dapat mengelakkan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

kemalangan atau kecederaan berlaku dalam kalangan murid yang mengikuti aktiviti kokurikulum yang lasak (Ruzila Yusoff, 2006). Guru yang menguasai kemahiran asas memang memainkan peranan yang penting. Murid bukan sahaja dapat mempelajari teknik-teknik yang seharusnya malah dapat belajar dalam proses yang seronok dan betul.

Aspek pengetahuan penting dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan aktiviti kokurikulum. Ini disebabkan penguasaan guru dalam aspek tersebut memandu mereka untuk melaksanakan tugas dengan berkesan. Tanpa pengetahuan yang mencukupi akan menjejaskan tahap kesediaan guru untuk melaksanakan sesuatu aktiviti. Sehubungan dengan itu, dicadangkan bahawa guru perlu memiliki dan menguasai aspek tertentu atau sekurang-kurangnya kemahiran asas dalam aktiviti kokurikulum yang diterajui.

Rumusan daripada kajian Ruzila Yusoff (2006), usaha dan kesedaran untuk menambah baik pelaksanaannya di sekolah-sekolah memerlukan komitmen yang bersepadu daripada semua pihak sama ada pentadbir, guru-guru atau murid di samping ibu bapa serta masyarakat luar. Oleh itu, ibu bapa seharusnya didedahkan dengan kepentingan kegiatan kokurikulum dan bukannya hanya tertumpu pada akademik sahaja. Langkah Kementerian Pendidikan yang memperuntukkan markah dalam kegiatan kokurikulum sebagai salah satu syarat penting untuk memasuki universiti harus dititikberatkan sejak bangku sekolah lagi dan harus dipraktikkan dengan betul. Lembaga peperiksaan boleh menentukan markah wajaran yang lebih tinggi untuk aspek kokurikulum dan bukan hanya tertumpu dalam aspek akademik

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

sahaja. Perkara ini masih perlu dipraktikkan dengan rasional kerana markah peperiksaan masih merupakan unsur utama yang dipertimbangkan sehingga sekarang.

Seseorang guru perlu berusaha menambahkan pengetahuan mereka dalam bidang yang dipimpinnya untuk menjalankan peranannya dengan lebih berkesan dan berjaya. Masalah-masalah seperti kurang pengetahuan, tidak berminat, tiada pengalaman dan kemahiran menjadi alasan-alasan biasa apabila sesi pelaksanaan kegiatan kokurikulum dijalankan. Kesannya, pelaksanaan kegiatan kokurikulum tidak dapat dijalankan dengan baik dan berkesan. Terdapat juga unit-unit tertentu dalam kegiatan kokurikulum sesebuah sekolah yang hanya wujud untuk memenuhi keperluan Lembaga Peperiksaan sahaja. Guru yang terlibat tidak pernah merancang sebarang aktiviti menarik untuk ahli-ahlinya. Kesannya, minat murid dalam bidang yang terlibat bukan sahaja tidak menunjukkan penambahan malah menjadi semakin tawar.

Biasanya, rak buku pusat sumber sekolah akan diisi dengan koleksi mengenai teknik dan kemahiran dalam sesuatu aktiviti sukan serta pengisian unit beruniform. Guru yang telah dimaklumkan untuk menguruskan suatu aktiviti sukan atau badan beruniform dalam kegiatan kokurikulum tetapi kurang mahir dalam bidang tersebut perlulah rajin merujuk bahan-bahan yang berkenaan di pusat sumber sebelum membimbing murid supaya ilmu, teknik dan kemahiran yang diajar adalah betul dan tepat. Pendekatan proses pengajaran juga perlu dirancang dengan teliti untuk memastikan murid yang diajar akan terpengaruh dan seterusnya bertambah meminati aktiviti kokurikulum yang disertai.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar dan Jamaliah Jalaludin (2011), faktor komitmen merupakan salah satu faktor pendorong dalam menentukan kejayaan dan prestasi sesuatu sekolah. Maka untuk lebih jaya, pihak sekolah dan guru-guru perlu mengambil inisiatif yang lebih positif dalam meletakkan pengurusan kokurikulum di tempat yang betul dan tepat. Penglibatan dan komitmen guru-guru terhadap kegiatan kokurikulum juga dipengaruhi oleh faktor usia dan jantina selain latihan yang dinyatakan. Bagi guru muda, terutamanya mereka yang baru menamatkan latihan di IPG, semangat mereka yang baru membara dalam bidang pendidikan akan berusaha lebih gigih berbanding dengan guru yang telah lama berkhidmat sebagai guru. Bukan hendak dikatakan guru yang telah lama berkhidmat tidak berusaha, tetapi minda guru-guru yang berpengalaman ini selalu menganggap cara dan teknik yang digunakan selama ini adalah sesuai untuk membimbing murid-murid dalam kegiatan kokurikulum. Mereka enggan berusaha semula dalam mencari pengisian baharu. Ini seterusnya akan menghalang penyampaian informasi baharu kepada murid-murid. Pihak sekolah boleh usahakan latihan dalaman yang sesuai dengan keperluan sekolah dan sesuai untuk diterima oleh guru-guru bagi meningkatkan motivasi guru untuk berkhidmat sebagai penasihat aktiviti kokurikulum di samping menjadi penyampai pengetahuan yang disanjung.

Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Sekolah menerusi Unit Kokurikulum, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah perlulah menganjurkan lebih banyak kursus pengurusan kokurikulum termasuk kursus kejurulatihan dan kepegawaian kepada guru-guru di sekolah agar pengetahuan dan kemahiran guru-guru dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa ke arah pemantapan pengurusan kokurikulum.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Sikap guru juga perlu diubah demi masa depan anak-anak didik. Pembelajaran murid tidak patut hanya tertumpu pada akademik dan aktiviti dalam bilik darjah sahaja. Penglibatan murid yang sewajarnya dalam aktiviti luar bilik darjah akan dapat melatih murid menjadi semakin tabah, tahan lasak dan cergas terutamanya dalam kalangan murid perempuan. Guru boleh cuba turun padang bersama murid dan bukannya berfungsi sebagai pemberi arahan. Murid yang rapat dengan guru akan terpengaruh untuk menyertai aktiviti kokurikulum yang disertai secara aktif.

5.7 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian yang telah dijalankan hanya meliputi daerah Kinta Selatan dan tidak boleh digeneralisasikan sebagai keseluruhan pengurusan kokurikulum yang berada di Malaysia. Memandangkan sampel kajian hanya melibatkan sekolah-sekolah jenis kebangsaan cina di Kinta Selatan Perak, maka dicadangkan kajian seumpama ini dibuat di sekolah-sekolah kebangsaan dan sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil di tempat-tempat lain supaya menemui hasil yang lebih umum dan dapat dipakai di seluruh negara.

Kajian seumpama ini boleh dilanjutkan dengan mengkaji faktor-faktor lain seperti kesediaan penyertaan murid, minat murid, masalah-masalah yang dihadapi murid semasa menyertai aktiviti kokurikulum. Selain itu, masalah yang dihadapi oleh sekolah dalam pelaksanaan gerak kerja kokurikulum, faktor kewangan, faktor persekitaran dan lain-lain yang mempengaruhi pelaksanaan aktiviti kokurikulum juga boleh dikaji. Ini adalah bertujuan meninjau secara mendalam dan mendapat gambaran

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

sebenar dalam mempertingkatkan pencapaian murid-murid dalam kokurikulum. Tindakan penyelesaian masalah juga dapat dibuat bagi mencapai kecemerlangan dalam akademik dan juga kokurikulum.

